

# ***Himpunan Risalah***

***Dalam Beberapa***

## ***Persoalan Ummah***

**(Buku 3)**

**Perbezaan Antara Ekonomi Barat dan Ekonomi Islam, Isu  
Kafir Mengkafir, Menilai Semula Hukum Kenajisan Anjing,  
Tsunami!**

Penyusun

Hafiz Firdaus Abdullah

**Judul:**

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)

**Penyusun:**

Hafiz Firdaus Abdullah  
www.al-firdaus.com  
hafizfirdaus2@yahoo.com.my  
SMS: 019-384 8467

© **Hafiz Firdaus Abdullah.**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2005

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.  
Fax: 07-235 1603  
<http://www.jahabersa.com.my>  
jahabers@tm.net.my  
jahabers@starhub.net.sg

## Kandungan

<b>Kata Pengantar</b>	<b>4</b>
1. <b>Niat Dan Amal.</b> <b>(Kupasan Hadis 40 Imam al-Nawawi, Hadis no:1)</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>5</b>
2. <b>Penyelesaian Rabbani Bagi Masalah Ekonomi.</b> Shabnam Mokhtar & Siti Manisah Ngalm	<b>34</b>
3. <b>Manhaj Ahlus Sunnah Wal Jama'ah Dalam Isu Takfir.</b> Mohd. Yaakub bin Mohd. Yunus	<b>72</b>
4. <b>Apakah Wahabi?</b> Abu Ubaidah Al Atsari dan Abu Usamah	<b>98</b>
5. <b>Kontraversi Dakwaan Ibn Batutah Terhadap Ibn Taimiyyah.</b> Dr. Mohd. Asri b Zainul Abidin	<b>116</b>
6. <b>Jawapan Kepada Astora Jabat Berkenaan Hukum Mengucapkan <i>Merry Christmas</i>.</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>128</b>
7. <b>Tuhan Islam Kejam?</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>141</b>
8. <b>Hukum Kerjaya Yang Memiliki Unsur-Unsur "Tidak Halal".</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>183</b>
9. <b>Hukum Kenajisan Anjing: Satu Penilaian Semula.</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>187</b>
10. <b>Tsunami!</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>207</b>

*Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salam dan Selawat kepada Rasulullah, ahli keluarga baginda, para sahabat baginda dan semua generasi umat Islam yang bersungguh-sungguh dalam mengikuti mereka.*

*Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala **Buku 3** dalam siri Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah telah berjaya diterbitkan. Ia memuatkan beberapa risalah atau artikel yang dipandang penting menyentuh isu-isu dan persoalan umat Islam semasa.*

Sungguh, umat Islam masa kini dilanda dengan pelbagai isu dan persoalan yang memerlukan perbincangan yang tuntas terhadapnya. Sekalipun tidak dapat untuk merangkumi semua isu dan persoalan tersebut, sekurang-kurangnya melalui beberapa risalah yang ada dalam buku ini, ia dapat merangkumi sebahagian kecil daripadanya.

Saya mendoakan risalah-risalah ini dapat memberikan manfaat yang terbaik kepada para pembaca sekalian. Seandainya ada apa-apa kekurangan, harap dapat dikemukakan terus kepada saya atau para penyumbang risalah melalui alamat e-mel masing-masing.

Tidak ketinggalan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang risalah. Didoakan agar Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi mereka ganjaran yang lebih baik di dunia dan akhirat.

*Wassalamua'alaikum warahmatullah*

Hafiz Firdaus Abdullah

31 March 2005

**Niat Dan Amal.****(Kupasan Hadis 40 Imam al-Nawawi, Hadis no:1)**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ  
بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا امْرَأُ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

***Daripada 'Umar bin al-Khaththab (semoga Allah meredhainya), dia berkata, Rasulullah (selawat dan salam ke atas baginda) bersabda: "Sesungguhnya amal itu tidak lain hanyalah dengan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang hanyalah apa yang dia niatkan. Maka barangsiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa yang berhijrah untuk dunia yang dia inginkan atau kerana seorang wanita yang ingin dia nikahi, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dia berhijrah kerananya.***

**Kupasan # 1: Periwat Hadis.**

Hadis ini diriwayatkan oleh 'Umar al-Khaththab. Nama penuh beliau ialah 'Umar bin al-Khaththab bin Nufail bin 'Abd al-Uzza. Beliau dilahirkan pada tahun 39 sebelum hijrah. Sebelum memeluk Islam, beliau adalah antara musuh yang hebat kepada dakwah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Walaubagaimanapun Rasulullah tidak memandang beliau sebagai musuh yang patut dimusnahkan, tetapi sebagai orang yang banyak manfaatnya, seandainya dia masuk Islam. Lalu Rasulullah berdoa:

***Ya Allah, muliakanlah agama Islam ini dengan orang yang paling Engkau cintai di antara kedua orang ini, iaitu 'Umar (bin al-Khaththab) atau 'Amr bin Hisyam (Abu Jahal).***<sup>1</sup>

Dengan izin Allah, 'Umar akhirnya memeluk Islam. Diriwayatkan bahawa beliau adalah orang ke-52 yang memeluk Islam. Setelah memeluk Islam, beliau terus berkhidmat secara berani demi dakwah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebagai perbandingan, jika sebelum itu umat Islam dalam ketakutan untuk beribadah di sekitar Ka'bah, maka setelah 'Umar memeluk Islam beliau dengan berani mencabar sesiapa yang menghalang umat Islam daripada

---

<sup>1</sup> -----: Hadis ini memiliki beberapa lafaz yang berbeza dan diriwayatkan melalui jalan-jalan yang berbeza daripada sahabat yang berbeza. Antaranya ialah "Ya Allah, perteguhkanlah Islam melalui 'Umar", dikeluarkan oleh Ibn Abi Khaitsamah daripada Ibn Mas'ud dan al-Hakim al-Naisaburi daripada A'isyah. Berkata al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, sanadnya sahih. Rujuk *Fath al-Bari*, jld. 7, ms. 48.

beribadah di sekitar Ka'bah. Ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh* berkata:<sup>2</sup>

Islamnya 'Umar adalah suatu kemenangan besar, hijrahnya adalah keuntungan dan kepimpinannya adalah rahmat. Saya melihat sendiri bagaimana kami tidak mampu melakukan solat di *Baitullah* sebelum 'Umar menyatakan keislamannya. Tatkala 'Umar masuk Islam, dia menyatakan perang kepada mereka (kaum Quraisy) sehingga mereka membiarkan kami melakukan solat dengan bebas.

Sejak itu 'Umar menjadi antara tokoh besar di kalangan para sahabat. Beliau menyertai pelbagai ekspedisi dakwah dan jihad bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bahkan boleh dikatakan bahawa 'Umar sentiasa berada di sisi Rasulullah dalam apa jua urusan, bersama-sama dengan Abu Bakar *al-Shiddiq radhiallahu 'anh*.

Setelah kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan Abu Bakar *radhiallahu 'anh*, 'Umar menjadi khalifah umat Islam yang kedua. Manhaj kepimpinan beliau dianalisa oleh para pengkaji sebagai antara yang terbaik dalam sejarah manusia. Banyak perkara baru berkenaan kepimpinan negara yang dimulakan oleh 'Umar sehingga mendorong sebahagian pengkaji untuk menyusun kitab yang khas dalam bab kepimpinan 'Umar sahaja.

'Umar wafat pada tahun 24H setelah beberapa hari mengalami kecederaan

---

<sup>2</sup> Dirwayatkan oleh al-Thabarani dan dinukil oleh al-Hafiz al-Haitsami di dalam *Majma al-Zawa'id* – no: 14410.

hasil tikaman seorang musuh yang bernama Abu Lu'luah. Beliau menikam 'Umar ketika 'Umar sedang mengimami solat Subuh di Madinah. Demikianlah keberanian 'Umar sehingga musuhnya tidak berani berhadapan secara terus dengan beliau, tetapi perlu mencari jalan lain untuk menumpaskannya.

'Umar dikebumikan bersama-sama dua orang yang sentiasa beliau dampingi ketika masa hidupnya, iaitu bersebelahan dengan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan Abu Bakar *radhiallahu 'anh*.

### **Kupasan # 2: Periwiyatan Hadis.**

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim di dalam kitab *Shahih* masing-masing. Lafaz di atas adalah lafaz Muslim. Berkata Imam al-Nawawi setelah mengemukakan hadis di atas:

Diriwayatkan oleh dua imam ahli hadis, iaitu Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari dan Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi dalam kitab *Shahih* masing-masing dan kedua-duanya merupakan kitab (hadis) yang paling sahih yang pernah disusun.

Imam al-Bukhari *rahimahullah* dilahirkan pada tahun 194H di daerah Bukhara, kini terletak dalam negara Uzbekistan. Beliau mula mendalami ilmu hadis pada usia yang awal. Pada umur 16 tahun beliau berhijrah ke Mekah untuk



menunaikan ibadah haji. Seterusnya beliau tinggal di sana untuk menuntut ilmu. Pada umur 18 tahun, beliau menulis kitab *al-Tarikh al-Kabir* yang memuatkan biografi para perawi hadis. Kitab ini menjadi rujukan para ahli hadis sehingga kini.

Sejak itu Imam al-Bukhari *rahimahullah* melakukan banyak pengembaraan demi mencari ilmu, khasnya dalam ilmu hadis. Diriwayatkan bahawa beliau memiliki lebih daripada 1,080 orang guru. Imam al-Bukhari *rahimahullah* wafat pada tahun 256H.

Peninggalannya yang paling berharga ialah kitab *Shahih al-Bukhari*. Selain itu ialah kitab *al-Tarikh al-Ausath* dan *al-Tarikh al-Shagheir*, kedua-duanya berkenaan biografi perawi hadis dan *al-Adab al-Mufrad* berkenaan adab dan akhlak. Kitab *Shahih al-Bukhari* dan *al-Adab al-Mufrad* telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia dan Inggeris.

Imam Muslim *rahimahullah* lahir di Naisabur pada tahun 204H. Beliau dilahirkan dalam kalangan ilmuan Islam, di bandar yang terkenal juga sebagai pusat ilmu-ilmu Islam. Beliau mula mendalami ilmu hadis ketika berumur 12 tahun. Banyak mengembara ke pelbagai wilayah Islam demi mencari hadis. Antara guru beliau ialah Imam al-Bukhari. Imam Muslim wafat pada tahun 261H.

Seperti gurunya, Imam Muslim *rahimahullah* juga meninggalkan kepada umat Islam sesuatu yang amat berharga, iaitu kitab *Shahih Muslim*. Kitab ini, bersama-sama kitab *Shahih al-Bukhari*, adalah dua kitab hadis yang paling sahih yang pernah disusun. Demikian pengiktirafan Imam al-Nawawi *rahimahullah*

sepertimana di atas dan ini dipersetujui oleh para ilmuan Islam yang jujur seluruhnya.

### **Kupasan # 3: Kepentingan Hadis.**

Hadis ini memang memiliki kedudukan yang penting kepada umat Islam. Ini sedia terisyarat dengan tindakan Imam al-Nawawi *rahimahullah* yang meletakkannya sebagai hadis yang pertama daripada 40 hadis yang disusunnya. Sebelum itu, Imam al-Bukhari *rahimahullah* juga telah meletakkan hadis ini sebagai yang pertama dalam kitab *Shahihnya*. Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* menerangkan sebabnya:<sup>3</sup>

Al-Bukhari memulai kitabnya *al-Shahih* dengan hadis tersebut dan menempatkannya sebagai *Kata Pengantar* sebagai isyarat bahawa semua amal perbuatan yang tidak dimaksudkan dengan keredhaan Allah adalah batil dan tidak ada hasilnya di dunia dan akhirat. Oleh kerana itu 'Abd al-Rahman bin Mahdi berkata: "Seandainya aku menulis bab-bab (dalam sebuah buku), aku pasti meletakkan hadis 'Umar al-Khaththab tentang seluruh amal perbuatan harus dengan niat pada setiap bab."

---

<sup>3</sup> *Jami' al-Ulum wa al-Hikam* (edisi terjemahan oleh Fadhli Bahri dengan judul *Panduan Ilmu dan Hikmah*; Darul Falah, Jakarta 2002), ms. 2 dengan beberapa suntingan bahasa oleh penulis.

Abu Daud al-Sijistani *rahimahullah* berkata:<sup>4</sup>

Aku menulis hadis daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebanyak 500,000 buah. Kesemua hadis itu aku saring sepertimana yang termuat dalam kitabku *al-Sunan (Sunan Abu Daud)* hingga akhirnya berjumlah 4,800 buah hadis. Di antara hadis-hadis tersebut ada empat hadis yang sudah cukup bagi manusia demi agama mereka. Keempat-empat hadis tersebut adalah:

1. *"Sesungguhnya amal itu tidak lain hanyalah dengan niat"*
2. *"Di antara kebaikan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berguna baginya."*
3. *"Orang mukmin tidak menjadi mukmin sehingga tidak dia redha untuk saudaranya melainkan apa yang dia redha untuk dirinya sendiri."*
4. *"Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas."*

#### **Kupasan # 4: Yang Dimaksudkan Dengan Niat.**

Niat adalah gerak hati, kehendak dan keazaman untuk melakukan sesuatu

---

<sup>4</sup> Dikemukakan oleh Ibn Rajab dalam *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*, ms. 4 dengan beberapa suntingan bahasa oleh penulis.

perkara, sama ada ianya baik atau buruk. Al-Baidhawi *rahimahullah* berkata:<sup>5</sup>

Niat adalah dorongan hati untuk melakukan sesuatu sesuai dengan tujuan, baik yang mendatangkan manfaat atau menolak mudarat.

#### **Kupasan # 5: Niat Hendaklah Disertai Dengan Keikhlasan.**

Niat yang dikehendaki oleh Islam bukanlah semata-mata gerak hati tetapi gerakan yang ikhlas kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh kerana itulah dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut: ***Maka barangsiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa yang berhijrah untuk dunia yang dia inginkan atau kerana seorang wanita yang ingin dia nikahi, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dia berhijrah kerananya.***

Pengajaran hadis tidak terhad kepada peristiwa hijrah tetapi umum kepada apa jua amal yang kita buat, baik ia adalah amal khusus kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau ibadah umum di antara sesama manusia. Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* menegaskan:<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Dikemukakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (edisi terjemahan oleh Ghazirah Abdi Ummah dengan judul *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*; Pustaka Azzam, Jakarta 2002), jld. 1, ms. 19.

<sup>6</sup> *Fath al-Bari*, jld. 1, ms. 30.

Syaikh al-Islam<sup>7</sup> mengatakan: "Konteks penjelasan hadis tersebut adalah umum walaupun mempunyai sebab yang khusus." Maka kita dapat mengambil kesimpulan bahawa yang menjadi dasar dalam menentukan hukum adalah lafaz nas secara umum, bukan sebab-sebab yang khusus.

Gerak hati yang ikhlas kerana Allah tidaklah bererti sesuatu amalan itu tidak boleh dilakukan untuk tujuan-tujuan yang lain. Boleh dilakukan sesuatu amalan dengan niat yang lebih dari satu dengan syarat yang pertama dan tertinggi ialah ikhlas kerana Allah. Sekali lagi, penjelasan Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* menjadi rujukan:<sup>8</sup>

Imam al-Ghazali menggariskan bahawa apabila keinginan untuk memperoleh dunia lebih besar daripada keinginan untuk mendekati diri kepada Allah, maka orang tersebut tidak mendapat pahala. Begitu pula, apabila terjadi keseimbangan antara kedua-duanya antara keinginan untuk mendapatkan dunia dan mendekati diri kepada Allah, dia tetap tidak mendapat pahala. Akan tetapi apabila seseorang berniat ibadah dan mencampurkannya dengan keinginan selain ibadah yang dapat mengurangi keikhlasan, maka Abu Ja'far al-Thabari telah

---

<sup>7</sup> Ketika memulai syarahannya kepada hadis di atas, Ibn Hajar al-'Asqalani menyebut *Syaikh al-Islam* tersebut sebagai "Guru kami". Maka kemungkinan besar yang beliau maksudkan ialah gurunya al-Hafiz Abu al-Fadhal Zain al-Din 'Abd al-Rahim bin al-Husain al-'Iraqi *rahimahullah*, seorang imam hadis yang unggul yang meninggal dunia pada tahun 806H.

<sup>8</sup> *Fath al-Bari*, jld. 1, ms. 29.

menukil pendapat para ulama' *Salaf* bahawa yang harus menjadi tolok ukuran adalah niat awal. Apabila dia memulai dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah, maka perubahan niat (dalam hal-hal seterusnya) tidak menggugurkan pahalanya.

Contoh beramal dengan lebih daripada satu niat ialah seorang yang pergi menunaikan solat secara berjamaah. Niatnya yang pertama ialah ikhlas kerana Allah manakala niatnya yang kedua ialah ingin berbincang dengan beberapa ahli jamaah yang lain dalam hal-hal tertentu. Contoh kedua ialah seorang yang berpuasa sunat, niatnya yang pertama ialah ikhlas kerana Allah manakala niatnya yang kedua ialah menjaga kesihatan dirinya. Contoh ketiga ialah orang yang pergi menunaikan ibadah haji. Niatnya yang pertama ialah ikhlas kerana Allah manakala niatnya yang kedua ialah ingin melakukan perniagaan jual beli. Allah *'Azza wa Jalla* berfirman:

***Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji).*** [al-Baqarah 2:198]

#### **Kupasan # 6: Lawan Kepada Keikhlasan Ialah Riya'.**

Jika ikhlas ialah beramal kerana Allah maka riya' ialah beramal kerana manusia. Perkataan riya' berasal daripada perkataan *Ru'yah* yang bererti melihat.

Oleh itu riya' ialah mengingini agar orang ramai melihat kepada amalannya.<sup>9</sup> Sebagai contoh ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikut ini:

***Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari negerinya (untuk berjihad di jalan Allah) dengan berlagak sombong dan menunjuk-nunjuk (riya') kepada orang ramai.*** [al-Anfal 8:47]

Riya' ialah satu penyakit hati yang amat besar padahnya. Sekalipun seseorang itu melakukan amalan yang amat besar lagi berat, jika dia riya, amal tersebut tidak membawa apa-apa manfaat kepada dirinya. Malah ia akan menjadi penyebab kepada azab di akhirat. Masih merujuk kepada contoh ayat di atas, hadis berikut menerangkan padah orang yang keluar berjihad kerana riya':

***Sesungguhnya manusia yang pertama dihitung ke atasnya pada Hari Kiamat adalah orang yang mati syahid. Maka dia dibawa dan (Allah) memperkenalkan kepadanya akan segala nikmat-Nya lalu dia mengenalinya. (Kemudian) Allah berfirman: "Maka apakah yang telah engkau lakukan terhadapnya (nikmat-nikmat tersebut)?"***

***Dia menjawab: "Aku berperang pada (jalan) Engkau sehingga aku mati syahid."***

***Allah berfirman: "Engkau berdusta, akan tetapi engkau berperang supaya diperkatakan: Dia seorang yang berani maka sungguh telah***

---

<sup>9</sup> Ibn Qudamah – *Minhaj al-Qasidin* (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi dengan judul yang sama; Pustaka al-Kautsar, Jakarta 1999), ms. 272

***diperkatakan (oleh orang lain).”***

***Kemudian diperintahkan (para malaikat kepada)nya, maka diseret di atas mukanya sehingga dilemparkan ke dalam neraka.<sup>10</sup>***

Riya' boleh berlaku pada tiga peringkat ketika seseorang itu beramal:

1. Sebelum dia beramal, seperti contoh ayat dan hadis di atas yang menerangkan seseorang yang keluar berjihad kerana riya'. Amalnya ditolak oleh Allah.
2. Semasa beramal, yakni seseorang itu pada asalnya ikhlas dalam beramal. Akan tetapi ketika sedang beramal dia didatangi dengan sifat riya'. Amalnya ditolak oleh Allah kecuali jika sifat riya' tersebut segera dipadamkan secepat dan semaksima mungkin.
3. Selepas beramal, yakni seseorang yang pada asalnya ikhlas dalam beramal dari mula hingga akhir. Akan tetapi setelah itu dia didatangi sifat riya'. Amalnya akan diterima oleh Allah sehinggalah ke saat dia didatangi dengan sifat riya' tersebut. Pada saat itu, amalnya tidak lagi diterima oleh Allah kecuali jika dia segera berusaha memadamkannya secepat dan semaksima mungkin.

Penerangan Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* berikut ini menjelaskan lagi

---

<sup>10</sup> **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 1905 (*Kitab Pemerintahan, Bab seseorang yang berperang kerana riya'.....*).



poin kedua dan ketiga di atas:<sup>11</sup>

Jika sejak awal amal itu adalah kerana Allah lalu kemudian niat riya' muncul, jika pengamal segera menghilangkannya, maka itu (kemunculan riya') tidak membahayakan pengamal. Tidak ada perbezaan pendapat (di kalangan ilmuan) dalam hal ini.

Terdapat beberapa petanda bagi seseorang itu mengukur dirinya sama ada dia memiliki sifat riya':

1. Merasa lebih bersemangat apabila beramal di hadapan orang ramai berbanding bersendirian.
2. Mengharap-harapkan pujian daripada orang ramai terhadap amalannya. Merasa tidak senang jika tidak ada pujian yang diberikan atau pujian yang diberikan tidak mencukupi.
3. Merasa tidak selesa jika amal tersebut dilakukan secara berkumpulan. Ini kerana penghargaan akan diberikan kepada semua ahli kumpulan dan tidak kepada dirinya seorang. Walaubagaimanapun perlu dibezakan antara orang yang sememangnya lazim beramal secara sendirian atau berkumpulan. Jika dia lazim beramal secara bersendirian kerana berpendapat itu lebih efektif, maka ia tidaklah dinamakan riya'.

Terdapat beberapa langkah untuk menghindari dan menepis sifat riya'

---

<sup>11</sup> *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*, ms. 27.

daripada diri seseorang:

1. Menginsafi bahawa riya' adalah salah satu penyakit hati yang buruk padahnya. Hadis di atas berkenaan orang yang berperang kerana riya' patut menjadi sumber iktibar. Ini kerana jika satu amal yang amat berat lagi besar seperti berjihad sehingga gugur syahid tetap ditolak kerana riya', apatah lagi amal-amal yang lain.
2. Menyedari bahawa mencari kemuliaan di sisi manusia hanyalah bersifat relatif dan sementara. Ia bersifat relatif kerana apa yang dianggap mulia di sisi sebahagian orang mungkin dianggap hina di sisi sebahagian yang lain. Ia bersifat sementara kerana apa yang dianggap mulia pada saat ini mungkin dianggap hina pada saat akan datang sekalipun di sisi orang yang sama. Oleh itu kemuliaan tidak sepatutnya dicari di sisi manusia tetapi hendaklah dicari di sisi Allah kerana ia bersifat tetap dan berkekalan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Sesiapa yang mahukan kemuliaan, maka bagi Allah jualah segala kemuliaan.*** [Fatir 35:10]

3. Melazimkan diri bersahabat dan bersama kalangan orang-orang yang memiliki ciri-ciri yang mulia di sisi Allah. Ini kerana ciri-ciri orang dipersekitaran kita sangat memberi kesan kepada diri kita sendiri, sama ada kita menyedarinya atau tidak. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

**Sesungguhnya perumpamaan teman yang salih dan teman yang buruk hanyalah seumpama pembawa minyak wangi dan peniup tungku api seorang tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, boleh jadi sama ada dia memberinya kepada kamu (minyak wangi) atau kamu membeli daripadanya (minyak wangi) atau kamu mendapat bau harum daripadanya. Bagi peniup tungku api seorang tukang besi, boleh jadi sama ada ia akan membakar pakaian kamu (kerana kesan tiupan api) atau kamu mendapat bau yang tidak sedap daripadanya (bau besi).<sup>12</sup>**

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan wajah Allah semata-mata;**

**Dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta dia menurut hawa nafsunya dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran. [al-Kahfi 18:28]**

---

<sup>12</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 2628 (*Kitab kebaikan..., Bab disukai teman yang shalih...*).

4. Berdoa kepada Allah agar dipelihara daripada sifat riya'. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengajar kita sebuah doa yang amat baik:

***Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau daripada menyekutukan Engkau padahal aku mengetahui dan aku memohon keampunan Engkau (daripada menyekutukan Engkau dengan sesuatu) yang tidak aku ketahui.***<sup>13</sup>

Doa di atas mengajar kita berlindung daripada menyekutukan Allah. Riya' ialah salah satu bentuk penyekutuan terhadap Allah (syirik) berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berikut ini:

***"Mahukah aku khabarkan kepada kalian dengan sesuatu yang lebih aku bimbangi ke atas kalian daripada al-Masih al-Dajjal?" Perawi berkata: Kami berkata: "Sudah tentu!" Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "(Ia adalah) syirik yang tersembunyi, yakni seseorang yang bersolat lalu dia memperkemaskan solatnya kerana mendapati ada orang yang memandangnya."***<sup>14</sup>

5. Segera mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* apabila tiba-tiba terlintas

---

<sup>13</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Hakim dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir* – hadis no: 3731.

<sup>14</sup> **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan sanadnya dinilai hasan oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam semakannya ke atas kitab *Sunan Ibn Majah* - hadis no: 4204 (*Kitab Zuhud, Bab riya'...*)

sifat riya' dalam diri yang asalnya ikhlas kerana ia adalah bisikan syaitan:

***Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari Syaitan, mereka ingat (kepada Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar).*** [al-A'raaf 7:201]

Perlu dibezakan bahawa menghindari riya' tidaklah bererti menjauhan amalan di hadapan orang ramai. Janganlah atas alasan menghindari riya' seseorang itu meninggalkan amalan-amalan yang bermanfaat untuk orang ramai. Ada beberapa amalan yang memiliki kaitan dengan orang ramai yang tidak dikira sebagai riya', antaranya:

1. Melakukan amalan di hadapan orang ramai sebagai pendorong kepada mereka untuk melakukan hal yang sama juga. Ini tidak dianggap sebagai riya' dengan syarat niatnya yang pertama adalah ikhlas. Sebagai contoh ialah dalam bersedekah:

***Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu.*** [al-Baqarah 2:271]

2. Bersungguh-sungguh dalam beramal demi mencapai kecemerlangan tidak dikira sebagai riya'. Seperti seorang pekerja yang bersungguh-sungguh

dalam kerjanya di pejabat, seorang pengajar yang bersungguh-sungguh mendidik muridnya dan seorang tuan rumah yang bersungguh-sungguh mengemas rumah serta menyediakan masakan demi memuaskan tetamunya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Sesungguhnya Allah Ta'ala mengasihi jika seseorang itu beramal, dia beramal dengan cemerlang.***<sup>15</sup>

3. Menerima penghargaan daripada orang ramai atas amalan yang dilakukannya, seperti seseorang yang diberi penghargaan atas usaha-usaha kebajikannya. Ia tidak dikira sebagai riyā' selagi mana syarat asal dia berbuat kebajikan ialah bukan untuk menerima penghargaan tersebut. Memberi penghargaan atau berterima kasih kepada orang yang berbakti adalah dianjurkan dalam Islam berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Tidaklah berterima kasih kepada Allah sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia.***<sup>16</sup>

4. Menerima pujian bagi amal yang dilakukan. Pujian terbahagi kepada dua jenis, yang terpuji dan yang tercela. Pujian yang terpuji adalah sekadar

---

<sup>15</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Ya'la dan al-Baihaqi, dinilai sahih oleh Mokhtar Ahmad an-Nadwi dalam *Jami' li Syu'aib al-Iman – no: 4930 (Bab Tentang Amanah...)*.

<sup>16</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari di dalam *al-Adab al-Mufrad*, Abu Daud dan al-Tirmizi, dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih al-Adab al-Mufrad – hadis no: 218 (Bab orang yang tidak berterima kasih kepada manusia)*.

menerangkan apa yang baik dan bermanfaat agar orang yang melakukannya dapat mengenali apa yang baik dan bermanfaat dalam amalnya. Dengan mengenali apa yang baik dan bermanfaat, dia dapat meneruskan amalan tersebut dan memperluaskannya. Pujian yang tercela adalah yang berlebih-lebihan sehingga boleh merosakkan keikhlasan orang yang beramal.

Abu Zar *radhiallahu 'anh* pernah bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang seorang yang beramal lalu dia dipuji oleh manusia. Rasulullah menjawab:

***Ia adalah sebahagian daripada berita gembira bagi orang yang beriman.***<sup>17</sup> Inilah yang dimaksudkan sebagai pujian yang terpuji dan yang dibolehkan.

Dalam ketika yang lain Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

***Apabila kalian melihat orang-orang yang (berlebih-lebihan dalam) memberi pujian, maka simbahlah muka mereka dengan debu.***<sup>18</sup>

Inilah yang dimaksudkan sebagai pujian yang tercela.

---

<sup>17</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 2642 (*Kitab kebaikan..., Bab disukai teman yang shalih...*).

<sup>18</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 3002 (*Kitab Zuhud..., Bab larangan daripada berlebih-lebihan dalam memberi pujian...*).

5. Menampilkan diri sendiri jika yakin ia dapat membawa manfaat. Ini berdasarkan tindakan Nabi Yusuf *'alaihissalam* yang berpesan kepada salah seorang banduan yang bakal dibebaskan agar mengkhabarkan kepada Raja tentang kepandaiannya menafsir mimpi:

***Dan berkatalah Yusuf kepada orang yang dia percaya akan terselamat di antara mereka berdua: "Sebutkanlah perihalku (yang pandai menafsir mimpi) kepada tuanmu."*** [Yusuf 12:42]

#### **Kupasan # 7: Tempat Niat Adalah Di Dalam Hati.**

Tempat niat adalah di dalam hati seseorang. Oleh itu tidak perlu melafazkan niat apabila ingin melakukan sesuatu amalan. Imam Ibn al-Qayyim *rahimahullah* berkata:<sup>19</sup>

Niat adalah keinginan melakukan sesuatu dan tempatnya adalah di hati. Ia sama sekali tidak ada kaitan dengan lisan. Oleh kerana itu tidak pernah diriwayatkan daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, juga tidak daripada para sahabat tentang lafaz niat. Demikian pula kita tidak mendengar daripada mereka tentang disebutkan niat tersebut.

Melafazkan niat dengan lisan bukan sahaja tidak perlu tetapi sia-sia

---

<sup>19</sup> *Ighatsah al-Lahfan fi Mashayid al-Syaitan* (إغاثة اللهفان في مصائد الشيطان) (edisi terjemahan oleh Ainul Haris dengan judul *Melumpuhkan Senjata Syetan*; Darul Falah, Jakarta 1421H), ms. 184.



kerana yang diambil kira oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah apa yang ada di dalam hati dan bukannya di lisan. Abu 'Ubaidah Masyhur bin Hasan *hafizahullah* berkata:<sup>20</sup>

Ijma' para ulama' bahawa jika ucapan lisan tidak sesuai dengan kata hati, maka yang dianggap sah (yang diambil kira) adalah yang ada dalam hati. Ijma' ini diceritakan oleh al-Nawawi dalam *al-Majmu Syarh al-Muhazzab*, jld. 1, ms. 376. Jika demikian apa faedahnya melafazkan niat jika ijma' ulama' mengatakan bahawa yang dianggap sah adalah kata hati, bukan apa yang diucapkan di lisan.

Lebih dari itu, melafazkan niat di lisan menjadi medan untuk syaitan mengganggu seseorang memulakan ibadahnya. Imam Ibn al-Qayyim *rahimahullah* meneruskan:<sup>21</sup>

Adapun beberapa bentuk lafaz niat yang diada-adakan ketika permulaan untuk bersuci (wudhu') dan bersolat, ia dimanfaatkan oleh syaitan sebagai senjata bagi orang yang selalu was-was. Syaitan menyiksa mereka dengannya, terus menerus menekan mereka agar mencari pembenarannya. Oleh itu engkau melihat salah seorang daripada mereka selalu mengulang-ulang niat dan lafaz tersebut

---

<sup>20</sup> *Al-Qaul al-Mubin fi Akhtha' al-Mushallin* (edisi terjemahan oleh Djunaedi dengan judul *Koreksi Total Ritual Sholat*; Pustaka Azzam, Jakarta 2001), ms. 102 dengan beberapa suntingan bahasa oleh penulis.

<sup>21</sup> *Ighatsah al-Lahfan*, ms. 184.

padahal ia bukanlah bahagian daripada solat.

Oleh itu sekali lagi ditegaskan, tempat niat adalah di dalam hati dan bukannya di lisan. Tidak perlu menzalimi diri sendiri dengan bersusah payah melafazkan niat di lisan. Sebahagian para ilmuan ada yang mengesyorkan agar niat dilafaz dengan lisan. Pengesyoran mereka hanya bagi orang-orang yang sering ragu-ragu agar apa yang ada di lisan dapat mengukuhkan apa yang ada di hati. Akan tetapi perlafazan tersebut hanyalah sekadar "Inilah wudhu' aku" atau "Inilah solat Zohor aku".

Melafazkan niat di lisan boleh membawa kepada kesalahan yang besar apabila seseorang itu beriktikad ia adalah sebahagian daripada agama atau apabila ia mengganggu orang lain ketika solat berjamaah. Al-Qadhi Abu al-Rabi' *rahimahullah* berkata:<sup>22</sup>

Mengeraskan suara ketika membaca lafaz niat dan ayat-ayat al-Qur'an<sup>23</sup> ketika bersolat sebagai makmum bukanlah termasuk perbuatan sunnah, malah dianggap makruh. Jika yang dikerjakan itu boleh mengganggu orang yang sedang solat, maka hukumnya menjadi haram. Barangsiapa yang mengatakan bahawa mengeraskan suara ketika membaca niat termasuk perbuatan sunnah, maka pendapat itu tidak benar. Tidak halal baginya dan sesiapa jua mengatakan sesuatu

---

<sup>22</sup> Dinukil daripada *Al-Qaul al-Mubin fi Akhtha' al-Mushallin*, ms. 98.

<sup>23</sup> Yakni menyebut ayat-ayat al-Qur'an dan bacaan-bacaan dalam solat sehingga mengganggu jamaah yang di sebelahnya.

tentang agama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tanpa dilandasi ilmu.

### **Kupasan # 8: Niat Dan Amal Hendaklah Sentiasa Bergandingan.**

Jika diperhatikan semula hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengaitkan niat dengan amal. Oleh itu kedua-dua perkara ini, niat dan amal, sentiasa bergandingan. Tidak boleh berniat sahaja tanpa amal. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Oleh itu sesiapa yang berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang salih dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.*** [al-Kahfi 18:110]

Terdapat dua unsur penting dalam ayat di atas yang saling mengikat antara satu sama lain. Jika salah satu daripadanya terpisah, maka gugurlah kedua-duanya:

1. Keikhlasan niat, yakni "***...berharap akan pertemuan dengan Tuhannya...***" dan "***...janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.***"
2. Amal perbuatan, yakni "***...hendaklah dia mengerjakan amal yang salih...***"

Tidak boleh berniat sahaja lalu dengan sengaja meninggalkan amal. Ini

sebagaimana yang berlaku kepada sebahagian orang sekarang ini di mana mereka mendakwa berniat melakukan sesuatu amal yang baik di sisi agama namun niat tersebut secara sengaja tidak diterjemahkan kepada perbuatan. Contohnya ahli-ahli segelintir tareqat tasawuf yang kononnya hanya mencukupkan diri dengan niat solat tanpa melakukan solat itu sendiri.

Pada waktu yang sama tidak boleh berniat untuk menjauhi kemungkaran akan tetapi tetap melakukannya. Ini sebagaimana yang berlaku kepada sebahagian lain yang melakukan amal yang salah di sisi agama, lalu apabila ditegur akan kesalahannya itu dia menjawab "Yang penting ialah apa yang ada di dalam hati."

Dalam perenggan di atas, penulis menggunakan perkataan "sengaja meninggalkan amal" kerana jika seseorang itu berniat untuk melakukan sesuatu amal lalu ia terhalang secara tidak sengaja, maka dia tetap mendapat pahala ke atas niatnya tersebut. Inilah anugerah daripada Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Barangsiapa yang ingin melakukan amal kebaikan akan tetapi dia tidak melakukannya, ditulis baginya satu kebaikan. Dan barangsiapa yang ingin melakukan amal kebaikan lalu dia melakukannya, ditulis baginya sepuluh sehingga digandakan kepada tujuh ratus. Dan barangsiapa yang ingin melakukan amal keburukan lalu dia tidak melakukannya, tidak ditulis (apa-apa kesalahan baginya) dan jika***

***dilakukan, ditulis baginya (pada kadar kesalahan tersebut).***<sup>24</sup>

### **Kupasan # 9: Niat Dan Amal Hendaklah Sentiasa Benar.**

Niat dan amal hendaklah sentiasa benar. Niat yang benar ialah ikhlas kepada Allah. Ini sebagaimana yang diterangkan dalam salah satu kupasan di atas. Amal yang benar ialah apa yang selari dengan petunjuk Allah dan Rasul-Nya, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Niat yang benar tetapi amal yang salah atau yang tercemar antara yang tulen dan palsu tidak akan memberi manfaat kepada seseorang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Barangsiapa yang mengada-adakan sesuatu yang baru dalam urusan kami ini (agama) apa yang tidak berasal daripadanya (daripada agama), maka ia tertolak.***<sup>25</sup>

Oleh kerana itu apabila membaca firman Allah:

***Dia-lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu),***

---

<sup>24</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 130 (*Kitab Imam, Bab seorang hamba ingin melakukan kebaikan...*)

<sup>25</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 1718 (*Kitab al-Aqdiyah*).

**lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).** [al-Mulk 67:02], al-Fudhail bin 'Iyadh *rahimahullah*, seorang tokoh zaman awal Islam berkata:<sup>26</sup>

Yang dimaksudkan dengan "yang lebih baik amalnya" pada ayat di atas ialah yang paling ikhlas dan paling benar. Jika amal itu adalah ikhlas tetapi tidak benar maka ia tidak diterima. Jika amal itu adalah benar tetapi tidak ikhlas maka ia juga tidak diterima sehinggalah amal tersebut menjadi ikhlas dan benar. Ikhlas ialah jika amal tersebut (dilakukan) kerana Allah '*Azza wa Jalla* manakala benar ialah jika amal tersebut sesuai dengan al-Sunnah.

Oleh itu hendaklah setiap orang yang ingin beramal tidak sekadar memerhatikan keikhlasan dirinya tetapi juga menyemak kebenaran amal yang bakal dilakukannya. Semakan adalah pada tolok ukuran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, bukan amalan majoriti atau turun temurun. Tiada jalan mudah melainkan memperbanyakkan ilmu agar keikhlasan dalam beramal sentiasa bergandingan dengan kebenaran dalam beramal.

---

<sup>26</sup> Dikemukakan oleh Ibn Rajab dalam *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*, ms. 16.

**Pengajaran Penting Daripada Kupasan Hadis No: 1:**

1. Niat ialah gerak hati, kehendak dan keazaman untuk melakukan sesuatu ikhlas kerana Allah.
2. Tidak mengapa jika niat digandingkan dengan sesuatu tujuan lain dengan syarat keikhlasan kerana Allah menduduki tempat yang pertama.
3. Lawan kepada ikhlas adalah riya', iaitu beramal dengan niat mempamerkannya demi mencari kemuliaan di sisi manusia.
4. Tempat niat adalah di dalam hati, bukan di lisan.
5. Niat Dan Amal Hendaklah Sentiasa Bergandingan.
6. Niat Dan Amal Hendaklah Sentiasa Benar.

## **Penyelesaian Rabbani Bagi Masalah Ekonomi**

oleh:

Shabnam Mokhtar (querida\_287@yahoo.com)

&

Siti Manisah Ngalim (siti@putra.upm.edu.my)

### **1. Ekonomi dan Permasalahannya**

Ekonomi secara amnya bermaksud kajian tentang bagaimana sumber yang terhad sepatutnya dibahagi dan diuruskan.<sup>27</sup> Ia juga berkaitan dengan kajian tentang pilihan yang dilakukan oleh manusia untuk hidup dalam sumber yang kekurangan/terhad.<sup>28</sup> Daripada kedua-dua definisi ini, dapat disimpulkan bahawa ekonomi itu berkaitan dengan dua perkara iaitu **sumber yang terhad** dan **kehendak manusia** terhadap sumber tersebut.

Teori ekonomi pula ditakrifkan sebagai analisis tabiat/perlakuan manusia yang bersangkutan dengan peruntukkan/pembahagian sumber yang ada kepada pelbagai kegunaan yang berpotensi. Inilah yang menjadi punca kepada masalah ekonomi iaitu bagaimana harus manusia memenuhi kehendak yang tidak terbatas

---

<sup>27</sup> John Black, *Oxford Dictionary of Economics*, Oxford University Press, 2003, ms. 135

<sup>28</sup> Parkin, Micheal, *Microeconomics 3<sup>rd</sup> Ed*, Addison Wesley, 1996, ms. 8



mengikuti pilihan mereka sedangkan sumber yang ada adalah terhad.

Setiap jalan penyelesaian kepada permasalahan asas ekonomi ini akan membentuk satu sistem yang dipanggil sistem ekonomi. Solusi yang diberikan dari negara barat umumnya dapat dirangkumkan kepada dua sistem ekonomi yang utama: Sistem Kapitalis dan Sistem Sosialis. Tidak dapat dinafikan pelbagai usaha telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini namun sehingga hari ini, tidak ada penyelesaian yang dapat mengatasi masalah ini secara keseluruhan.<sup>29</sup>

Sebagai satu sistem hidup yang syumul, apa pula pandangan Islam terhadap masalah sumber dan kehidupan manusia ini? Apakah saranan yang terdapat dalam intipati ajaran Islam itu sendiri membolehkan manusia menyelesaikan masalah ini? Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, penulis akan bermula dengan sejarah kelahiran sistem ekonomi konvensional serta solusi yang dicadangkan. Kemudian penulis akan membincangkan secara ringkas prinsip asas Islam dan kesannya keatas ekonomi. Akhir sekali penulis akan menyampaikan penyelesaian yang disarankan dalam Islam dan prasyarat yang perlu dipenuhi oleh umat bagi merealisasikan penyelesaian ini *insha'Allah*.

## **2. Sejarah Kelahiran Sistem Ekonomi Konvensional**

Memahami sejarah kelahiran sistem ekonomi konvensional akan membantu pembaca memahami motif dan solusi setiap sistem ekonomi tersebut

---

<sup>29</sup> Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid 1, P.T. Dana Bhakti Wakaf, 1995, ms. 1

*insha'Allah*. Kejatuhan Bandar Constantinople (Istanbul) ke tangan Kerajaan Turki Utmaniyyah pada kurun ke-15 merupakan detik penting dalam sejarah Eropah kerana ia menandakan kejatuhan Kerajaan Rom yang beragama Kristian.

Sewaktu peperangan ini, sebahagian rakyat Rom telah melarikan diri ke Itali dan membawa bersama mereka penulisan lama (ancient text) zaman Yunani (Greek). Penulisan Greek ini pula seterusnya mencetuskan "Rennaisance dan Reformation" di Eropah<sup>30</sup> akibat ketidakpuashatian rakyat dengan salahguna kuasa gereja seperti penjualan surat pengampunan (*indulgence*).

Kesannya pemikir Eropah menghidupkan semula falsafah Greek seperti **Falsafah Kemanusiaan** (*humanism*) – manusia adalah makhluk yang berkuasa dan bebas dari tanggungjawab kepada tuhan (*live for human/self interest - sekularism*). Mereka juga sangat berminat pada **Falsafah Materialisme** – semua benda hidup berasal dari zarah (*only matter exist*).<sup>31</sup>

Pada tempoh ini berlaku pergolakan keras antara falsafah dan agama. Semasa Revolusi Perancis misalnya kebencian terhadap agama Kristian semakin menular. Ikon Kristian pada Gereja Notre Dame dihapuskan dan digantikan dengan patung "*Goddess of Reason*" (salah satu tuhan Greek).<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Fall\\_of\\_Constantinople](http://en.wikipedia.org/wiki/Fall_of_Constantinople) (rujuk aftermath)

<sup>31</sup> Falsafah berasal dari Tamadun Sumeria dan Greek, untuk maklumat lanjut rujuk Harun Yahya, *Fascism: The Bloody Ideology Of Darwinism*, Saba Islamic Media, 2003, ms. 34-35. Buku-buku Harun Yahya juga boleh didapati online di: [http://www.harunyahya.com/html/m\\_book\\_index.htm](http://www.harunyahya.com/html/m_book_index.htm)

<sup>32</sup> Harun Yahya, *Fascism: The Bloody Ideology Of Darwinism*, ms. 33

Implikasi utama dari zaman yang dikenali dengan nama "*The Age of Enlightenment*" ini:

- Penolakan pemerintahan monarki (Penguasaan Istana dan Gereja)
- Mengutamakan kebebasan individu dan pemikiran rasional dalam menyelesaikan masalah.
- Pergolakan keras antara Falsafah dan Agama

Adam Smith, bapa ekonomi moden:1723-1790, merupakan antara tokoh yang menyerlah dalam bidang ekonomi semasa tempoh ini. Buku beliau "*The Wealth of Nation*" yang diterbitkan pada 1776 memainkan peranan besar dalam pembentukan Sistem Ekonomi Kapitalis.<sup>33</sup>

Selain itu, Thomas Malthus (1766-1834) seorang lagi ahli ekonomi pada zaman itu telah menulis "*An Essay on Principle of Population*" (1798) yang **meramalkan** populasi dunia akan meningkat lebih cepat berbanding peningkatan dalam pengeluaran makanan dan menyebabkan kebuluran. Beliau mencadangkan kesengsaraan seperti perang dan bencana alam, juga kekangan moral seperti berkahwin lambat dan pengguguran, akan mengawal peningkatan populasi manusia. Penulisan ini mendapat sambutan yang sangat tinggi di kalangan pemikir dan pemerintah Eropah terutamanya pada kurun ke-19.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Adam\\_Smith](http://en.wikipedia.org/wiki/Adam_Smith)

<sup>34</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Thomas\\_Malthus](http://en.wikipedia.org/wiki/Thomas_Malthus)

**Falsafah Materialisme** mendapat perhatian penting dari pelbagai pihak setelah Charles Darwin menerbitkan buku beliau "*The Origin of Species*" pada tahun 1859. Darwin mengaplikasikan materialisme kepada dunia sains fizikal, yang juga dikenali dengan sebagai *Theory of Evolution*). Teori ini menekankan bahawa:<sup>35</sup>

- Semua spesis berasal dari spesis yang lebih rendah yang mengalami perubahan, maksudnya manusia bukan dicipta oleh Tuhan, tetapi mengalami perubahan dari spesis yang lebih rendah.
- Konflik antara spesis (*natural selection*) merupakan faktor yang akan menggalakkan perkembangan seterusnya. Di sini penulisan Malthus mempengaruhi Darwin dan Darwin mengandaikan sumber alam tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan semua benda hidup, maka setiap spesis akan sentiasa bersaing antara satu sama lain bagi meneruskan kehidupan - *Survival of the fittest!*<sup>36</sup>

Teori ini mendapat sambutan dari pemikir pelbagai ideologi kerana ia membenarkan mereka membebaskan diri dari kekangan agama dan meneruskan kehidupan dengan "kreativiti" mereka. Bak kata pepatah; Pucuk dicita ulam

---

<sup>35</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Charles\\_Darwin](http://en.wikipedia.org/wiki/Charles_Darwin)

<sup>36</sup> Harun Yahya, *The Disasters Darwinism Brought to Humanity*, ms. 13-14 yang menerangkan sejarah teori evolusi yang berakar umbi dari Tamadun Mesopotamia dan Greek dan dikaji semula oleh seorang ahli biologi Perancis pada kurun ke-18 (semasa *Age of Enlightenment*) dan dihidupkan oleh Darwin pada kurun ke-19

mendatang!

Implikasi ketara adalah pengunjuran teori evolusi kepada bidang sosial dimana masyarakat dipandang terbahagi kepada beberapa kumpulan dan kumpulan ini akan sentiasa bersaing antara satu sama lain bagi meneruskan kehidupan (*class struggle*). Antara kesannya lahirlah dua Sistem Ekonomi yang mengambil jalan penyelesaian cukup berbeza dalam membahagikan sumber alam bagi menjalani kehidupan:<sup>37</sup>

1. **Kapitalis:** kemunculan golongan yang memiliki sumber pengeluaran (pemodal) adalah sebagai menjatuhkan golongan feodal (monarki) yang semakin lemah. Mereka juga boleh mengeksploitasi golongan pekerja yang lemah untuk kepentingan mereka sehingga mengakibatkan kebajikan pekerja tidak terjaga. Perkembangan pesat kapitalis berlaku pada kurun ke-19 di Great Britain dan Amerika.
2. **Sosialis:** idea yang dicetuskan oleh Karl Marx, menyatakan golongan pekerja (proletariat) yang tertindas dalam sistem kapitalis akan bangun membela nasibnya. Perkembangan pesat sosialis berlaku pada kurun ke-20 di Soviet Union dan seterusnya ke China, Korea Utara, Cambodia dan lain-lain.

Satu perkara penting yang perlu difikirkan; sebelum adanya teori evolusi

---

<sup>37</sup> Harun Yahya, *The Disasters Darwinism Brought to Humanity*, ms. 10. Bagi maklumat lanjut mengenai implikasi teori evolusi rujuk ms. 13-25

bukannya tidak berlaku peperangan atau penindasan. Ia masih berlaku, namun sentiasa diingatkan oleh ajaran agama bahawa keganasan dan kezaliman bukan penyelesaian bagi masalah manusia. Namun dengan tertolaknya agama akibat penerimaan teori ini, manusia bebas melakukan apa sahaja yang dikehendaki atas nama hukum alam (*law of nature*) atau dengan kata lain atas nama perkembangan sains.<sup>38</sup>

## 2.1 Sistem Ekonomi Kapitalis

Semasa sistem monarki (istana dan gereja) masih berkuasa, ekonomi bergerak berdasarkan sistem feodal dimana pemerintah akan memberikan tanah kepada golongan tertentu yang akan, sebagai balasan, membayar cukai atau memberikan khidmat ketenteraan. Sistem ini hanya membenarkan usaha setempat.<sup>39</sup>

Dengan tercetusnya Revolusi Perindustrian pada akhir kurun ke-18, modal yang besar diperlukan bagi menyokong aktiviti perindustrian. Saranan Adam Smith memainkan peranan yang besar dalam kelahiran sistem ekonomi kapitalis semasa revolusi ini. Smith mencadangkan hak pemilikan harta diserahkan kepada individu (bukan lagi bawah kuasa monarki- kebangkitan golongan kapitalis menentang golongan feodal) dan keputusan ekonomi dibuat berdasarkan kuasa

---

<sup>38</sup> Harun Yahya, *The Disasters Darwinism Brought to Humanity*, ms. 23

<sup>39</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Feudalism>

pasaran tanpa campurtangan kerajaan.

Maka individu (pemilik modal – kapitalis) diberikan kebebasan sepenuhnya untuk memiliki, membeli dan menjual hartanya mengikut kehendak peribadinya.

Apabila individu diberikan kuasa mutlak, mereka akan bertindak memilih aktiviti yang terbaik bagi kepentingan diri mereka. Melalui kuasa pasaran dan persaingan harga (*invisible hand*), kepentingan masyarakat juga terpelihara.<sup>40</sup> Harga akan berubah berdasarkan kekurangan dalam penawaran (*shortage of supply*) dan lebihan dalam penawaran (*surpluses*).<sup>41</sup> Kekurangan akan menyebabkan harga barangan naik manakala lebihan akan menyebabkan harga barangan turun.

Contohnya, menjelang hari perayaan permintaan untuk ayam akan meningkat, sedangkan bekalan tidak mencukupi. Ini akan menyebabkan harga ayam meningkat. Apabila harga meningkat, pembekal akan cuba menambah bekalan manakala pembeli pula selalunya mengurangkan permintaan. Maka harga memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai keseimbangan (*equilibrium*) antara penawaran dan permintaan.

Mekanisma harga inilah yang digelar "*invisible hand*" oleh Adam Smith. Dengan mekanisma inilah dikatakan walaupun individu mengutamakan kepentingan peribadi namun akhirnya kepentingan masyarakat secara umum

---

<sup>40</sup> Sloman, John, *Economics 3<sup>rd</sup> Ed*, Prentice Hall, 1997, ms. 19

<sup>41</sup> Sloman, John, *Economics 3<sup>rd</sup> Ed*, ms. 15

akan terpelihara.

Contohnya, A memulakan perniagaan menjual ayam pada harga RM8.50 sekilo. Dia bebas menetapkan harga yang dikehendakinya. B pula menjual pada harga RM6.00 sekilo. Apabila berlaku persaingan berdasarkan harga, maka A terpaksa menurunkan harga mendekati harga B atau dia akan kehilangan pelanggannya dan mengalami kerugian. Untuk mendapatkan keuntungan maksimum, peniaga perlu melaksanakan operasi dengan cekap dan efisien agar kos yang ditanggungnya adalah minimum.

Apabila harga hampir sama antara pesaing dalam pasaran, kualiti pula akan memainkan peranan dalam menambat pengguna. Pengguna mungkin sanggup membayar RM6.50 kepada A kerana ayam yang dijualnya disembelih segar berbanding dengan B yang menjual ayam beku misalnya. Maka peranan kualiti dan harga ini akan memastikan masyarakat mendapat nilai yang terbaik bagi wang mereka.

Dengan inilah Adam Smith mencadangkan ekonomi perlu mengamalkan polisi "*Laissez-faire*" (*hands-off*). Ini bermakna kerajaan tidak boleh campurtangan menetapkan harga ataupun mengenakan tarif import<sup>42</sup> dalam semua aktiviti ekonomi yang bertujuan mencari keuntungan selagi aktiviti tersebut mematuhi peraturan negara tersebut.

Kebaikan yang diperolehi dari sistem ini tidak dapat dinafikan yakni

---

<sup>42</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Laissez-faire>



motivasi keuntungan dan kecekapan pasaran yang memberi nilai terbaik bagi pengguna. Namun begitu beberapa masalah timbul dalam sistem ini:

1. Kekayaan terkumpul pada satu pihak (kapitalis)
2. Berlaku penindasan terhadap pekerja atau masalah pengangguran
3. Kegagalan kuasa pasaran (monopoli, kegawatan ekonomi)

Antara masalah utama dalam sistem ini adalah kekayaan terkumpul pada satu pihak sahaja yakni kapitalis – golongan minoriti. Kebiasaannya antara 0.5% hingga 1% dari populasi akan menguasai hampir separuh kekayaan.<sup>43</sup> Menurut *The Economist*, pada tahun 1994, 5% daripada rakyat United Kingdom memiliki lebih dari 50% kekayaan negara. Manakala 20% rakyat yang termiskin hanya memiliki kurang dari 5% dari kekayaan negara.<sup>44</sup> Inilah maksud "**Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin**".

Apabila kekayaan terkumpul pada kapitalis sahaja, orang kebanyakan tidak mempunyai banyak pilihan selain makan gaji dengan kapitalis. Mereka sukar untuk memulakan perniagaan sendiri atau bercucuk tanam kerana tidak memiliki sumber tersebut. Peluang pekerjaan akan bergantung pada keperluan kapitalis. Maka dalam sistem ini, adalah normal jika berlaku pengangguran antara

---

<sup>43</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Capitalism> (rujuk Distribution of wealth)

<sup>44</sup> Dinukil dari Tareq el-Diwany, *The Problem with Interest*, Ta-Ha Publishers, 1997, ms. 138

42

3% hingga 5%.<sup>45</sup>

Masalah ini akan bertambah runcing dengan kemajuan teknologi dimana mesin boleh menggantikan tenaga buruh. Peluang pekerjaan akan semakin kurang. Persaingan yang tinggi akan berlaku di kalangan buruh. Maka kapitalis akan menggaji pekerja yang sanggup menerima gaji yang paling murah kerana ini akan meminimumkan kos operasi dan memaksimumkan keuntungannya.

Selain itu kuasa pasaran akan terganggu jika berlaku monopoli dimana satu firma menguasai pasaran dan menyingkirkan pesaing (*survival of the fittest*). Apabila ini berlaku, firma tersebut bebas meningkatkan harga dan pengguna terpaksa membeli pada harga yang tinggi.

## **2.2 Sistem Ekonomi Sosialis**

Karl Marx (1818-1883)<sup>46</sup> merupakan ahli falsafah, ekonomi dan politik German yang muncul pada kurun ke-19. Marx mengkaji sejarah sosial Eropah dan menyatakan golongan kapitalis dan golongan pekerja akan sentiasa bersaing. Ini disebut sebagai konflik antara kelas sosial-evolusi kelas sosial. Akibat penindasan dalam sistem kapitalis, golongan pekerja ini akan bangkit menentang kapitalis dan setelah kejayaan ini akan tidak ada lagi kelas sosial di kalangan masyarakat.

---

<sup>45</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Capitalism> (rujuk Employment/Unemployment)

<sup>46</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Karl\\_Marx](http://en.wikipedia.org/wiki/Karl_Marx)

Namun Marx tidak mengetuai mana-mana parti politik bagi merealisasikan teorinya. Berabad setelah kematian Marx, evolusi kelas sosial ini masih tidak berlaku. Maka Vladimir Illich Lenin di Soviet Union pada awal kurun ke-20 menyatakan revolusi ini tidak dapat berlaku secara semulajadi kerana golongan pekerja di Eropah telah dipengaruhi oleh golongan kapitalis. Lenin menambah, pengganti kepada golongan pekerja diperlukan bagi merealisasikan evolusi tersebut iaitu Parti Komunis yang akan menjalankan revolusi tersebut dengan menggunakan kekerasan dan kuasa tentera.<sup>47</sup>

Pada tahun 1917 telah berlaku Revolusi Rusia (*Bolshevik Revolution*) dan Lenin telah menggulingkan kerajaan Tsar dan mengambil alih pemerintahan Soviet Union. Dari sini bermulalah implementasi Sistem Ekonomi Sosialis.<sup>48</sup> Penyelesaian yang diambil dalam sistem ini bertentangan sama sekali dengan penyelesaian dalam sistem kapitalis.

Sistem ini menghapuskan sama sekali hak pemilikan harta oleh individu dan kerajaan (sebagai wakil masyarakat) akan membuat semua keputusan ekonomi seperti apa, berapa, bila, bagaimana, untuk siapa dikeluarkan bagi memelihara kepentingan masyarakat.

Individu dalam sistem ini akan menjadi "hamba" kepada masyarakat. Disebabkan individu tidak boleh memiliki harta maka tiada firma peribadi/swasta

---

<sup>47</sup> Harun Yahya, *Communism in Ambush*, Global Publishing, 2003, ms. 26

<sup>48</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Karl\\_Marx](http://en.wikipedia.org/wiki/Karl_Marx) (rujuk Marx's influence)

yang boleh dibentuk. Semua firma atau perniagaan adalah milik negara (*state owned firms*) atau milik bersama (*collective firms*).

Kerajaan akan menyediakan keperluan hidup kepada rakyatnya. Rakyat, yakni individu, akan bekerja dalam firma milik negara atau milik bersama. Bagi firma milik negara, pekerja akan dibayar gaji manakala bagi firma milik bersama pendapatan akan dikongsi bersama. Namun bagi kedua-dua firma, sasaran pengeluaran akan diberikan oleh kerajaan dan kerajaan akan membayar harga yang telah ditetapkannya.<sup>49</sup>

Kebaikan dalam sistem ini, ia dapat mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat. Tiada lagi masalah kekayaan terkumpul pada satu pihak. Kini semua orang mempunyai kedudukan ekonomi yang sama. Selain itu, kepentingan keseluruhan masyarakat diambilkira, termasuk implikasi ke atas persekitaran, dalam merencana perjalanan ekonomi negara. Perkembangan ekonomi negara yang tinggi dapat dicapai dengan perancangan penggunaan sumber oleh negara bagi memastikan sumber digunakan dengan optimum.

Namun realitinya seperti yang berlaku di Soviet Union dan China; walaupun pengeluaran meningkat pada mulanya tetapi akhirnya membawa kepada kebantutan ekonomi negara tersebut. Kerajaan dalam sistem ini menggunakan "kuku besi" untuk mencapai matlamatnya. Rakyat dipaksa, ditindas dan dibunuh jika enggan menurut perancangan kerajaan.

---

<sup>49</sup> Sloman, John, *Economics 3<sup>rd</sup> Ed*, ms. 16

Pada 1918, setelah Lenin mengambil alih pemerintahan, beliau menghapuskan pemilikan peribadi. Tentera Bolshevik merampas semua hasil pengeluaran yang ada dan petani diberikan kuota yang perlu dicapai. Rakyat kekurangan makanan akibat kuota yang tinggi. Pada tahun 1920, kerana rakyat gagal mencapai kuota yang ditetapkan, bukan hanya pengeluaran mereka dirampas sepenuhnya, malahan benih juga dirampas. Akibatnya antara tahun 1921 dan 1922, **lima juta** rakyat Soviet mati kebuluran.<sup>50</sup>

Apabila Stalin mengambil alih pemerintahan Soviet Union pada 1928, dia memperkenalkan ladang milik bersama (*collective farm*). Semua petani dikehendaki menyerahkan pengeluaran mereka kepada kerajaan. Sesiapa yang enggan, terutamanya pemilik tanah yang kaya (diberi nama Kulak) akan dibunuh. Rakyat yang tidak mencapai kuota akan dibiarkan kebuluran dan dibuang negara. Sejarah Lenin berulang kembali, dan kali ini **enam juta** rakyat Soviet mati kebuluran pada tahun 1933.<sup>51</sup>

Di China pula, semasa pemerintahan Mao Tse-tung (1949-1979) beliau telah membentuk polisi yang dikenali sebagai "*Great Leap Forward*". Polisi ini menekankan moto "Menggendakan Pengeluaran China". Masa bekerja ditingkatkan dan mesin berjalan tanpa henti. Selain itu petani individu dipaksa menyerahkan ladang untuk membentuk ladang bersama (*collective farms*) seperti di Soviet. Pengeluaran meningkat pada mulanya namun akhirnya menurun

---

<sup>50</sup> Harun Yahya, *Communism in Ambush*, ms. 42

<sup>51</sup> Harun Yahya, *Communism in Ambush*, ms. 62

kerana ketidakcekapan dalam mengurus (*inefficiency*). Contohnya tidak menggunakan baja kimia, petani yang enggan menyerahkan ladang dibunuh, burung layang-layang dibunuh kerana memakan hasil pertanian namun akhirnya menimbulkan masalah serangga.

Selain itu berlaku konflik budaya di kalangan rakyatnya. Rakyat yang terlalu taksub dengan polisi Mao telah melakukan revolusi besar-besaran. Mereka ini terdiri daripada remaja berpangkat rendah dalam Parti Komunis dan dikenali sebagai "Red Guard". Red Guard ini menutup sekolah dan universiti dan semua orang dikerah menjadi petani. Sesiapa yang enggan akan diseksa dan dibunuh.<sup>52</sup> Pada tahun 1991, Soviet Union berpecah kepada 16 negara republik dan menandakan titik akhir sistem ekonomi yang penuh dengan peristiwa berdarah ini.

### **3. Islam dan permasalahan ekonomi**

Daripada rentetan atau sejarah evolusi sistem ekonomi konvensional dapat kita saksikan bahawa penyelesaian kepada permasalahan ekonomi yang dicadangkan adalah berasaskan kepada satu teori kehidupan yang memisahkan agama dari kehidupan manusia. Seolah-olah manusia dan segala kehidupan di dunia ini berdiri dengan sendiri dan tercipta dari sesuatu yang tiada kepada ada tanpa memerlukan Yang Mencipta. Sayangnya jalan penyelesaian yang mereka

---

<sup>52</sup> Parkin, Micheal, *Microeconomics 3<sup>rd</sup> Ed*, Addison Wesley, 1996, ms. 564

tawarkan bukan sahaja tidak menyelesaikan masalah asal kepada isu ekonomi, malah membawa kepada tercetusnya sistem kehidupan yang menindas dan menzalimi sesama manusia.

Di sinilah perbezaan utama yang sebenarnya menjadi titik penyelesaian kepada permasalahan asas ekonomi. Di dalam Islam, **tiada permisahan antara agama dan kehidupan manusia** kerana dunia dan segala isinya adalah ciptaan Tuhan dan Islam itu diturunkan sebagai *ad-deen* atau 'cara hidup' dimana ia memberi petunjuk dan panduan kepada manusia untuk hidup di atas muka bumi ini.

Seterusnya penulis akan membincangkan secara ringkas bagaimana asas Islam itu sendiri, sebagai tatacara kehidupan manusia, menjadi penyelesaian kepada masalah ekonomi yang boleh dikatakan 'ciptaan' manusia.

### **3.1 Asas Islam dan Ekonomi**

Sebelum cuba memahami pentadbiran sumber oleh Islam, adalah wajar jika penulis menerangkan terlebih dahulu tentang prinsip asas dalam Islam yang menjadi titik tolak kepada sistem kehidupan seterusnya. Islam secara asasnya terdiri daripada 3 prinsip iaitu *tawhid*<sup>53</sup>, *khilafah* dan '*adalah*'.

---

<sup>53</sup> *Kitab At-Tawheed Explained*, Imam Muhammad Ibn Abdul Wahhab as compiled and translated by Sameh Strauch, International Islamic Publishing House, 2000.

### 3.1.1 Tawhid:

***Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku. Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi aku makan. Sesungguhnya Allah Dialah Maha Pemberi rezeki Yang Mempunyai Kekuatan yang sangat kukuh.***<sup>54</sup>

Di dalam ayat ini Allah memberitahu kepada manusia seluruhnya bahawa Dialah yang menciptakan jin dan manusia dan hikmah di sebalik ciptaan itu adalah supaya mereka menyembah hanya Allah. Allah juga tidak menciptakan mereka untuk kebaikan-Nya malah Dialah yang memberikan semua keperluan hidup mereka sedang Allah Maha Pemberi dan Berkuasa.

Kekuasaan Allah tidak terhenti dengan hanya mencipta dunia dan isinya malah menentukan tatacara kehidupan setiap yang diciptakan sepertimana firman-Nya:

***Allah mentadbirkan makhluk-makhluk-Nya; (bagi melaksanakan tadbir-Nya itu Dia menurunkan segala sebab dan peraturan) dari langit ke bumi, kemudian diangkat naik kepada pengetahuan-Nya (segala yang berlaku dari pelaksanaan tadbir-Nya itu untuk dihakimi-Nya) pada suatu masa yang (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) banyak bilangan***

---

<sup>54</sup>

Al-Quran: Az-Zariyaat 51:56-58



***tahunnya menurut hitungan masa kamu yang biasa.***<sup>55</sup>

Prinsip tawhid ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan muslim. Implikasinya ke atas ekonomi Islam; **muamalat juga tunduk pada garis panduan yang ditetapkan Allah** atau dengan kata lain, konsep materialisme/sekularisme tidak terpakai dalam ekonomi dari kaca mata Islam.

### **3.1.2 Khilafah:**

***Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengah yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab siksa-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.***<sup>56</sup>

Konsep *khilafah* ini mempunyai beberapa implikasi yang penting kepada tatacara kehidupan manusia. Implikasi yang pertama adalah **persaudaraan** antara seluruh umat manusia. Dengan misi yang sama dan tujuan hidup yang sama, maka seluruh umat manusia seharusnya bersaudara dan tiada yang lebih baik dari yang lainnya. Hanyalah keimanan kepada Allah menjadi kayu ukur

---

<sup>55</sup> Al-Quran: As-Sajdah 32:05

<sup>56</sup> Al-Quran: Al-An`am 6:165

perbezaan manusia di hadapan Allah kelak. Berbanding "*survival of the fittest*" dalam ekonomi konvensional, Islam menganjurkan "*survival of all mankind*".

Implikasi kedua melihat kepada **sumber yang diberikan oleh Allah kepada makhluk ciptaan-Nya sebagai amanah Allah** kepada manusia dalam membantu mereka menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah sepertimana firman-Nya:

***Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan nafkahkanlah sebahagian dari hartamu yang Allah telah meminjamkan kepadamu.***<sup>57</sup>

Implikasi seterusnya adalah **kehidupan yang bersederhana**. Memandangkan segala sumber keperluan hidup ini adalah amanah dari Allah, maka sewajarnya manusia itu tidak melampau-lampau dalam mempergunakan sumber yang dikurniakan Allah kepadanya sesuai dengan firman-Nya:

***Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batas dan tiada bakhil kedekut, dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.***<sup>58</sup>

Implikasi prinsip *khalifah* yang terakhir adalah **kebebasan manusia** daripada menjadi hamba kepada sesama manusia. Telah dijelaskan bahawa hanya Allah-lah Tuhan bagi seluruh manusia bergantung dan menyembah. Maka

---

<sup>57</sup> Al-Qur'an: Al-Hadid 57:07

<sup>58</sup> Al-Quran: Al-Furqan 25:67

manusia seharusnya bebas daripada kehambaan sesama manusia kerana manusia itu adalah khalifah kepada Allah dan bukan kepada manusia. Maka selayaknya manusia itu tidak menjadi hamba selain kepada Allah jua.

### 3.1.3 `Adalah:

Prinsip Islam yang terakhir ialah `adalah iaitu keadilan dimana Islam menitikberatkan keadilan dan melarang keras penindasan terhadap sesama manusia. Dalam setiap keputusan atau perbuatan yang diperlakukan oleh manusia, haruslah ianya bersikap adil kepada mereka yang terlibat dan tidak menindas sesiapa.

Implikasinya ke atas ekonomi – setiap keputusan dalam menguruskan sumber bagi memenuhi keperluan manusia hendaklah tidak menzalimi mana-mana pihak. Hak individu, masyarakat dan negara perlu diuruskan dengan sebaiknya bagi menjamin kesejahteraan keseluruhannya.

Berikut diringkaskan beberapa ciri ekonomi Islam bertitik tolak dari asas Islam:<sup>59</sup>

- Dasar sistem Islam bukan diletakkan oleh tangan manusia atau sekelompok orang bahkan ia adalah karya ciptaan Allah. **[Tawhid]**

---

<sup>59</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Masyarakat Berbasis Syariat Islam*, Jilid 2, Era Intermedia 2003, ms. 141-142

- Islam menjadikan ekonomi sebagai sarana (jalan) untuk mencapai tujuan besar; agar manusia tidak disibukkan dengan urusan hidup dan melalaikan kehidupan. Manusia apabila telah terpenuhi keperluan hidup dan keselamatannya, nescaya akan tenteram dan akhirnya mengadap Tuhannya dengan penuh konsentrasi. **[Khilafah]**
- Ekonomi Islam tidak dapat dipisahkan daripada nilai rabbani (hukum syari'at) dan peranan akhlak yang tinggi agar kesejahteraan semua pihak terjamin. **[`Adalah]**

#### **4. Penyelesaian Rabbani bagi masalah ekonomi**

Setelah memahami sejarah kelahiran ekonomi di negara barat, dapat disimpulkan masalah ekonomi berkisar kepada tiga permasalahan berikut; Sumber yang terhad, Pemilikan harta dan Pembuatan keputusan ekonomi (harga, persaingan dan campurtangan kerajaan). Bagi setiap masalah ini, penulis akan cuba menyampaikan penyelesaian yang disarankan dalam Islam *insha'Allah*.

##### **4.1 Sumber yang terhad**

Konsep **sumber yang terhad** (sekadar kajian penulis setakat ini) mendapat perhatian tinggi setelah Malthus meramalkan bekalan makanan tidak

akan dapat menampung perkembangan populasi manusia. Beliau menyatakan hanya kesengsaraan dan kekangan moral boleh mengawal masalah ini. Darwin pula mengunjurkan konsep ini pada teori evolusinya dengan mengatakan, konflik akan sentiasa berlaku di antara spesis disebabkan sumber alam yang tidak mencukupi.

Pandangan Islam jelas berbeza mengenai konsep ini. Allah berfirman dalam Al-Qur'an bahawa sumber alam ini adalah **mencukupi**<sup>60</sup> bagi memenuhi kehidupan manusia:

***Dan Dia (Allah) menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetap (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya dan Dia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; dalam empat masa.***<sup>61</sup>

Menurut Ibn Kathir bahawa Ibn Zayd menjelaskan ayat "**sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka**" bermaksud, berdasarkan kehendak seorang insan, Allah mengukur apa yang diperlukan dan dikurniakan kepadanya.<sup>62</sup>

Mengenai cadangan Malthus mengekang perkembangan manusia kerana

---

<sup>60</sup> Muhammad Akram Khan, *An Introduction To Islamic Economics*, IIIT, 1994, ms. 45

<sup>61</sup> Al-Qur'an: Fussilat 41:10

<sup>62</sup> <http://www.tafsir.com/default.asp?sid=41&tid=46450>

meramalkan kekurangan bekalan, ia jelas bertentangan dengan firman Allah:

***Janganlah kamu bunuh anak-anakmu kerana takut akan kemiskinan. Kami memberi mereka rezeki dan juga rezekimu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa besar.***<sup>63</sup>

Allah berjanji akan memberi rezeki dengan syarat kita berusaha mencarinya. Tidak sekali-kali Islam menyarankan mengharapkan rezeki tanpa usaha:

***Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian rezeki-Nya dan hanya kepada-Nyalah kamu dibangkitkan kembali.***<sup>64</sup>

Mengenai teori Darwin bahawa setiap spesis sentiasa dalam konflik, ia jelas bertentangan dengan firman Allah:

***Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan...***<sup>65</sup>

Sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* jelas membuktikan konsep persaudaraan dan kerjasama dalam Islam. Ketika pertama kali tiba di Madinah, Nabi mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar. Kemudian Nabi meningkatkan

---

<sup>63</sup> Al-Qur'an: Al-Israa' 17:31

<sup>64</sup> Al-Quran: Al-Mulk 67:15

<sup>65</sup> Al-Quran: Al-Hujuraat 49:13

produksi dan peluang pekerjaan dengan menyarankan *muzara'a* dan *musaqat* di kalangan mereka. Pada mulanya kaum Ansar ingin membahagikan harta dengan kaum Muhajirin, namun Nabi menyuruh kaum Muhajirin mengerjakan tanah tersebut (tanpa memilikinya) dan berkongsi keuntungan dari hasil jualan.<sup>66</sup>

Maka ekonomi Islam mengkaji sumber alam dari sudut "mencukupi" berbanding "terhad". Allah menjanjikan sumber yang mencukupi bagi kehidupan makhluk-Nya, **maka kekurangan sumber yang dialami hari ini berpunca dari salahguna sumber tersebut atau ketidakseimbangan dalam pembahagiannya.** Bagi mengatasi masalah ini, manusia perlu:<sup>67</sup>

1. Meluaskan asas pengeluaran, yakni mencari alternatif bagi kegunaan sesuatu barangan atau meneroka sumber baru untuk digunakan.
2. Menggunakan kemajuan teknologi untuk mencari teknik pengeluaran yang lebih baik.
3. Mengkaji semula kaedah pembahagian kini dan memikirkan alternatifnya.
4. Mengkaji bagaimana dapat memotivasikan manusia agar bersederhana dalam penggunaan sumber, yakni berbelanja mengikut keperluan (*need*) bukannya kehendak (*wants*).

Fikirkan sejenak, kekayaan di bumi ini masih banyak yang belum

---

<sup>66</sup> Adiwarmarman Azwar Karim, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, IIIT Indonesia, 2002, ms.72

<sup>67</sup> Muhammad Akram Khan, *An Introduction To Islamic Economics*, ms. 45

diterokai, namun kita lebih mudah mengatakan “sumber alam terhad” daripada memikirkan bagaimana mencari alternatif kepada sistem yang ada kini.

#### 4.2 Pemilikan Harta

Sistem kapitalis memberi hak tanpa batasan kepada individu untuk memiliki harta manakala sistem sosialis melarang sama sekali pemilikan harta individu. Masalah yang timbul dalam soal pemilikan harta adalah:

**A. Harta berlegar di kalangan orang yang kaya sahaja dalam sistem kapitalis.** Allah melarang pemupukan harta pada satu golongan sahaja dalam firman-Nya:

***Apa sahaja harta rampasan yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya yang berasal (dari penduduk kota) maka adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di antara kamu.***<sup>68</sup>

**B. Harta dirampas secara paksa dalam sistem sosialis.** Allah melarang perbuatan ini dalam firman-Nya:

***Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling makan***

---

<sup>68</sup> Al-Qur'an: Al-Hasyr 59:07



***harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu.***<sup>69</sup>

Bertitik tolak dari konsep harta sebagai amanah, Islam tidak menafikan hak individu untuk memiliki harta namun memberi batasan kepada pemilikan tersebut. Ibn Taimiyyah (1263-1328) menjelaskan tiga bentuk pemilikan dalam ekonomi Islam:<sup>70</sup>

#### **4.2.1 Pemilikan Peribadi:**

***Dan bagi masing-masing mereka darjat menurut apa yang telah mereka kerjakan dan agar Allah mencukupkan bagi mereka (balasan) pekerjaan-pekerjaan mereka, sedang mereka tiada dirugikan.***<sup>71</sup>

Dari sinilah Islam mengakui pemilikan peribadi meskipun dapat menyebabkan pemiliknya menjadi sangat kaya dan melimpah ruah hartanya (manusia berhak memiliki apa yang diusahakannya). Namun Islam meletakkan beberapa batasan dalam pemilikan harta ini, iaitu:

1. Harta harus diperolehi dengan cara yang halal,

---

<sup>69</sup> Al-Quran: An-Nisa 4:29

<sup>70</sup> Abdul Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyyah*, The Islamic Foundation, 1996, ms. 113-117

<sup>71</sup> Al-Qur'an: Al-Ahqaf 46:19

2. Pemilikan peribadi tidak bertentangan dengan kepentingan umum,
3. Pemilikan peribadi tidak merugikan/membahayakan orang lain.<sup>72</sup>

#### 4.2.2 Pemilikan bersama (masyarakat)

Individu tidak dibenarkan memiliki harta yang diperlukan masyarakat secara kolektif. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberikan contoh barang-barang yang diperlukan bersama dan menguasai hajat hidup orang ramai, sebagaimana dalam hadithnya yang bermaksud:

***"Kaum Muslimin berserikat dalam tiga hal: rumput, air dan api"***<sup>73</sup>

Yusuf al-Qaradhawi menerangkan pengkhususan tiga barang dalam hadith ini merupakan contoh keperluan masyarakat pada zaman itu, maka barangan ini dapat dianalogikan kepada barang keperluan masyarakat yang mirip hari ini. Oleh kerana itu ahli fiqh telah mengqiyaskannya kepada sumber alam yang menjadikan keperluan orang ramai dan mudah didapati.<sup>74</sup>

---

<sup>72</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Masyarakat Berbasis Syariat Islam*, Jilid 2, ms. 85

<sup>73</sup> Riwayat Abu Daud dalam bab jual beli dan sewa menyewa, dengan lafaz "Orang muslim berserikat...", hadis no: 3477 dinukil dari Yusuf al-Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 1995, ms. 125

<sup>74</sup> Untuk penerangan lanjut sila rujuk Yusuf al-Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, ms. 127-130

### 4.2.3 Pemilikan negara

Negara memerlukan dan mempunyai hak untuk membeli harta dan melupuskannya dalam rangka memenuhi tanggungjawabnya. Sumber utama harta negara adalah zakat dan harta rampasan perang. Namun negara berhak mengenakan cukai lain jika timbul keperluan. Selain itu, harta tanpa pemilik, harta wakaf, hadiah dan denda termasuk dalam harta negara. Harta negara ini merupakan harta milik awam yang dijaga oleh negara sebagai pemegang amanah.<sup>75</sup>

Selain soal pemilikan, Allah menjelaskan bahawa ketidaksamaan dalam kekayaan antara manusia adalah kehendak-Nya:

***Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (sesetengahnya Kami jadikan kaya dan sesetengahnya miskin) dan juga Kami telah menjadikan darjat sesetengah mereka lebih tinggi dari darjat sesetengah yang lain, supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) sesetengah yang lain.***<sup>76</sup>

Namun ketidaksamaan ini tidak bermakna yang miskin harus terus miskin. Dalam harta orang kaya terdapat hak orang miskin, sebagaimana firman Allah:

***Bila mereka ditimpa kesusahan, mereka berkeluh kesah, tetapi bila***

---

<sup>75</sup> Abdul Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyyah*, ms. 117

<sup>76</sup> Al-Quran: Az-Zukhruf 43:32

***mengalami kesenangan, mereka kikir bukan kepalang. Tidaklah demikian orang-orang yang setia menjalankan solat dan orang-orang yang dalam kekayaannya tersedia hak yang sudah ditentukan bagi orang miskin yang meminta dan yang menahan diri (dari meminta).***<sup>77</sup>

Di sinilah peranan zakat amat penting dalam ekonomi Islam sebagai mekanisma pengagihan kekayaan. Selain itu, hukum harta warisan juga memastikan kekayaan diagihkan dan tidak terkumpul pada satu pihak sahaja.

#### **4.3 Keputusan Ekonomi**

Sistem ekonomi Islam menggunakan kombinasi kuasa pasaran dan campurtangan kerajaan apabila perlu. Kerajaan memainkan peranan yang aktif dalam melancarkan perjalanan aktiviti ekonomi termasuk:

1. Menetapkan harga apabila pasaran tidak dapat berfungsi dengan cekap.
2. Memberi jaminan sosial kepada rakyat yang memerlukan.
3. Merencana perjalanan keseluruhan ekonomi berdasarkan konsep masalah.

##### **4.3.1 Kuasa Pasaran dan campurtangan kerajaan**

---

<sup>77</sup> Al-Quran: al-Ma'arij 70:19-25

Ibn Taimiyyah telah menerangkan peranan harga dalam pasaran. Beliau menerangkan bahawa kekurangan bekalan tidak sentiasa disebabkan kezaliman (ketidakadilan) dari pihak penjual. Kadangkala kekurangan bekalan boleh disebabkan penurunan dalam pengeluaran ataupun penurunan dalam import barangan. Maka jika permintaan bertambah sedangkan bekalannya kurang, harga akan meningkat. Sebaliknya jika permintaan berkurangan sedangkan bekalan meningkat, maka harga akan menurun.<sup>78</sup>

Pada dasarnya ekonomi Islam akan berfungsi berdasarkan kuasa pasaran, yakni harga ditentukan berdasarkan interaksi penjual dan pembeli. Namun pada keadaan tertentu kerajaan mempunyai kuasa untuk menetapkan harga.

Oleh itu jika harga meningkat disebabkan keadaan semulajadi, seperti bekalan berkurangan atau permintaan bertambah, kerajaan tidak berhak menetapkan harga di pasaran kerana ini akan menzalimi peniaga.

Namun dalam beberapa keadaan kerajaan dibenarkan campurtangan dan menetapkan harga:

1. Sewaktu kecemasan (keperluan kritikal). Misalnya apabila negara dilanda kemarau teruk dan orang ramai mengalami kebuluran, maka negara boleh menetapkan harga, terutama bagi barangan makanan asasi, untuk manfaat umum.
2. Apabila berlaku ketidakadilan dalam pasaran. Contohnya jika berlaku

---

<sup>78</sup> Abdul Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyyah*, ms. 88

monopoli, kerajaan perlu menetapkan harga agar sebarang kezaliman yang bakal berlaku dapat dicegah.

Walaubagaimanapun kerajaan tidak patut menetapkan harga secara rambang tetapi hendaklah dilaksanakan selepas perundingan dengan pihak penjual dan pembeli agar kepentingan kedua-dua pihak terpelihara sesuai dengan konsep '*adalah* dalam Islam.<sup>79</sup>

#### **4.3.2 Jaminan Sosial kepada rakyat yang memerlukan**

Jaminan sosial yang dimaksudkan adalah menyediakan keperluan hidup kepada rakyat yang tidak mampu. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, orang miskin yang berjumpa baginda akan diberikan makanan dan minuman.<sup>80</sup> Namun ini tidak bermakna semua rakyat akan diperuntukkan bantuan sewenang-wenangnya kerana ini akan menjadikan manusia malas bekerja. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda, maksudnya:

***Barangsiapa meminta harta kepada orang lain, kerana ingin memperbanyak, maka sesungguhnya dia telah meminta bara api. Oleh itu***

---

<sup>79</sup> Abdul Azim Islahi, *Economic Concepts of Ibn Taimiyyah*, ms. 100. Ibn Taimiyyah telah menerangkan mekanisme pasaran ini jauh lebih awal dari perkembangan di barat. Bandingkan dengan saranan Adam Smith pada tahun 1776.

<sup>80</sup> Adiwarman Azwar Karim, M.A., *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, IIIT Indonesia, 2002, ms. 29

***hendaklah ia mandiri atau berusaha memperbanyak sendiri.***<sup>81</sup>

***Tidak halal sedeqah bagi orang kaya dan orang yang sihat lagi kuat.***<sup>82</sup>

Pada zaman 'Umar *radhiallahu 'anh*, semua orang sakit, lanjut usia, kekurangan atau cacat dan tidak mampu bekerja akan diberikan jaminan keperluan hidup tidak kira muslim atau bukan muslim.<sup>83</sup>

#### **4.3.3 Merencana Perjalanan Ekonomi**

Produksi dalam ekonomi Islam hendaklah berdasarkan konsep masalah:

- Mendahulukan perkara *daruriyat* (amat penting) daripada perkara *hajiyat* (yang diperlukan)
- Mendahulukan perkara *hajiyat* daripada perkara *tahsiniyat* (pelengkap)

Implikasinya ke atas ekonomi seperti mana yang diterangkan oleh Dr. Yusuf

---

<sup>81</sup> Diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah, hadis no: 1041, dinukil dari Yusuf al-Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, ms. 191

<sup>82</sup> Riwayat Ahmad, Abu Daud, al-Tirmidzi dan al-Hakim dari Ibnu 'Umar. Juga riwayat Ahmad, al-Nasa'i dan Ibnu Majah dari Abu Hurairah. *Shahih al-Jami' ash-shaghir*, hadis no: 7251, dinukil dari *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, ms. 192

<sup>83</sup> Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid 1, ms. 169

al-Qaradhawi adalah seperti berikut:<sup>84</sup>

Untuk itu masyarakat tidak diperbolehkan menanam buah-buahan yang mahal dan hanya terjangkau oleh kalangan tertentu sahaja (*hajiyat*), sementara mereka tidak mahu menanam gandum, jagung dan padi yang merupakan makanan pokok sehari-hari dan diperlukan masyarakat umumnya (*daruriyat*). Masyarakat juga tidak boleh hanya memperhatikan produksi minyak wangi dan alat-alat kecantikan lainnya (*tahsiniyat*), sementara mereka tidak mahu memproduksi alat-alat pertanian, pengairan, pengangkutan dan persenjataan penting untuk pertahanan (*hajiyat*).

## **5. Penutup: Pra-syarat yang perlu dipatuhi bagi merealisasi Ekonomi Islam**

Pengeluaran Negara Islam tidak dapat memenuhi keperluan mereka. Keperluan asas kehidupan (makanan asas, pakaian, tenaga) yang dihasilkan tidak mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. Negara Islam yang kaya dengan sumber minyak, tidak melabur semula keuntungan untuk pembangunan negara tetapi melabur di pasaran kewangan asing bagi mendapatkan pulangan yang tinggi.<sup>85</sup>

---

<sup>84</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Masyarakat Berbasis Syariat Islam*, Jilid 2, ms. 107

<sup>85</sup> IIIT, *Islamization of Knowledge (General Principles and Work Plan)*, 3<sup>rd</sup> Ed, 1997, ms.3



Inilah realiti Negara Islam hari ini. Kita tidak dapat lari dari realiti bahawa umat Islam hari ini ketinggalan jauh serba serbi. Ekonomi barat yang berdiri atas dasar "penolakan agama" nampak maju ke hadapan. Adakah Islam penyebab kemunduran rakyat? Tidak sama sekali! Negara barat maju kerana mereka menolak agama mereka yang tidak sempurna. Sikap mereka yang sentiasa berusaha memperbaiki diri membuahkan hasil.

Berbeza dengan umat Islam, kita mundur kerana meninggalkan agama yang sempurna. Islam telah menyediakan "*Blue Print*" untuk kemajuan ummah, namun ia menuntut pelaksanaan dari umatnya. Harapan penulis, janganlah kita hanya menjadi "Mat Jenin Alaf Baru" selepas membaca artikel ini dengan mengatakan "Oh...Islam dah ada jawapannya 1400 tahun dahulu."<sup>86</sup>

Apa yang penulis sampaikan dalam artikel ini, ia hanyalah permulaan bagi perjalanan yang masih jauh. Masih banyak persoalan yang perlu diselesaikan, masih banyak rintangan perlu dihadapi dalam melaksanakan penyelesaian. Garis panduan untuk menyelesaikannya telah diberikan Allah dan Rasul-Nya, namun umat Islam perlu terus mengkaji cara penerapannya sesuai dengan peredaran zaman dan berusaha melaksanakannya.

---

<sup>86</sup> <http://al-firdaus.com/index.php?module=ContentExpress&func=display&btittle=CE&mid=&ceid=117>

Jadual 1: Sejarah Ringkas Perkembangan Ekonomi di Barat

<b>Tempoh</b>	<b>Perkembangan Penting</b>
Kurun ke 15	Kejatuhan Constantinapole
Kurun ke 17-18	Age of Reason & The Enlightenment: <ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Menghidupkan konsep kemanusiaan (humanism)</li> <li>❑ Mempertahankan konsep materialisme</li> </ul>
Kurun ke 19	Materialisme mengatasi Agama: <ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Teori Evolusi oleh Charles Darwin menghidupkan semula konsep materialisme dan digunakan sebagai sumber untuk menolak agama</li> <li>❑ Perkembangan pesat sistem kapitalis dengan selari dengan Revolusi Perindustrian di Eropah dan masih berterusan hingga hari ini dengan sedikit sebanyak perubahan</li> </ul>
Kurun ke 20 dan seterusnya	Perkembangan Sistem Ekonomi Sosialis: <ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Revolusi Rusia (1917)– Lenin menganjurkan Parti Komunis memulakan evolusi sosial dengan menggunakan kuasa tentera (komunis)</li> <li>❑ Setelah Perang Dunia Kedua, sistem ini berkembang ke Negara China, Korea, China, Kambodia dll</li> <li>❑ Berakhir dengan kejatuhan Kerajaan Soviet pada 1991</li> </ul>

Jadual 2: Ringkasan permasalahan ekonomi dan saranan Islam dalam menyelesaikannya

<b>Masalah dalam Sistem Ekonomi</b>	<b>Saranan Islam sebagai penyelesaian</b>
1. Sumber yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Sumber mencukupi, jadi manusia perlu memikirkan alternatif dari sudut produksi (sumber yang belum diteroka, teknik pengeluaran baru) mahupun konsumsi (mendidik manusia bersederhana dan mengikut masalah dalam berbelanja)</li> </ul>
2. Pemilikan Harta	<ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Harta individu, bersama dan negara</li> <li>❑ Tidak boleh terkumpul pada orang kaya sahaja, ataupun diambil dengan cara batil</li> <li>❑ Zakat, hukum warisan, sedeqah, infaq, waqaf dll mengagihkan kekayaan dikalangan masyarakat</li> </ul>
3. Peranan pasaran dan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Pasaran adalah penatap harga yang utama</li> <li>❑ Peranan kerajaan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Campurtangan bila perlu, dengan tidak menzalimi</li> <li>b. Jaminan sosial pada yang memerlukan</li> <li>c. Merencana perjalanan ekonomi</li> </ul> </li> </ul>

**Manhaj Ahlus Sunnah Wal Jama'ah Dalam Isu Takfir.**

oleh:

Mohd Yaakub bin Mohd Yunus (akob73@yahoo.com)

Budaya *takfir* (kafir mengkafir) adalah sesuatu yang membawa akibat yang amat buruk terhadap kesatuan umat Islam. Ianya menimbulkan perpecahan, fitnah dan musibah yang dahsyat sehingga boleh terjadinya pertumpahan darah antara sesama muslim. Di samping itu di sisi *syari'at* Islam, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan:

1. Isterinya tidak dihalalkan lagi bagi dirinya (yang telah kafir), diharamkan untuk isterinya berada di sampingnya dan anak-anaknya berada dibawah penjagaannya.
2. Bagi yang telah dituduh kafir, maka seharusnya dia dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukum murtad ke atasnya setelah diajukan hujjah dan bukti keterangan akan kekafirannya.
3. Bagi mereka yang telah jatuh kafir, apabila mereka meninggal dunia maka tidak berlaku lagi hukum-hukum yang diwajibkan ke atas seorang muslim seperti dimandikan jenazahnya, disembahyangkan jenazahnya, mayatnya tidak boleh dikuburkan di kawasan perkuburan Islam dan hartanya tidak dapat diwarisi oleh ahli keluarganya.
4. Sesiapa yang telah kafir maka dia layak untuk mendapat laknat Allah

*Subhanahu wa Ta'ala* dan kekal selama-lamanya di dalam neraka jahannam.

Memandangkan betapa beratnya implikasi mengkafirkan seorang muslim yang lain, Islam melarang keras budaya *takfir*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka;***

***Dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.***<sup>87</sup>

Apakah ada kata-kata cemuhan dan ejekan yang lebih buruk selain dari menggelarkan seseorang itu dengan panggilan kafir? Maka amalan pengkafiran

---

<sup>87</sup> al-Hujuraat (49):11

bukan sahaja dilarang oleh *syari'at* tapi ianya juga adalah satu tindakan yang amat zalim. Sesungguhnya semua umat Islam itu bersaudara dan tidak selayaknya bagi kita terjebak dalam perbuatan kafir-mengkafirkan terhadap saudara kita yang lain. Ini sebagaimana sabda Nabi *Shalallahu 'alaihi wasallam*:

***Seorang muslim adalah saudara bagi Musim yang lain, tidak boleh dia menzaliminya dan menjerumuskannya ke dalam kebinasaan.***<sup>88</sup>

Kezaliman yang paling melampau dan kebinasaan yang paling meranapkan adalah tatkala seorang Musim mengkafirkan saudaranya yang lain. Demi mengawal tindak tanduk seorang muslim dari bermudah-mudahan dalam mengkafirkan saudaranya yang lain, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

***Tidak boleh seseorang menuduh orang lain dengan kefasikan dan tidak pula dia menuduhnya dengan kekafiran, melainkan hal ini akan kembali kepadanya jika orang yang tertuduh tidak demikian.***<sup>89</sup>

***Apabila seseorang mengatakan kepada saudaranya, "Wahai Kafir!", maka hal ini akan kembali kepada salah seorang daripada keduanya.***<sup>90</sup>

Dengan ini dapat kita fahami bahawa menuduh seorang muslim yang lain

---

<sup>88</sup> *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Mazhalim*, hadis no. 2442.

<sup>89</sup> *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab*, hadis no. 6045.

<sup>90</sup> *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab*, hadis no. 6103.

sebagai kafir mendatangkan risiko yang amat berbahaya iaitu boleh menyebabkan si penuduh jatuh kafir apabila yang tertuduh bebas daripada tuduhan tersebut. Oleh itu ulama' *Ahlu Sunnah Wal Jama'ah* amat berwaspada serta tidak terburu-buru dalam isu pengkafiran.

*Hujjat al-Islam* Imam al-Ghazali *rahimahullah* telah berkata dalam kitabnya *al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, ms. 269:

Sesuatu yang patut kita berhati-hati adalah masalah pengkafiran, selagi mana ada jalan untuk berhati-hati. Ini kerana menghalalkan darah dan harta orang yang sembahyang menghadap kiblat dan yang mengikrarkan kalimat "***Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah***" adalah suatu kesalahan dan kesalahan membiarkan seribu orang kafir hidup adalah lebih ringan daripada kesalahan kerana menumpahkan darah seorang muslim.<sup>91</sup>

Mengkafirkan seorang muslim yang lain diumpamakan dengan membunuhnya. Ini sebagaimana dikatakan oleh al-'Alla' bin Ziyad, seorang *tabi'in* yang mulia, "Tidak ada bezanya antara kamu mengkafirkan seorang muslim dengan membunuhnya."<sup>92</sup> Oleh itu ulama' *Ahlu Sunnah Wal Jama'ah* sentiasa

---

<sup>91</sup> Dinukil dari kitab Dr. Khalid bin Ali bin Muhammad al-Anbary, *Kafirkah Orang Yang Berhukum Dengan Selain Hukum Allah?* (edisi terjemahan oleh Abu Abdirrahman al-Salafy, Pustaka As-Sunnah, Surabaya 2004) ms. 11.

<sup>92</sup> Diriwayatkan oleh al-Zahabi dalam *Siyar 'Alam al-Nubala'*, jld. 4, ms. 198; dinukil dari kitab *Kafirkah Orang Yang Berhukum Dengan Selain Hukum Allah?*, ms. 11.

berhati-hati dalam menjatuhkan hukuman kafir terhadap muslim yang lain. Persyaratan yang amat ketat telah digariskan sebagai langkah untuk mengelakkan amalan pengkafiran berlaku secara berleluasa tanpa kawalan.

### **Definisi kafir dan jenis-jenisnya.**

*Kafir* menurut bahasa bermakna menutupi. Oleh itu seorang yang terkeluar dari agama Allah ini digelar kafir kerana dia telah menutupi kebenaran atau kerana kekafirannya itu, dia menutupi apa yang sepatutnya dia imani. *Kafir* menurut *syari'at* terbahagi kepada dua iaitu *kafir akbar* (besar) dan *kafir asghar* (kecil).

#### **Pertama: *Kafir akbar***

Ini adalah bentuk kekafiran yang menyebabkan pembuatnya kekal dalam neraka selama-lamanya. *Kafir akbar* terbahagi kepada 5 jenis:

- a) ***Kafir Takzib*** (pendustaan) – Kekafiran jenis ini berbentuk mendustakan ajaran yang dibawa oleh para Rasul. Mereka mengingkari ajaran para Rasul dengan lidah dan hati mereka. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

***Dan (ingatlah) hari Kami himpulkan dari tiap-tiap umat sekumpulan besar orang-orang yang mendustakan***



**ayat-ayat keterangan Kami, lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan masing-masing. Sehingga apabila mereka datang (ke tempat pengadilan), Allah Taala berfirman: "Adakah kamu mendustakan ayat-ayat keterangan-Ku dengan tidak lebih dahulu kamu mengetahuinya secara meliputi? Atau apakah yang kamu telah lakukan?"<sup>93</sup>**

- b) ***Kafir iba' wal istikbar*** (keenggan dan kesombongan) – Ada sesetengah manusia yang sebenarnya hati mereka mengakui kebenaran ajaran yang dibawa oleh *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*, tetapi enggan untuk patuh kepadanya kerana kesombongan. Kekafiran ini adalah sama seperti kekafiran iblis. Iblis tidak menolak kebenaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai Rabb yang berhak disembah dan dipatuhi perintah-Nya. Namun penentangan iblis adalah disebabkan kesombongannya. Sikap iblis ini adalah sebagaimana yang telah dihuraikan dalam al-Qur'an:

***Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam." Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur dan menjadilah ia dari golongan***

---

<sup>93</sup> al-Naml (27):83-84.

**yang kafir.**<sup>94</sup>

- c) **Kafir I'radh** – artinya berpaling dengan pendengaran dan hatinya dari ajaran para Rasul, tidak membenarkan dan tidak pula mendustakannya, tidak mencintainya dan tidak pula memusuhinya serta sama sekali tidak mahu memperhatikan dan mendengar kepadanya. Perilaku ini adalah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah 'Azza wa Jalla:

***Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya. Ia membawa berita yang mengembirakan (bagi orang-orang yang beriman) dan membawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dalam pada itu kebanyakan mereka berpaling ingkar (tidak mahu mengetahui dan memahaminya), maka dengan sebab itu mereka tidak menerima dan tidak mematuhi.***<sup>95</sup>

- d) **Kafir Syak** (keraguan) – Ini adalah golongan yang senantiasa di dalam keraguan akan kebenaran ajaran para Rasul.
- e) **Kafir Nifaq** – Iaitu menampakkan keimanan dengan lisan dan

---

<sup>94</sup> al-Baqarah (2):34.

<sup>95</sup> al-Fussilat (41):3-4.

perbuatan namun hatinya kafir (orang munafiq). Ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman.***<sup>96</sup>

#### **Kedua: *Kafir Asghar***

Apabila seseorang itu tidak membuat sesuatu perintah agama, akan tetapi dia tetap menyakini akan kewajipan perintah tersebut, dia tidak dianggap kafir. Contohnya adalah orang yang menyakini akan kewajipan membayar zakat harta tahunan, akan tetapi kerana leka mengejar kehidupan duniawi dia tidak membayar zakat tersebut. Maka orang ini tidak dihukum kafir.

Demikian juga, apabila seseorang itu tidak meninggalkan sesuatu larangan agama, akan tetapi dia tetap menyakini akan keharaman perkara tersebut, dia tidak dianggap kafir. Contohnya adalah orang yang menyakini keharaman hukum minum arak, akan tetapi oleh kerana keterbiasaannya minum sekian lama, dia mendapati sukar untuk menukar tabiat tersebut melainkan bertahap-tahap. Maka orang ini tidak dihukum kafir.

Inilah yang dimaksudkan dengan *kafir asghar*. *Kafir* ini tidak

---

<sup>96</sup> al-Baqarah (2):8.

mengeluarkan pembuatnya dari agama (masih termasuk dalam golongan yang beriman) dan tidak kekal dalam neraka. Berkata Imam Abu Hanifah *rahimahullah* dalam kitabnya *Fiqh al-Akbar* (ms. 102):

Kita tidak boleh mengkafirkan seorang muslim dengan setiap dosa, meskipun dosa besar. Kecuali ada unsur menganggap halal maksiat itu. Kita juga tidak menghilangkan akar iman darinya, dia masih disebut orang beriman secara hakiki atau seorang mukmin yang *fasik* (tetapi) tidak kafir.<sup>97</sup>

Menurut Imam Abu Ja'afar al-Thahawi *rahimahullah*:

Kita tidak mengkafirkan seorangpun *ahlul kibrat* kerana dosa-dosa yang dilakukan, selama dia tidak menghalalkan perbuatan dosa tersebut."

Syaikh Abdul Aziz bin Baaz *rahimahullah* melanjutkan:

Maksud beliau (yakni Imam Abu Ja'afar al-Thahawi), sesungguhnya *Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* tidak mengkafirkan seorang Muslim yang bertauhid, beriman kepada Allah dan hari akhir. Mereka tidak dikafirkan kerana perbuatan yang mereka lakukan, iaitu dosa seperti zina, minum khamar (arak), riba', derhaka kepada orang tua dan sejenisnya, selama pembuatnya tidak menganggap halal perbuatannya. Namun apabila pembuatnya menganggap halal perbuatannya, maka

---

<sup>97</sup> Dinukil dari kitab Dr. Ibrahim bin Amir ar-Ruhaili, *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah* (edisi terjemahan oleh Abu Ahmad Syamsuddin, Pustaka al-Kautsar, Jakarta 2002), ms. 97.

mereka termasuk kafir kerana statusnya telah mendustakan Allah dan Rasul-Nya serta keluar dari agama. Apabila mereka tidak menganggap halal perbuatan dosanya, maka mereka tidak dikafirkan menurut fahaman *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*. Mereka dianggap seorang mukmin yang lemah imannya...<sup>98</sup>

Hal ini termasuklah tindakan kebanyakan pemerintah negara Islam pada zaman kini yang tidak melaksanakan hukum Allah. Berkata Imam Ibnu Abil 'Izzi 'Abdis Salaam dalam kitabnya *Syarhul Aqidah ath-Thahawiyah* (ms. 323-324):

Di sini wajib untuk kita berfikir (*secara cemerlang*) bahawa berhukum dengan selain yang diturunkan Allah kadang-kadang boleh menjadi *kafir* yang mengeluarkan pembuatnya dari Islam (*kafir akbar*) dan kadang-kadang boleh menjadi maksiat besar atau kecil atau boleh jadi *kafir majazi* atau *kafir asghar* (kecil), yang demikian sesuai dengan keadaan hakim/perlaksanaan hukum itu.

Apabila dia meyakini bahawa berhukum dengan selain yang diturunkan Allah adalah tidak wajib dan bahawa dia diberi kebebasan (untuk berhukum dengannya atau tidak) atau dia menghina hukum Allah bersamaan dengan keyakinannya bahawa ia adalah hukum Allah, maka ini adalah *kafir akbar*.

Apabila dia meyakini wajib berhukum dengan apa yang diturunkan Allah

---

<sup>98</sup> *Kitab al-'Aqidah ath-Thahawiyah* (edisi terjemahan terbitan Jahabersa, Johor Bahru 2001), ms. 530-535.

dan dia mengetahuinya tapi dia berpaling darinya, bersamaan dengan pengakuannya bahawa dia berhak mendapat hukuman (atas perbuatannya berpaling dari hukum Allah), maka orang ini telah berbuat maksiat dan ini dinamakan dengan *kafir majazi* atau *kafir asghar*.<sup>99</sup>

### **Beberapa syarat pengkafiran:**

Seperti mana yang disebut di permulaan risalah ini, para ulama' *Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* amat berwaspada dalam menghukum kafir terhadap seseorang individu muslim. Mereka telah menggariskan beberapa syarat yang perlu diperhatikan terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukum kafir. Syarat-syarat tersebut adalah:

#### **Pertama: Baligh dan berakal.**

Orang yang belum baligh (kanak-kanak) dan orang yang tidak sempurna akalnya tidak dijatuhkan hukuman. Ini berdasarkan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Diangkat pena (tidak dicatit kesalahan) dari tiga orang, anak kecil hingga baligh, orang tidur hingga terbangun dan orang gila hingga***

---

<sup>99</sup> Dinukil dari *Kafirkah Orang Yang Berhukum Dengan Selain Hukum Allah?*, ms. 96.

**sedar.**<sup>100</sup>

Ibnu Qudamah *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Mughni* (jld. 12, ms. 266) berkata:

Hukum murtad tidak berlaku bagi orang yang tidak berakal seperti anak kecil, orang gila, atau orang yang hilang kesadaran akibat pengsan, tidur, sakit, dan minum ubat yang boleh diminum.<sup>101</sup>

**Kedua: Perbuatan kafir dilakukan dengan sengaja.**

Ucapan atau perbuatan yang membawa kepada kekafiran hendaklah dilakukan dengan kerelaan hati atau kehendak sendiri. Ia bukan satu perbuatan yang terpaksa, tak sengaja, terlanjur atau di luar kawalan seperti disebabkan oleh kegembiraan atau kesedihan yang amat sangat. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu untuk melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.***<sup>102</sup>

---

<sup>100</sup> *Sahih Sunan Abu Dawud, Kitab al-Hudud*, hadis no. 4402.

<sup>101</sup> Dinukil dari *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah*, ms. 117.

<sup>102</sup> al-Ahzab (33):05

**Sesiapa yang kafir kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kafir) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman.**<sup>103</sup>

Sabda Nabi saw *shallallahu 'alaihi wasallam* :

**Allah sangat gembira tatkala hamba-Nya bertaubat, melebihi kegembiraan di antara kalian yang kehilangan kenderaannya di padang pasir yang membawa makanan dan minumannya. Maka apabila dia telah berputus asa darinya (mencari kenderaannya tunggangannya itu) lalu dia mendatangi sebuah pohon untuk berteduh, dalam keadaan putus asa tiba-tiba kenderaan itu berdiri di sisinya.**

**Maka langsung dia pegang talinya dengan rasa gembira lalu berkata : "Ya Allah, Engkau hambaku dan aku adalah tuhan Mu." Dia salah dalam berkata kerana kegembiraan.**<sup>104</sup>

### **Ketiga: Ditegakkan hujah ke atasnya.**

Tidak boleh menghukum kafir ke atas seseorang selagi mana belum

---

<sup>103</sup> al-Nahl (16):106

<sup>104</sup> *Sahih Muslim, Kitab al-Taubah*, hadis no. 2747. Bermaksud, orang yang kehilangan kenderaannya sepatutnya berkata: "Ya Allah, Engkau adalah tuhanku dan aku adalah hamba-Mu." Namun oleh kerana terlalu gembira, dia tersalah sebut sehingga menyatakan Allah sebagai hambanya. Kesalahan ini diampunkan.



ditegakkan hujah ke atasnya bahawa perbuatannya boleh mengakibatkan kekafiran. Lebih dari itu, hujah yang ditegakkan hendaklah dalam bentuk yang jelas dan padu, lengkap dengan dalil-dalilnya, sehingga dia dapat memahaminya dengan baik. Berkata Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyah *rahimahullah* dalam *Majmu' al-Fatawa* (jld. 12, ms. 501):

Ucapan (yang mengakibatkan) *kafir* mungkin saja datang dari orang yang belum sampai kepadanya nas (hujah dan dalil) untuk mengenali kebenaran. Atau boleh jadi telah sampai (nas tersebut) tetapi hujah tersebut dipandang tidak benar atau belum mungkin baginya untuk memahaminya atau ada *syubhat* dalam proses memahami kebenaran. Maka dalam kondisi seperti ini Allah memaafkan..... inilah manhaj para sahabat *radhiallahu 'anhum* dan para ulama' sunnah.<sup>105</sup>

Beliau meneruskan (Jld. 12, ms. 523-524):

Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya secara mutlak dan tidak tahu kebenaran secara rinci, tidak boleh dihukum kafir sehingga telah ditegakkan hujah bahawa tindakannya tersebut *kafir*. Sebab banyak orang terkadang salah dalam memahami al-Qur'an atau salah tafsir, maka kesalahan dan lupa diangkat dari umat ini dan penghukuman kafir hanya terjadi setelah ada

---

<sup>105</sup>

Dinukil dari *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah*, ms. 129.

penjelasan.<sup>106</sup>

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

**...Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami memutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).**<sup>107</sup>

**Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah memutuskan Rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.**<sup>108</sup>

Abdullah bin Auf *radhiallahu 'anh* pernah menceritakan:

**Tatkala Mu'adz datang dari Syam, beliau terus sujud kepada Nabi. Maka Nabi bertanya: "Apa yang kamu lakukan wahai Mu'adz?" Dia berkata: "(Apabila) saya sampai ke Syam, saya dapati mereka bersujud**

---

<sup>106</sup> Dinukil dari *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah*, ms. 119. Penulis ingin menarik perhatian para pembaca sekalian kepada dua nukilan di atas yang membatalkan salah faham sebahagian umat masa kini yang menuduh kononnya Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyah amat rakus menjatuhkan hukum kafir ke atas umat Islam. Yang benar beliau amat berhati-hati dalam bab ini.

<sup>107</sup> al-Israa' (17):15

<sup>108</sup> al-Nisaa' (4):165

***kepada para rahib dan pendeta mereka, (maka) saya suka bila seperti itu saya dapat lakukan untukmu."***

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Janganlah kamu lakukan sedemikian, sebab seandainya aku membenarkan orang sujud kepada selain Allah, nescaya aku akan suruh wanita sujud kepada suaminya."<sup>109</sup>***

Dalam hadis di atas, tindakan Mu'adz *radhiallahu 'anh* yang sujud kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah satu tindakan yang jelas salah. Akan tetapi baginda tidak menjatuhkan hukum kepada Mu'adz, sebaliknya menerangkan kepada beliau, yakni menegakkan hujah, bahawa tindakan tersebut tidak dibolehkan.

Syarat yang ketiga ini adalah penting, khasnya orang Islam minoriti yang tinggal di sebuah negara bukan Islam. Sukar bagi mereka mempelajari ilmu-ilmu Islam kerana berjauhan dari ulama', sukar untuk mendapatkan sumber ilmiah tentang Islam dan masyarakat Islam di sekelilingnya juga terdiri dari mereka yang kurang pengetahuannya dalam hal-hal agama. Maka orang Islam minoriti ini tidak dihukumkan kafir seandainya melakukan perbuatan yang pada asalnya boleh membawa kepada kekafiran.

Tidak ketinggalan ialah orang Islam yang duduk di dalam negara yang majoriti penduduknya adalah orang Islam. Akan tetapi mereka tetap terhindar

---

<sup>109</sup> *Sahih Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Nikah, hadis no. 1515.*

daripada ilmu-ilmu agama yang sebenar disebabkan beberapa faktor penghalang seperti para ulama' yang tidak jujur mahupun memiliki ilmu yang sahih. Mereka ini juga tidak dihukum kafir seandainya melakukan perbuatan yang pada asalnya boleh membawa kepada kekafiran.

Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

***Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu; dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaran-Nya) serta taatlah (akan perintah-perintah-Nya).***<sup>110</sup>

***Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, Kami tidak memberati diri seseorang (dengan kewajipan) melainkan sekadar yang terdaya olehnya, - merekalah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya.***<sup>111</sup>

Berdasarkan ayat-ayat di atas, Allah tidak membebani seseorang melainkan yang terdaya olehnya. Oleh itu seandainya seseorang itu telah berusaha sedaya upaya untuk mencari kebenaran dalam Islam namun masih terdapat kekurangan atau kesilapan tanpa disengajakan, sehingga dia melakukan perbuatan yang *kafir*, Allah tidak akan menghukumnya, malah mengampuni kesalahannya.

---

<sup>110</sup> al-Taghaabun (64):16

<sup>111</sup> al-A'raaf (7):42

**Keempat: Perbuatan diukur dari segi zahirnya.**

Setiap orang Islam diadili berdasarkan apa yang terlihat pada zahir dirinya. Antara kaedah yang penting di sini adalah: *"Sesungguhnya hukum-hukum itu dilihat dari zahirnya dan Allahlah yang akan menghukumi batinnya."* Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

***Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua Kalimah Syahadat): "Engkau bukan orang yang beriman" (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal).***<sup>112</sup>

Senada dengan ayat di atas adalah hadis berikut dari Usamah bin Zaid *radhiallahu 'anh*:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah menghantar kami pada satu peperangan, pada pagi hari kami menyerbu al-Huraqaat (nama sebuah kabilah) dari kabilah Juhainah. Maka aku bertemu dengan seorang lelaki lalu dia berkata: "Laa ilaha illallah" kemudian aku menemukannya (membunuhnya).***

---

<sup>112</sup> al-Nisaa' (4):94

***Akan tetapi aku merasa ada sesuatu dalam hatiku dari kejadian itu, lalu aku menceritakannya kepada Rasuliullah shallallahu 'alaihi wasallam. Maka baginda berkata: "Apakah dia telah mengatakan Laa ilaha illallah kemudian kamu membunuhnya?" Aku menjawab: "Ya wahai Rasulullah, sesungguhnya dia mengatakan hal itu hanya kerana takut kepada pedangku.:"***

***Baginda bertanya (menandakan kesalahan tindakan Usamah): "Tidakkah kamu membelah dadanya sehingga kamu mengetahui apakah benar-benar dia mengatakannya (dengan jujur) atau tidak?"<sup>113</sup>***

Berdasarkan ayat dan hadis di atas, maka sewajarnya bagi kita tidak bermudah-mudah dalam mengkafirkan orang lain selagi mana zahirnya masih menunjukkan bahwa dia seorang muslim. Sebagai contoh, tidak sewajarnya kita mengkafirkan pemerintah yang tidak melaksanakan hukum hudud atau bertindak zalim selagi mana pada dirinya terdapat ciri-ciri orang Islam, khasnya ciri mendirikan sembahyang. Ini sebagaimana pesan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam:

***Akan ada sepeninggalku nanti pemimpin (yang) kalian mengenalnya dan mengingkari (kezalimannya), maka barangsiapa mengingkarinya (bererti) dia berlepas diri dan barangsiapa membencinya (bererti) dia selamat. Akan tetapi barangsiapa yang***

---

<sup>113</sup> Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no. 96.

***meredhainya (bererti) mengikutinya. Para sahabat bertanya: "Apakah tidak kita perangi mereka (pemimpin tersebut)?" Baginda menjawab: "Jangan, selagi mana mereka masih sembahyang."***<sup>114</sup>

**Kelima: Kekafiran memiliki cabang-cabangnya.**

Sebagaimana iman memiliki cabang-cabangnya, kekafiran juga memiliki cabang-cabangnya. Di antara cabang-cabang kekafiran ada yang boleh menyebabkan pelakunya terkeluar dari Islam dan ada yang tidak. Contohnya mengatakan Nabi Isa *'alaihi salam* adalah anak tuhan atau tuhan itu bertiga (*Trinity*) jelas mengeluarkan pelakunya dari agama Islam. Manakala peminum arak atau penzina hanya dihukum sebagai seorang yang *fasiq* (pelaku dosa besar), namun tidak mengeluarkannya dari Islam selagi mana dia tidak menghalalkan perbuatannya itu.

Oleh itu seseorang yang terdapat dalam dirinya beberapa perbuatan dari cabang-cabang kekafiran, dia tidak boleh dihukum kafir secara mutlak dan tidak pula boleh dinamakan mukmin secara mutlak walaupun dirinya beriman kepada Allah *'Azza wa Jalla*. Yang benar dia masih seorang muslim. Ini sebagaimana Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Orang-orang "A'raab" berkata: "Kami telah beriman." Katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, akan tetapi berkatalah,***

---

<sup>114</sup> *Sahih Muslim, Kitab Al-Imarah, hadis no. 1854.*

**'kami telah Islam' kerana iman masih belum memasuki hati kamu.**<sup>115</sup>

Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* berkata:

Asal kesesatan *Mu'tazilah*, *Khawarij* dan selain mereka adalah kerana mereka menyelisihi dasar ini, mereka menjadikan iman sebagai sesuatu yang satu, bila hilang sebahagiannya maka musnahlah seluruhnya. Oleh kerana itu mereka menghukumi pelaku dosa besar sebagai tidak memiliki iman sama sekali. Mereka tidak mengatakan ada sebahagian yang hilang dan sebahagian lain yang masih tersisa, sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: "**Akan keluar dari Neraka barangsiapa yang hatinya ada sedikit keimanan.**" Dengan demikian maka iman tidak hilang dengan hilangnya sebahagian amal.<sup>116</sup>

### **Kata Penutup.**

Harapan penulis, risalah yang ringkas ini dapat menyedarkan kita semua akan sikap berhati-hati para ulama' *Ahlus Sunnah Wal Jama'ah* dalam masalah *takfir*. Kekafiran itu sendiri terbahagi kepada dua kategori dan sebelum seseorang itu boleh dijatuhkan hukum kafir, terdapat beberapa syarat yang perlu diperhatikan terlebih dahulu.

---

<sup>115</sup> al-Hujuraat (49):14

<sup>116</sup> Dinukil dari *Kafirkah Orang Yang Berhukum Dengan Selain Hukum Allah?*, ms. 16.



Hendaklah kita menyadari bahwa mengkafirkan muslim yang lain merupakan satu isu yang amat serius, sebagaimana jelas Imam Ibnu Abil 'Izzi 'Abdis Salam al-Hanafi dalam *Syarhul Aqidah ath-Thahawiyah* (jld. 2, ms. 432 & 436):

Ketahuilah -semoga Allah merahmati kamu- bahwa masalah pengkafiran merupakan masalah yang sangat besar fitnah dan musibahnya, banyak perpecahan yang terjadi di dalamnya, berselisihnya hawa nafsu dan pendapat tentangnya dan telah terjadi pertentangan antara alasan-alasan mereka..... Sesungguhnya sebesar-besar bentuk kejahatan adalah menuduh individu tertentu bahwa Allah tidak akan mengampuninya dan tidak akan merahmatinya, bahkan Allah akan mengekalkannya dalam neraka (kerana yang sedemikian adalah) hukum bagi orang kafir setelah mati.<sup>117</sup>

Kesimpulannya, sekiranya dalam diri seseorang itu terdapat beberapa ciri kekafiran, sikap kita bukanlah mengkafirkannya tetapi berusaha mencari jalan agar dia menghindari ciri-ciri kekafiran tersebut. Berilah nasihat, tegakkan hujah dan bukalah ruang untuk dia berfikir dan berusaha mengubah diri sekalipun hanya secara bertahap-tahap. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

***Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah***

---

<sup>117</sup> Dinukil dari *Kafirkah Orang Yang Berhukum Dengan Selain Hukum Allah?*, ms. 11.

***dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.<sup>118</sup>***

## **Apakah Wahabi?**

Oleh:

Abu Ubaidah Al Atsari dan Abu Usamah<sup>119</sup>

Pertarungan antara *Ahl al-Tawhid* dan *Ahl al-Syirik* merupakan *sunnatullah* yang tetap berjalan, tidak akan berakhir hingga matahari terbit dari sebelah barat. Hal ini merupakan ujian dan cubaan bagi *Ahl al-Haq* agar terjadi jihad *fi sabilillah* dengan lidah, pena ataupun senjata.

***Dan sekiranya Allah menghendaki, tentulah Dia membinasakan mereka (dengan tidak payah kamu memeranginya); tetapi Dia (perintahkan kamu berbuat demikian) kerana hendak menguji kesabaran kamu menentang golongan yang kufur ingkar (yang mencerobohi kamu).***<sup>120</sup>

Kita lihat musuh-musuh tauhid berusaha sekuat tenaga dengan mengorbankan waktu dan harta mereka tanpa mengenal lelah untuk membela kebatilan mereka, menebarkan kesesatan mereka, dan memadamkan cahaya *Rabb* mereka.

---

<sup>119</sup> Dipaparkan dengan izin *Majalah As Sunnah* Edisi 12/Th.IV/1421 – 2000, asalnya dengan judul *Dakwah Wahhabiyah*. Diikuti dengan beberapa suntingan bahasa dan catitan tambahan.

<sup>120</sup> Muhammad (47):4

***Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian).***<sup>121</sup>

Salah satu senjata utama mereka untuk memadamkan cahaya Allah ialah dengan menjauhkan manusia dari *da'i* yang berpegang teguh dengan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, dengan gelar-gelar yang jelek dan mengerikan. Seperti kata yang populer di tengah masyarakat yaitu "Wahabi". Semua itu dengan tujuan menjauhkan manusia dari dakwah yang benar.

Apa sebenarnya Wahabi? Mengapa mereka begitu benci separuh mati terhadap Wahabi? Sehingga buku-buku yang membicarakan tentang Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab mencapai 80 kitab atau lebih. Api kebencian mereka begitu membara hingga salah seorang di antara mereka mengatakan bahwa Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab bukan anak manusia, melainkan anak setan, *Subhanallah*, adakah kebohongan setelah kebohongan ini?

***...besar sungguh perkataan syirik yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta.***<sup>122</sup>

Hal seperti ini terus diwarisi hingga sekarang. Maka kita lihat orang-orang yang berlagak alim atau ustaz bangkit berteriak memperingatkan para

---

<sup>121</sup> al-Taubah (9):32

<sup>122</sup> al-Kahfi (18):5

pengikutnya, membutakan hati mereka dari dakwah yang penuh *barakah* ini, dan dari para *da'i* penyeru tauhid pemberantas syirik dengan sebutan-sebutan dan gelaran-gelaran yang menggelikan, seperti gelaran "Wahabi". Padahal mereka tidak mengetahui hakikat dakwah yang dilancarkan Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab.

***...Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).***<sup>123</sup>

***...yang demikian itu, kerana mereka ialah kaum yang tidak mengerti.***<sup>124</sup>

Yang mereka dengar hanyalah tuduhan-tuduhan di tepi jurang yang runtuh lalu bangunannya jatuh bersama-sama mereka ke dalam neraka *Jahannam*. Tuduhan-tuduhan mereka tidaklah ilmiah sama sekali, lebih lemah dari sarang labah-labah.

***Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaulah***

---

<sup>123</sup> al-Baqarah (2):13

<sup>124</sup> al-Hasyr (59):13

***mereka orang-orang yang berpengetahuan.***<sup>125</sup>

Semoga kalimat sederhana ini dapat membuka pandangan mata mereka terhadap dakwah ini dan agar binasa orang yang binasa di atas keterangan yang nyata pula. Dan jangan sampai mereka termasuk orang-orang yang difirmankan oleh Allah:

***Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertaqwalah engkau kepada Allah" timbullah kesombongannya dengan (meneruskan) dosa (yang dilakukannya itu). Oleh itu padanlah ia (menerima balasan azab) neraka jahannam dan demi sesungguhnya, (neraka jahannam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal.***<sup>126</sup>

### **Apakah Wahabi?**

Perlu ditegaskan di sini bahwa penamaan dakwah ini dengan "Dakwah Wahabiyah" dan para pengikutnya dengan "Wahabi" merupakan kesalahan kalau ditinjau dari segi lafaz dan maknanya.

Dari segi lafaz, penamaan "Wahabiyah" dinisbatkan kepada Abdul Wahhab yang tidak mempunyai sangkut paut dengan dakwah ini.<sup>127</sup> Ia tidak dinisbatkan

---

<sup>125</sup> al-Ankabut (29):41

<sup>126</sup> al-Baqarah (2):206

<sup>127</sup> Ini kerana Abdul Wahhab adalah ayah kepada Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab. Yang mendirikan dakwah ini adalah Muhammad dan bukannya Abdul Wahhab, maka sepatutnya gelaran

kepada Muhammad bin Abdul Wahhab, yang menurut mereka, beliau adalah pendirinya. Kalaulah mereka jujur, tentu menamakannya dengan "Dakwah Muhammadiyah" karena nama beliau adalah Muhammad. Namun karena mereka menganggap bahwa jika menamakan dakwah ini dengan "Dakwah Muhammadiyah", ia tidak akan menjauhkan manusia, maka mereka menggantinya dengan "Dakwah Wahabiyah".

Adapun dari segi makna, maka mereka juga keliru di dalamnya sebab dakwah ini mengikuti manhaj dakwah *al-Salaf al-Soleh* dari kalangan sahabat, *tabi'in*, dan *tabi'ut tabi'in*. Kalaulah mereka jujur, tentunya menamai dakwah ini dengan dakwah *Salafiyyah*.

Jadi apakah sebenarnya Wahabiyah? Dalam Kitab *Fatwa Al Lajnah Ad Da'imah*<sup>128</sup>Juz 2, hal 174 diterangkan:

Wahabiyah adalah sebuah lafaz yang dilontarkan oleh musuh-musuh Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab disebabkan dakwah beliau di dalam memurnikan tauhid, membasmi syirik dan membendung seluruh tatacara ibadah yang tidak dicontohkan dari Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Tujuan mereka dalam menggunakan lafaz ini ialah untuk menjauhkan manusia dari dakwah beliau dan menghalangi mereka agar tidak mahu mendengarkan perkataan beliau.

---

disandarkan kepada Muhammad dan bukannya Abdul Wahhab. Sebab mengapa gelaran sengaja dialih daripada Muhammad diterangkan seterusnya di atas. (Hafiz Firdaus).

<sup>128</sup> Sebuah lembaga pemberi fatwa di Saudi Arabia

Sungguh sangat menghairankan omongan kebanyakan manusia, ketika mereka melihat seorang yang mengagungkan tauhid, menyeru dan membelanya, mereka menyebutnya sebagai "Wahabi". Yang lebih lucu adalah apabila mereka menyatakan bahwa Ibnu Taimiyah dan Ibnul Qayyim keduanya adalah Wahabi. *Subhanallah!* Apakah Muhammad bin Abdul Wahhab melahirkan orang yang hidupnya lebih dulu beberapa abad dari dirinya?<sup>129</sup> Syaikh Muhammad Nashiruddin Al Albani berkata:

Mungkin sebagian orang-orang bodoh akan menuduh Imam al-Suyuti dengan Wahabi sebagaimana adat mereka. Padahal jarak wafat antara keduanya kurang lebih 300 tahun.<sup>130</sup> Aku teringat cerita menarik sekali, terjadi di salah satu sekolah di Damaskus (Syria) ketika seorang guru sejarah beragama Nashara (Kristian) menceritakan tentang sejarah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan dakwahnya dalam memerangi syirik, khurafat dan bid'ah. Sehingga seakan-akan guru Nashara itu memuji dan kagum kepadanya. Maka berkatalah salah seorang muridnya, "Wah guru kita menjadi Wahhabi!".

Demikianlah kebencian mereka terhadap Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan orang-orang yang mengikuti dakwahnya, bahkan kepada orang

---

<sup>129</sup> Ini kerana Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab meninggal dunia pada tahun 1206H manakala Imam Ibnu Taimiyah meninggal dunia pada tahun 728H dan Imam Ibnul Qayyim pada tahun 757H. (Hafiz Firdaus).

<sup>130</sup> Imam al-Suyuti meninggal dunia pada tahun 911H.



Nashranipun -yang nyata-nyata bukan Muslimin- mereka tuduh "Wahabi".

***Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji!***<sup>131</sup>

### **Beberapa Tuduhan dan Jawapan**

Beragam penilaian manusia dalam menilai dakwah ini. Sebagian mereka berkeyakinan bahwa dakwah ini adalah mazhab kelima setelah empat mazhab yang lain. Sebagian lagi menganggap bahwa Wahabi sangat ekstrim sehingga mudah mengkafirkan kaum muslimin. Sebahagian lagi menganggap bahwa Wahabi tidak mencintai *Rasulullah* dan para wali. Serta anggapan-anggapan lainnya yang sama sekali tidak ada buktinya.

Sebelum membantah tuduhan-tuduhan mereka renungilah perkataan al-'Allamah Muhammad Rasyid Ridha berikut ini:

Pada masa kecilku, aku sering mendengar cerita tentang "Wahabiyah" dari buku-buku Dahlan<sup>132</sup> dan selainnya. Sayapun membenarkannya karena *taqlid*

---

<sup>131</sup> al-Buruj (85):8

<sup>132</sup> Yang dimaksudkan ialah Ahmad Zaini Dahlan, seorang yang memusuhi dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab semata-mata kerana dakwah tersebut menyalahi pegangan dan kedudukannya. Sepertimana kata Syaikh Rasyid Ridha di atas, jika kita mengkaji buku-buku karangan Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan para tokohnya, ternyata bahawa cerita negatif "Wahabiyah"

kepada guru-guru kami dan bapak-bapak kami.<sup>133</sup>

Saya baru tahu tentang hakikat *jama'ah* ini setelah hijrah ke Mesir. Ternyata aku mengetahui dengan yakin bahwa mereka (Syaiikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan pengikutnya) yang berada di atas *hidayah*. Kemudian saya mengkaji buku-buku Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab anak-anaknya, dan cucu-cucunya serta ulama-ulama lainnya dari Najd (sebuah daerah di Arab Saudi), maka saya mengetahui bahwa tidak terdapat sebuah tuduhan serta celaan yang dilontarkan kepada mereka kecuali mereka menjawabnya.

Jika tuduhan itu dusta mereka berkata, "Maha Suci Engkau (Ya, Allah), ini adalah kedustaan yang besar." Akan tetapi jika tuduhan itu ada asalnya, mereka menjelaskan hakikatnya dan membantahnya. Sesungguhnya *ulama'* Sunnah dari India dan Yaman telah meneliti, membahas dan menyelidiki tuduhan-tuduhan yang dilontarkan kepada Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan pengikutnya. Akhirnya mereka mengambil kesimpulan bahwa para penuduh itu sebenarnya tidak amanah dan tidak jujur.

Baiklah, sekarang kita kaji tuduhan-tuduhan mereka dan jawabannya.

---

yang dibawa oleh Ahmad Zaini Dahlan adalah dusta. (Hafiz Firdaus)

<sup>133</sup> Inilah hakikat yang berlaku di Malaysia juga. Kebanyakan orang membenci dan menolak dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab semata-mata kerana ikutan kepada orang-orang sebelum mereka tanpa mengkaji secara ilmiah apa dan bagaimana dakwah tersebut. (Hafiz Firdaus)

***Supaya Allah menegakkan yang benar dan menghapuskan yang salah (kufur dan syirik), sekalipun golongan (kafir musyrik) yang berdosa itu tidak menyukainya.***<sup>134</sup>

#### **Tuduhan Pertama:**

Mereka, ahli *bid'ah*, menganggap bahwa dakwah Wahabiyah merupakan mazhab kelima setelah empat mazhab lainnya (Hambali, Maliki, Syafi'i dan Hanafi).

#### **Jawapan kepada tuduhan pertama:**

Ini merupakan kejahilan mereka, sebab telah merupakan perkara yang masyhur dan memang nyata bahwa dakwah ini bukanlah dakwah baru. Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dalam hal aqidah mengikuti mazhab Salaf. Adapun dalam masalah *furu'* mengikuti mazhab Imam Ahmad bin Hanbal (Hambali). Maka bagaimanakah mereka menyatakan bahwa Wahabiyah merupakan dakwah baru serta dianggapnya sebagai *jama'ah* sesat dan rosak? Semoga Allah menghancurkan kejahilan, hawa nafsu dan *taqlid*.

Syaikh Muhammad Jamil Zainu pernah bercerita:

*Aku pernah bertemu seorang di Syria yang mengatakan tentang Syaikh*

---

<sup>134</sup>

al-Anfaal (8):8

Muhammad bin Abdul Wahhab bahwa beliau adalah pendiri mazhab kelima dari empat mazhab. Maka akupun berkata kepadanya bahwa bagaimana anda mengatakan demikian padahal bukankah sudah masyhur bahawa mazhab beliau adalah Hambali? Sungguh ini adalah kedustaan dan tuduhan tanpa bukti.

**Tuduhan Kedua:**

Mereka menganggap bahwa dakwah Wahabiyah mudah mengkafirkan kaum muslimin.

**Jawaban kepada tuduhan kedua:**

Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab sendiri telah menjawab tuduhan ini ketika menuliskan dalam suratnya kepada Suwaidiy, seorang alim dari Iraq (pada zamannya):

Adapun apa yang kalian sebutkan bahwa saya mengkafirkan kaum manusia, kecuali yang mengikutiku dan bahwasanya aku menganggap pernikahan-pernikahan mereka tidak sah, maka saya katakahi bahwa sungguh mengherankan, bagaimana hal ini dapat masuk akal, apakah ada seorang muslim yang mengatakan demikian. Ketahuilah aku berlepas diri kepada Allah dari tuduhan ini, yang tidak muncul melainkan dari orang yang terbalik akalnya. Adapun yang saya kafirkan adalah

orang yang telah mengetahui agama Rasul, kemudian setelah mengetahuinya ia mencelanya, melarangnya dan memusuhi orang yang menegakkannya. Inilah yang saya kafirkan.

### **Tuduhan Ketiga:**

Mereka menuduh bahwa Wahabi tidak mencintai Rasulullah.

### **Jawapan kepada tuduhan ketiga:**

Ketahuiilah wahai orang-orang yang berakal, bahwa Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab mempunyai kitab yang berjudul *Mukhtashar Sirah al-Rasul* yang berisi tentang perjalanan hidup *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini menunjukkan kecintaan beliau terhadap baginda.

Maka tuduhan ini merupakan kedustaan dan kebohongan yang akan diminta pertanggungjawabannya di sisi Allah. Kemudian kita katakan kepada mereka, yakni para penuduh, apakah cinta kepada *Rasulullah* itu (dibuktikan) dengan mengadakan (perayaan) *Maulid Nabi, Shalawatan bid'ah*<sup>135</sup> atau selainnya

---

<sup>135</sup> Yakni bacaan-bacaan selawat yang tidak diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Bacaan selawat yang terbaik, teragung, terbesar, termulia adalah bacaan selawat yang diajarkan sendiri oleh Rasulullah, yakni apa yang kita lazim membaca ketika duduk tasyahud dalam solat. (Hafiz Firdaus).

yang tidak pernah diajarkan *Rasulullah* sendiri? Atau cinta kepada *Rasulullah* itu (dibuktikan) dengan mengagungkan sunnahnya, menghidupkannya, membelanya serta memberantas lawannya (yaitu *bid'ah*) sampai keakar-akarnya. Jawablah wahai orang-orang yang dikurniakan akal.

***Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."***<sup>136</sup>

Al-Hafiz Ibnu Katsir berkata dalam tafsirnya, juz 2 hal 37:

Ayat ini merupakan hakim bagi setiap orang yang mengakui mencintai Allah padahal tidak mengikuti manhaj yang ditempuh oleh *Rasulullah*. Dia dianggap dusta dalam pengakuannya hingga dia mengikuti *syari'at* *Rasulullah* dalam segala hal, baik dalam perkataan, perbuatan maupun keadaan.

#### **Tuduhan keempat:**

Mereka menuduh bahwa Wahabi menganggap diri mereka maksum sehingga hanya merekalah yang benar dan tidak menerima kesalahan. Adapun selain mereka dianggap penuh kesalahan dan tidak pernah benar.

---

<sup>136</sup> Ali 'Imran (3):31

**Jawapan kepada tuduhan keempat:**

Sungguh ini adalah tuduhan dusta. Syaikh Muhammad bin Abdil Wahhab dalam salah satu suratnya berkata:

Dan aku berharap agar aku tidak menolak kebenaran yang datang kepadaku. Aku bersaksi kepada Allah, para Malaikat-Nya bahwa apabila datang kepadaku kebenaran, aku akan menerimanya dan aku akan lemparkan semua perkataan imamku yang menyelisihi kebenaran, selain *Rasulullah*, karena dia tidak mengatakan sesuatu kecuali yang benar.

**Tuduhan kelima:**

Mereka menuduh bahwa Wahabi mengingkari *syafa'at Rasulallah*.

**Jawapan kepada tuduhan kelima:**

Syaikh Abdul Aziz bin Baz menyatakan:

Tidak asing lagi bagi orang yang berakal dan mempelajari sirah perjalanan Imam Muhammad bin Abdul Wahhab dan para pengikutnya yang harum namanya, bahwa mereka semuanya berlepas diri dari tuduhan ini. Lihatlah Imam Muhammad bin Abdul Wahhab telah menetapkan *syafa'at Rasul* bagi umatnya dalam berbagai karya-karya beliau, seperti *Kitab Tauhid* dan *Kasyfus Subhat*, maka dari sini

jelaslah bagi kita bahwa tuduhan ini *bathil* dan dusta. Sebenarnya yang diingkari oleh Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab adalah meminta *syafa'at* kepada orang-orang yang sudah mati.

**Tuduhan keenam:**

Mereka menuduh Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab di akhir hayatnya menyimpang dari jalan yang benar dengan menolak beberapa hadis yang tidak cocok dengan akalinya.

**Jawapan kepada tuduhan keenam:**

Syaikh Abdul Aziz bin Baz telah menyanggah tuduhan ini dengan perkataan:

Ini termasuk tuduhan dusta karena beliau diwafatkan sedangkan beliau termasuk *da'i* besar yang menyeru kepada aqidah salaf dan manhaj yang sahih, maka tuduhan ini sangatlah dusta karena beliau sangat menghormati sunnah, menerima dan mendakwahkannya hingga akhir hayatnya.

Demikianlah sekelumit tuduhan-tuduhan ahli bid'ah terhadap dakwah yang penuh barakah ini. Semua itu hanyalah kedustaan di atas kedustaan. Sungguh



benarlah apa yang dikatakan oleh Imam Ibnul Mubarak, "*Isnad* itu termasuk agama, seandainya tanpa *isnad* maka manusia akan berkata semahunya." Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah juga berkata dalam Majmu' Fatawa, Juz I, ms. 9:

Ilmu *sanad* dan riwayat merupakan kekhususan umat nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*, Allah menjadikannya sebagai tangga kebenaran. Ketika *Ahl al-Kitab* tidak mempunyai ilmu *sanad* maka bertebaranlah penukilan-penukilan dusta di antara mereka. Demikian juga para penyesat dan *Ahl al-Bid'ah* dari kalangan umat ini sama dengan *Ahl al-Kitab*, tidak ada bedanya. Maka dengan ilmu sanadlah dapat terbedakan antara *al-haq* dan *al-bathil*.<sup>137</sup>

Untuk mengakhiri pembahasan kita, rasanya sangat penting bagi kita memperhatikan tiga perkara berikut, sekaligus sebagai kesimpulan dari uraian di atas:

**Pertama:** Hakikat dakwah Wahabiyah.

Syaikh Abdul Aziz bin Baz berkata:

Hakikat dakwah ini, sebagaimana dakwah Nabi Muhammad, ialah

---

<sup>137</sup> Maksudnya, tanpa memerhatikan ilmu sanad, umat Islam akan membuat pelbagai andaian tentang agama ini, termasuklah berburuk sangka sehingga memfitnah para tokohnya. Oleh itu hendaklah kita mengkaji ilmu-ilmu agama dan dakwah para tokohnya berdasarkan ilmu sanad, yakni dengan memerhatikan sumber-sumbernya secara ilmiah dan jujur. Manhaj ini hendaklah kita terapkan dalam diri kita agar kita beragama secara benar dan asli, bukan andaian dan rekaan. (Hafiz Firdaus)

memurnikan tauhid dan mewujudkan tuntutan syahadat *Laa ilaaha illallah* dan *Muhammadur Rasulallah*. Yang demikian itu dengan memurnikan ibadah hanya kepada Allah saja dan menjadikan Rasulullah sebagai panutan yang agung. Mereka (Wahabi) adalah golongan yang berjalan di atas manhaj Salaf dari kalangan sahabat, *tabi'in* dan orang-orang yang mengikuti mereka, baik dalam aqidah, perkataan ataupun perbuatannya. Inilah manhaj yang wajib bagi setiap muslim untuk berjalan di atasnya, meyakinkannya dan mendakwahrkannya.

**Kedua:** Hukum orang yang mencela Syaikh Muhammad bin Abdil Wahhab.

Syaikh Abdul Aziz bin Baz selanjutnya menegaskan:

Sesungguhnya orang-orang yang mencela Syaikh Muhammad bin Abdil Wahhab terdiri daripada dua kemungkinan. Yang **pertama** dia adalah seorang yang bergelimang dengan syirk sehingga dia memusuhi Syaikh karena dakwahnya yang mengajak kepada tauhid dan membasmi segala macam kesyirikan. Yang **kedua** dia adalah orang yang jahil yang tertipu oleh *da'i-da'i* penyesat. Maka alangkah lucunya golongan jahil ini karena mereka mengikuti orang yang jahil sejenis mereka.

**Ketiga:** Himpunan dan Ajakan.

Kepada mereka yang benci dan hasad kepada dakwah yang penuh barakah ini, kami nasihatkan: Bukalah pandangan mata kalian, bangunlah dari

tidur kalian, hilangkan segala kedengkian yang ada di hati kalian. Bacalah dan cermatilah buku-buku Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan para pengikutnya dengan lapang dada, nescaya kalian akan dapati bahwa kalian berada dalam tipuan dan kegelapan.<sup>138</sup>

---

<sup>138</sup> Berikut disenaraikan beberapa rujukan yang disyorkan tentang dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab:

1. *Muhammad Ibn Abdil Wahhab: His Life Story and Mission* oleh Jalal Abualrub (Madinah Publishers and Distributors, Florida 2003). Buku ini memberi tumpuan kepada sejarah dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dan menjawab tuduhan-tuduhan dalam konteks sejarah, seperti kononnya Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab bekerja sama dengan negara-negara Barat untuk menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah. Boleh dipesan melalui [www.madinahstore.com](http://www.madinahstore.com)
2. *Syarah Kitab Tauhid* oleh Syaikh Muhammad bin Shalih al-Utsaimin (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi dari judul asal *al-Qaul al-Mufid 'ala Kitab al-Tauhid*; Darul Falah, Jakarta 2003). Ini merupakan syarahan kepada *Kitab al-Tauhid* yang dikarang oleh Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab. Kitab ini mengupas tatacara tauhid yang sebenar dan perkara-perkara yang mencemari kemurnian tauhid tersebut.
3. *Perilaku dan Akhlak Jahiliyah* oleh Syaikh Shalih bin Fawzan al-Fawzan (edisi terjemahan oleh Hannan Hoesin & Rusydi A. Salamah dari judul asal *Syarh Masa'il al-Jahiliyah*; Maktabah Salafy, Gajah Mada 2002). Ini merupakan syarahan kepada kitab *Masa'il al-Jahiliyah* yang dikarang oleh Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab. Ia menerangkan pelbagai amalan jahiliyah yang wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang kini wujud kembali pada zaman mutakhir di kalangan umat Islam.

### **Kontraversi Dakwaan Ibn Batutah Terhadap Ibn Taimiyyah**

oleh:

Dr. Mohd. Asri b Zainul Abidin (moasriza@yahoo.com)

Saya ditanya tentang buku *Rihlah Ibn Batutah*. Khasnya berkaitan tohmahan buku ini terhadap Ibn Taimiyyah. Lalu kisah yang berbentuk tohmahan itu dijadikan alasan oleh sesetengah pihak untuk mencerca Ibn Taimiyyah. Ramai pula yang menjadi keliru. Apatah lagi buku ini sedang laris di pasaran dan dibeli oleh mereka yang meminati agama.

Saya katakan, pada asasnya membaca berbagai bahan adalah suatu tabiat yang baik. Orang yang luas pembacaannya, luas juga pandangannya. Namun bagi setiap buku ada penilaian terhadapnya, terutamanya di sudut ketepatan dan kebenaran. Tulisan ini saya tulis secara 'segera' dan ringkas mengulas mengenai buku tersebut, khasnya mengenai tohmahan Ibn Batutah *rahimahullah* terhadap Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (w.728H).

Ibn Batutah menjadi terkenal kerana karya mengenai kembaranya yang dikenali dengan nama *Rihlah Ibn Batutah*. Dalam tulisan tersebut dicatatkan sejarah atau kisah pengembaraan dan pelayaran beliau ke berbagai negara.

Tulisan itulah membawa beliau dikenali ramai. Di samping menghargai karya tersebut, kita juga perlu akur bahawa terbukti dalam beberapa hal karya tersebut kurang teliti dan amanah. Apatah lagi Ibn Batutah - semoga Allah merahmatinya dan mengampuninya - bukan terdiri di kalangan ahli periwayatan yang dipegang riwayatnya. Banyak perkara yang disebutkan dalam karya tersebut mendedahkan adanya unsur ketidak telusan dalam menghidangkan sesuatu kisah. Justeru itu kita dapati, catatan tersebut tidak dianggap sebagai rujukan muktabar dalam bidang sejarah. Ramai pengkaji dan *muhaqqiq* (peneliti) mengkritik dan membongkarkan penyelewengan fakta yang terkandung dalamnya. Antara *muhaqqiq* tersebut ialah Hasan al-Saih, di mana ketika memberi aluan kepada kitab *Taj al-Mafriq fi Tahliyyah 'Ulama' al-Masyriq* menyatakan bahawa Ibn Batutah kemungkinan hanya mendengar nama tokoh-tokoh ulama tertentu di negeri-negeri yang dilawati, lalu dia menyebut nama mereka seakan-akan dia benar-benar berjumpa sekalipun dia tidak bertemu sendiri dengan mereka. Sebaliknya sekadar mengambil cerita daripada orang lain.

Kisah kembara Ibn Batutah yang ditulis itu, mempunyai banyak cerita yang bersifat dongeng yang digambarkan seakan Ibn Batutah melihatnya sendiri. Antaranya cerita dia melawat beberapa pulau dan negeri yang wanita-wanita hanya mempunyai satu buah dada.

Dalam buku *Hayat Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah*, penulisnya, iaitu seorang tokoh ulama Syam terbilang bernama Muhammad Bahjah al-Baitar, menyatakan bahawa buku kembara Ibn Batutah penuh dengan cerita pelik lagi

tidak masuk akal dan palsu. Cerita ini diambil daripada orang ramai yang dia dengar di negeri-negeri yang dia kunjungi tanpa sebarang penilaian. Umpamanya beliau menyatakan di tengah Masjid Umawi di Damsyik ada kubur Nabi Zakaria 'alahissalam, sedangkan yang diketahui ianya adalah kubur Yahya 'alahissalam.

Juga dakwaan kononnya dia membaca di dalam *Fadail al-Dimasyq* daripada Sufyan al-Thauri bahawa solat di Masjid Damsyik sama dengan pahala tiga puluh ribu solat. Kita tahu bahawa perkara seperti ini tidak boleh dibuat dengan andaian akal. Orang yang seperti Sufyan al-Thauri *rahimahullah*, seorang tokoh ilmuan yang masyhur pada generasi awal, tidak akan membuat dakwaan seperti ini yang tidak mempunyai sebarang dalil. Dakwaan ini telah melebihkan Masjid Damsyik ke atas Masjid Nabi dan Masjid al-Aqsa. Kedua-dua masjid tersebut pun tidak sampai ke darjat yang seperti ini. Mustahil tokoh hadith yang warak seperti Sufyan al-Thauri membuat dakwaan ini, melainkan satu pembohongan terhadapnya. Apatah lagi Masjid Damasyq belum wujud pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Bahkan Ibn Batutah mengakui fadilat bernazar untuk kubur-kubur utama jika seseorang dalam kesusahan dipukul angin kencang di tengah lautan. Sedangkan dalam keadaan tersebut golongan musyrikin pun akan terus berdo`a kepada Allah tanpa sebarang syirik. Firman Allah:

***Dalam pada itu, apabila mereka (orang musyrikin) naik bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepada-Nya. Kemudian***

***setelah Allah menyelamatkan mereka (naik) ke darat, mereka berlaku syirik kepada-Nya.*** [al-Ankabut 29:65]

Ada kemungkinan ketidak telusan itu bukan berpunca dari Ibn Batutah *rahimahullah* (semoga Allah merahmatinya) sendiri. Barangkali telah berlaku penyelewengan terhadap tulisan beliau. Ini mungkin datang dari pnyalin semula tulisan tersebut. Jika diteliti, sebenarnya orang yang menulis buku *Rihlah Ibn Batutah* yang ada di tangan kita sekarang bukanlah Ibn Batutah sendiri. Orang yang menulis buku tersebut ialah Ibn Juzzi al-Kalbi, seorang penulis dari Maghribi yang memberikan pendahuluan yang panjang untuk buku tersebut. Justeru itu pada awal tulisannya, setelah memuji Allah, beliau telah memuji sultannya iaitu Abu 'Inan, pemerintah Fas, Maghribi. Beliau menyifatkan sultannya sebagai "bayangan Allah yang memanjang untuk manusia, tali Allah yang mesti dipegang, mentaatinya adalah digabungkan diri.." sehinggalah beliau menceritakan bagaimana Ibn Batutah bertemu dengan sultan tersebut.

Pada akhir buku tersebut beliau menyebut perkara yang benar-benar menimbulkan keraguan, iaitu "inilah apa yang aku ringkaskan dari coretan al-Syeikh Abi 'Abd Allah Muhammad bin Batutah". Kenyataan ini menunjukkan bahawa buku asal memang ditulis oleh Ibn Batutah. Cuma yang ada di tangan kita ialah ringkasan dan suntingan. Lebih dari itu, ia juga menunjukkan bukan Ibn Batutah yang menceritakan secara langsung kepada Ibn Juzzi, sebaliknya beliau mengambil dari nashkah Ibn Batutah dan meringkas atau menyuntingkannya. Justeru itu tokoh pengkaji manuskrip Dr. Yusuf Zaidan menyatakan: "Bukan

sesuatu yang tepat untuk menyatakan bahawa Ibn Batutah sebagai penulis (buku tersebut).” (lihat: Dr Yusuf Zaidan, *Al-Janib al-Dablumasi fi Rihlatai: Ibn Batutah wa Khair al-Din al-Tunusi*, [www.zeidan.com](http://www.zeidan.com)).

Sama ada Ibn Juzzi al-Kalbi atau Ibn Batutah sendiri, yang pasti buku tersebut banyak memiliki unsur ketidak telusan faktanya. Antara ketidak telusan buku tersebut, dakwaannya terhadap Ibn Taimiyyah *rahimahullah* kononnya:

Ketika aku berada di Damsyik, aku menghadiri Ibn Taimiyyah pada hari Jumaat. Ketika itu dia sedang menasihati dan mengingatkan orang ramai di atas mimbar Masjid Damsyiq. Antara ucapannya: “Sesungguhnya Allah turun ke langit dunia seperti aku turun ini”, dan dia pun turun satu tangga demi satu tangga mimbar.

Banyak pihak yang kurang cermat telah terpengaruh dengan cerita bohong ini. Mereka menjadikannya alasan untuk memfitnah Ibn Taimiyyah kononnya beliau menyamakan Allah dengan dirinya. Sebahagian mereka mewarisi perkara ini tanpa sebarang kajian. Mereka menuduh Ibn Taimiyyah *rahimahullah* sedangkan mereka tidak pernah pun meneliti tulisan-tulisannya yang menjadi khazanah ilmu Islam yang dipakai hampir di seluruh pusat pengajian Islam di dunia sekarang. Mereka menerima tohmahan terhadap seorang tokoh agung hanya semata-mata disebabkan catatan seorang pengembara tanpa sebarang kepastian.

Para ulama yang ikhlas telah bangun menjawab fitnah Ibn Batutah ini.



Antaranya apa yang ditulis Muhammad Bahjah al-Baitar dalam bukunya *Hayat Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah*. Antara jawaban beliau yang panjang lebar itu:

Ibn Batutah sebenarnya tidak mendengar perkara tersebut daripada Ibn Taimiyyah sama sekali. Ia hanyalah satu pembohongan. Buktinya, dalam catatannya, beliau sampai ke Damsyik pada hari Khamis, 19 Ramadhan tahun 726H, sedangkan Ibn Taimiyyah telah dipenjarakan pada awal bulan Sya'ban tahun tersebut, dan terus berada dalam penjara sehingga meninggal pada malam Isnin 20 Zul Qaedah tahun 728H. Bagaimana mungkin Ibn Batutah melihatnya?

Ibn Taimiyyah tidak pernah menjadi khatib Masjid Damsyik, seperti yang didakwa oleh Ibn Batutah. Beliau tidak pernah memberi nasihat atau kuliahnya kepada orang ramai di atas mimbar masjid tersebut. Beliau hanyalah memberikan kuliah pengajiannya di atas kerusi sahaja. Ini seperti yang disebut oleh anak-anak muridnya yang menulis sejarahnya, antara mereka al-Imam al-Zahabi.

Tulisan-tulisan Ibn Taimiyyah juga menafikan hal ini. Antaranya pegangan akidah Ibn Taimiyyah yang dipetik oleh Ibn Nasir al-Din al-Syafi'i dalam *al-Radd al-Wafir*: "Mazhab Salaf, para imam yang empat dan selain mereka ialah *menitsbatkan* (menetapkan sifat Allah) tanpa *tasybih* (menyerupakan dengan sesuatu), mensucikan-Nya tanpa *ta'til* (menghilangkan fungsi sifat). Tidak boleh bagi seseorang meletakkan sesuatu pegangan atau *'ibarah* (huraian atau rangkaian

ucapan) daripada dirinya sendirinya. Bahkan dia hendaklah mengikut dalil, bukan membuat bid' ah".

Di sana ada lagi jawapan-jawapan yang dinyatakan oleh al-Syeikh Muhammad Bahjah al-Baitar, sesiapa yang inginkannya boleh merujuk kepada kitab tersebut.

Demikian juga *muhaqqiq Rihlah Ibn Batutah* sendiri, Dr. 'Ali al-Muntasir. Beliau mengulas kisah tersebut:

Ini semata-mata pembohongan terhadap al-Syeikh Ibn Taimiyyah. Beliau ditangkap di Penjara Damsyik sebulan sebelum ketibaan Ibn Batutah. Sejarawan telah sepakat bahawa dia dikurung di Penjara Damsyik kali yang akhir pada 6 Sya'ban tahun 726H dan tidak keluar melainkan setelah meninggal. Sedang Ibn Batutah menyebut dalam kitabnya dia sampai ke Damsyik pada 9 Ramadhan.

Setelah kita mengetahui hal ini, apakah wajar kita menerima sesuatu cerita yang mentohmah seorang muslim, apatah lagi seorang sarjana muslim hanya semata-mata disebabkan berita yang dipertikaikan. Lupakah kita kepada firman Allah:

***Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang seseorang fasik membawa berita, maka selidikilah, agar kamu tidak menimpakan (hukuman) kepada sesuatu kaum dengan secara jahil, lalu kamu akan menyesal.*** [al-Hujurat 49:6]

Al-Imam Ibn al-Salah *rahimahullah* (w.643H) dalam kitabnya *'Ulum al-Hadith* berkata:

Entah berapa ramai di kalangan ulama yang telah melangkah kaki mereka ke dalam syurga sejak seratus atau dua ratus tahun yang lalu, sedangkan kamu menyebut dan mengumpat mereka.

Apakah boleh kita terima cerita seorang pengembara dengan melupai apa yang disebut oleh tokoh-tokoh agung umat mengenai Ibn Taimiyyah. Mereka memuji dan menyebut keagungan ilmunya. Antaranya:

- **Al-Hafizd al-Zahabi** *rahimahullah* (w.748H), seorang tokoh agung dalam Ilmu Hadith -yang juga merupakan murid Ibn Taimiyyah - menyenaraikan gurunya itu di dalam kitabnya *Tazkirah al-Huffaz* yang dikhaskan untuk para hafiz dalam hadith. Beliau memuji Ibn Taimiyyah dengan pujian yang sangat hebat juga menggelarnya dengan gelaran Syeikh al-Islam, antara lain katanya:

Ibn Taimiyyah: seorang syeikh, imam, al-' allamah (sangat alim), al-hafiz (dalam hadith), seorang yang kritis, mujtahid, penafsir (al-Quran) yang mahir, beliau adalah Syeikh al-Islam....dari lautan ilmu, dari para cendikiawan yang terbilang, dari golongan zuhud yang sukar dicari, dari tokoh-tokoh yang berani dan pemurah lagi mulia, dipuji oleh penyokong dan penentang.

- **Al-Hafizd Ibn Hajar al-`Asqalani** *rahimahullah* (w.852H) dalam kitabnya *Al-Durar al-Kaminah* menceritakan mengenai fitnah yang dikenakan kepada Ibn Taimiyah, sehingga beliau menyebut:

Ibn Taimiyah terus dipenjara sehingga kembali ke rahmat Allah. Kepada Allah juga kembali segala urusan. Dia memerhatikan mereka yang khianat dan apa yang disembunyikan di dalam dada. Hari kematian Ibn Taimiyah itu menjadi bukti, manusia memenuhi jalan menyambut jenazahnya, orang Islam datang dari serata pelusuk. Mereka mengambil keberkatan dengan menghadiri jenazahnya, pada hari yang ditegakkan bukti, mereka semua ingin memegang kerandanya sehingga patah kayunya ..... Ibn Taimiyah imam kepada semua para imam, keberkatan umat, yang sangat alim di kalangan ulama, pewaris para anbiya.

Sehinggalah beliau juga menggelarnya sebagai "Syekh al-Islam".

- **al-Imam Sayuti** *rahimahullah* (w.911H) juga menyenaraikan Ibn Taimiyah dalam senarai para *huffaz hadith* (para hafiz hadith), iaitu dalam kitabnya *Tabaqat al-Huffaz*. al-Imam Sayuti yang bermazhab Syafi'i itu memperkenalkan Ibn Taimiyah seperti berikut:

Ibn Taimiyah, seorang syekh, imam, al-`allamah (sangat alim) hafiz, seorang yang kritis, faqih, mujtahid, seorang penafsir al-Quran yang mahir, Syekh al-Islam, lambang golongan zuhud, sangat sedikit sepertinya

di zaman ini ..... salah seorang tokoh terbilang ..... memberi perhatian dalam bidang hadith, memetik dan menapisnya, pakar dalam ilmu *rija'* (para perawi), *'illal hadith* (kecacatan tersembunyi hadith) juga fiqh hadith, ilmu-ilmu Islam, ilmu kalam dan lain-lain. Dia daripada lautan ilmu, daripada cendikiawan yang terbilang, golongan zuhud dan tokoh-tokoh yang tiada tandingan.

Banyak lagi pujian untuk Ibn Taimiyyah oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam jika ingin dipetik. Apakah patut mereka memujinya jika dia benar-benar mengucapkan seperti apa yang disebutkan oleh Ibn Batutah? Apakah mereka yang merupakan sejarahwan besar tidak sampai kepada mereka kisah yang disebut oleh Ibn Batutah, sedangkan kisah itu berlaku di khalayak ramai? Ini hanyalah senarai dongengan dan khayalan kembara Ibn Batutah semata.

Lihat apa kata para pengkaji Ibn Taimiyyah zaman kini, antaranya Maulana Abu al-Hasan `Ali al-Nadwi dalam bukunya yang ditulis khas mengenai sejarah perjuangan Ibn Taimiyyah sebagai tokoh pemikir dan dakwah yang terbilang, bertajuk "*Al-Hafiz Ahmad bin Taimiyyah*:"

Sesungguhnya al-Imam Ibn Taimiyyah telah bangkit menjawab Syi`ah dalam banyak tempat dalam buku-bukunya. Dia telah benar-benar menunaikan tanggungjawab dengan kuatnya mempertahankan sunnah, aqidah ahli sunnah, al-khulafa al-rasyidin dan para sahabah yang mulia *radhiallahu 'anhum*.

Demikian juga, terdapat banyak tokoh yang mengambil manfaat dari karya Ibn Taimiyyah. Dr Yusuf al-Qaradawi menyebut dalam bukunya *Kaifa Nata`amul ma`a al-Sunnah*:

Al-Imam Ibn Taimiyyah ialah daripada kalangan ulama umat yang aku sayangi, bahkan barangkali dialah yang paling hatiku sayangi di kalangan mereka dan paling dekat kepada pemikiranku.

Saya pernah menyebut dan saya ulangi di sini, bahawa sebenarnya golongan yang ingin supaya orang ramai menghukum Ibn Taimiyah sesat, kufur dan seumpamanya itu sedar, bahawa jika langkah ini berjaya maka sebahagian besar tokoh-tokoh umat dapat dileburkan, dan khazanah umat dapat dihancurkan. Antara murid terbesar Ibn Taimiyyah ialah al-Imam Ibn Kathir *rahimahullah* (w.774H), yang terkenal dengan kitabnya *Tafsir al-Quran al-`Azim* atau dikenali dengan *Tafsir Ibn Kathir*. Bacalah buku *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, karangan al-Syeikh Husain al-Zahabi, dalamnya diceritakan bagaimana Ibn Kathir begitu mencintai gurunya, Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah dan banyak berpegang dengan fatwanya. Kemunculan al-Imam Ibn Kathir, al-Imam al-Zahabi, al-Imam Ibn al-Qayyim (w.757H) dan lain-lain adalah antara sumbangan besar Ibn Taimiyyah dalam bidang kesarjanaan Islam. Musuh-musuh ahli sunnah mengetahui hal ini, lalu mereka berusaha merobohkan khazanah ini.

Al-Nadwi juga menyebut perkara ini dengan katanya:

Ahli bid`ah dan hawa nafsu yang dahulu cuba untuk menonjolkan diri

sebagai bermazhab ahli sunnah, untuk menipu para pemerintah dan hakim (agar menangkap Ibn Taimiyah). Sebaik sahaja berjaya penipuan mereka, maka nampaklah kejahatan mereka pada orang ramai dan mulalah mereka menonjol dan tidak bersembunyi lagi.

Sekali saya katakan Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* telahpun pergi menemui Allah sejak tujuh ratus tahun lalu. Hidupnya dahulu dibaluti dengan perjuangan yang penuh ikhlas. Para ulama hadith dan mereka yang mengenalinya memuji dan menghormatinya, seperti yang telah saya nyatakan dalam tulisan ini, bahkan lebih dari itu. Sesiapa yang menghina dan mencerca Ibn Taimiyyah pada zaman ini, akan berdiri bertanggungjawab di hadapan mahkamah Allah Yang Maha Adil di akhirat. Mereka mesti bertanggungjawab di atas segala perkataan yang dilempar kepada tokoh ulama yang mulia ini, yang menyampaikan ilmu, menulis, berjihad dengan pedang menentang tentera *kuffar* Monggol dan berbagai jasanya yang tidak mampu disukat. Semoga Allah memelihara kita semua dari kegelinciran. Adapun Ibn Batutah, itu adalah urusan dia dengan Allah.

**Jawapan Kepada Astora Jabat Berkenaan Hukum  
Mengucapkan *Merry Christmas*.**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

Sebenarnya tiada nas yang jelas daripada al-Quran dan hadis yang mengharamkan orang Muslim mengucap tahniah dan menghadiri perayaan bukan Muslim. Tetapi orang Muslim yang berfikiran tertutup termasuk yang menjadi ulama mempunyai banyak sebab membolehkan mereka mengharamkan perkara itu.

Salah satu sebabnya seperti disebut *forumner* di atas, iaitu kerana orang Kristian didakwa syirik, maka kita mengucap tahniah kepada orang Kristian dan menghadiri majlis Krismas mereka dianggap menjadi syirik yang dosa lebih besar dari menyuruh orang berzina, minum arak, membuka aurat, main judi, membunuh dan sebagainya.

Dia lupa bahawa Nabi Muhammad s.a.w. memberi penghormatan kepada mayat bukan Muslim, Allah membenarkan orang Muslim makan dan kahwin dengan wanita Ahli Kitab dan sebagainya.



Di atas adalah nukilan daripada kata-kata Astora Jabat dalam ruangan *Bicara Agama, Mingguan Malaysia* pada 26 Disember 2004. Ringkasnya dalam artikel beliau yang berjudul *Ucapan selamat Hari Krismas syirik?*, Astora Jabat berpendapat dibolehkan mengucapkan *Merry Christmas* kepada orang-orang beragama Kristian. Dalilnya adalah, seperti biasa, tidak ada nas yang jelas daripada al-Qur'an dan as-Sunnah yang melarang orang Islam mengucapkan *Merry Christmas* kepada orang Kristian.

Sememangnya sudah tidak asing lagi bagi kita semua bahawa antara bentuk dalil yang masyhur di sisi Astora Jabat dan lain-lain tokoh *Islam Liberal* dalam menegakkan sesuatu fahaman mereka ialah "tidak ada nas yang jelas". Kemudian mereka mencari apa sahaja penguat yang lain untuk mendukung fahaman tersebut. Semua ini seolah-olah Islam adalah satu agama vakum yang boleh dipenuhi oleh apa sahaja yang dikehendaki oleh seseorang.

Sampai-sampai kita boleh umpamakan, berlaku satu kes ragut beg tangan di hadapan orang ramai. Salah seorang daripada orang yang menyaksikan kes tersebut berkata:

"Selamat meragut beg tangan, tahniah!".

Lalu orang ramai menegur: "Kenapa anda mengucapkan tahniah kepada peragut itu?"

Orang itu menjawab: "Tidak ada nas yang jelas daripada al-Qur'an dan as-Sunnah yang melarang kita daripada mengucapkan tahniah kepada seorang

peragut. Adakah kalian lupa bahawa mungkin dia kelaparan dan inginkan wang untuk membeli makanan? Adakah kalian lupa bahawa dia mungkin rindu kepada kawan-kawannya dan ingin menggunakan talifon bimbit dalam beg tangan untuk menalifon mereka?”

Penulis yakin ramai pembaca yang akan menolak perumpamaan di atas. Ini kerana meragut beg tangan adalah perbuatan mencuri yang dilarang dalam Islam. Lebih dari itu kita tidak boleh membenarkan satu perbuatan yang salah dengan memberikan alasan-alasan “tujuan yang baik” di sebaliknya. Akan tetapi inilah yang dilakukan oleh Astora Jabat. Jika benar tidak ada nas jelas yang melarang mengucap *Merry Christmas*, maka demikian juga, tidak ada nas jelas yang melarang mengucapkan tahniah kepada peragut beg tangan. Jika ucapan *Merry Christmas* boleh diperkuatkan dengan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang berbuat baik kepada sebahagian kaum Ahli Kitab, maka demikian juga, amalan mengucapkan tahniah kepada peragut boleh diperkuatkan dengan tujuan baik yang mendorong dia melakukan tindakan sedemikian.

Demikianlah agama Islam menurut Astora Jabat dan lain-lain tokoh *Islam Liberal*, ia adalah ruang vakum yang boleh dipenuhi dengan apa sahaja yang dikehendaki oleh seseorang.

Sebenarnya perbincangan sama ada boleh atau tidak mengucapkan *Merry Christmas* adalah sesuatu yang telah lama dibicarakan kepada para ilmuan Islam. *Insyallah* dalam risalah ini penulis akan cuba mengupasnya secara adil berdasarkan petunjuk al-Qur'an, as-Sunnah dan pemikiran yang sihat. Sebelum

dimulakan, adalah penting untuk kita terlebih dahulu memahami apa dan kenapa masyarakat Kristian menyambut Hari Natal (*Christmas Day*).

*Christmas Day* menurut orang Kristian adalah sambutan hari ulangtahun kelahiran anak Allah di mukabumi, iaitu Jesus. Tumpuan tidaklah diberatkan kepada tarikh 25 Disember tetapi pada diri Jesus itu sendiri yang telah dikorbankan oleh Allah demi menghapuskan dosa-dosa manusia. Pengorbanan sebesar ini tidak patut dilupakan begitu sahaja, maka ia diingati dengan sambutan *Christmas Day*.

Apabila penulis menaip "*Why do we celebrate Christmas*" di enjin carian internet [www.google.com](http://www.google.com), hasil penemuan pertama yang dikemukakan menyebut:

Why do we celebrate Christmas? It is Jesus' birthday! His mommy was Mary and His earthy Father was Joseph. **His real Father is God** and Jesus was God's gift to all of us!

Christmas is the celebration of the birth of Jesus. Christians decided to celebrate this day many years after He was born. December 25 was picked as this day, **even though it probably is not the exact day He was born**. That is not as important as the reason we celebrate Christmas. Jesus is the reason for the season. The season is not just to receive gifts, get time off from school or eat a lot of good stuff. Remember that Jesus was born for us...to take away our

sins...so that we can be forgiven of the bad things we do forever. This is the greatest gift of all! [www.godschildrenscorner.com]

Jelas Christmas Day adalah sambutan bersempena dua perkara, pertama: Jesus sebagai anak Allah dan kedua: pengorbanan Jesus oleh Allah sendiri demi menghapuskan dosa-dosa manusia. Adalah memadai dalam artikel ini kita memberi tumpuan kepada yang pertama sahaja, iaitu Jesus sebagai anak Allah.

Apakah pandangan Islam tentang dakwaan Allah memiliki anak? Jawapannya boleh diperolehi secara jelas daripada al-Qur'an.

**Pertama**, Allah adalah Tuhan yang bebas daripada diperanakkan atau memiliki anak. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Katakanlah: "(Tuhanku) ialah Allah Yang Satu, Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, Allah tidak beranak dan tidak diperanakkan, Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya".*** [al-Ikhlâs 112:1-4]

**Kedua**, mengatakan Allah memiliki anak adalah satu kesalahan yang amat berat:

***Dan mereka berkata: "(Allah) Ar-Rahman, mempunyai anak."***

***Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya! Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah serta***

***gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak. Padahal tiadalah layak bagi (Allah) Ar-Rahman, bahawa Dia mempunyai anak.***  
[Maryam 19:88-92]

**Ketiga**, dakwaan Allah memiliki anak adalah sebahagian daripada kepercayaan *Trinity* yang dipegang oleh orang-orang Kristian. Kepercayaan *Trinity* bermaksud Allah adalah tiga sekalipun satu, iaitu (1) The Father, (2) The Son and (3) The Holy Spirit. Ini adalah satu kesalahan yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an sejak lebih 1400 tahun yang lalu:

***Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.***

***Sesungguhnya al-Masih Isa ibni Maryam (Jesus) hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam dan (merupakan tiupan) roh daripada-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga (Trinity)".***

***Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian) supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhlukNya).*** [an-Nisa' 4:171]

**Keempat**, apabila orang-orang Kristian enggan berhenti daripada kepercayaan *Trinity* mereka sebagaimana yang dilarang oleh ayat 171 surah an-Nisa' di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menghukum mereka kafir:

***Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan." Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*** [al-Maidah 5:73]

Ayat-ayat al-Qur'an di atas tidaklah bersifat samar-samar dalam menyatakan kesalahan mendakwa Allah memiliki anak. Pengkhususan diberikan kepada kepercayaan agama Kristian yang mendakwa Jesus adalah anak Allah. Jesus sebagai anak Allah adalah salah satu unsur *Trinity*. Berpegang kepada kepercayaan sebegini adalah satu kekafiran yang tidak diragukan lagi.

*Alhamdulillah* umat Islam bebas daripada kepercayaan Allah memiliki anak dan *Trinity*. Akan tetapi umat Islam tidak sahaja dituntut untuk menjauhi kepercayaan sedemikian tetapi juga dilarang daripada membantu atau menyokongnya. Ini kerana di dalam Islam, apabila sesuatu perkara itu adalah salah maka kita bukan sahaja dituntut untuk menjauhi kesalahan tersebut tetapi juga dilarang daripada membantu dan menyokong kesalahan itu. Allah 'Azza wa Jalla berfirman:

***Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat***

***kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.*** [al-Maidah 5:02]

Termasuk dalam keumuman perintah "***...bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan...***" ialah membetulkan kepercayaan orang-orang Kristian. Hal ini kita lakukan bukan dengan menzalimi mereka tetapi dengan dakwah dan dialog dengan cara yang terbaik, yakni dengan ilmu dan hikmah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, melainkan kepada orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka. Dan katakanlah (kepada mereka yang zalim): "Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu. Dan kepada-Nyalah kami patuh dengan berserah diri."*** [al-Ankabut 29:46]

Termasuk dalam keumuman perintah "***...janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa...***" ialah jangan kita membantu dan menyokong kepercayaan orang-orang Kristian. Di antaranya ialah jangan diucapkan: "Merry Christmas" kerana dengan ucapan ini atau apa-apa yang seumpama, kita mengiktiraf kepercayaan mereka dan memberi ucapan tahniah untuk mereka meneruskan kepercayaan tersebut. Ini dilarang dan amat bertentangan dengan apa yang sebenarnya dituntut ke atas kita.

Adapun tindakan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menghormati

dan berbuat baik kepada sebahagian kaum Ahli Kitab, yakni orang-orang Yahudi dan Nasrani, ia adalah tindakan yang menafsirkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.*** [al-Mumtahanah 60:08]

Akan tetapi menghormati dan berbuat baik kepada orang bukan Islam, dalam kes ini orang-orang Kristian, tidaklah sampai ke tahap membenarkan dan membantu kepercayaan mereka yang syirik kepada Allah. Sebagai contoh, apabila memerintahkan anak-anak berbuat baik kepada ibubapa, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan jika mereka berdua (ibubapa) mendesak kamu supaya mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik.*** [Luqman 31:15]

Jelas bahawa berbuat baik tersebut adalah dengan syarat ia tidak melibatkan apa-apa yang bersifat syirik kepada Allah. Jika melibatkan syirik maka tidak ada ketaatan. Namun sekalipun dalam suasana syirik tersebut, anak-anak tetap dituntut bergaul dengan ibubapa mereka dengan cara yang baik.



Justeru kita memang dituntut berbuat baik kepada orang-orang bukan Islam. Akan tetapi tuntutan ini tidaklah ke tahap kita melakukan syirik kepada Allah atau kita mengiktiraf dan membantu orang bukan Islam melakukan syirik kepada Allah. Hal ini perlu dibezakan dengan baik. Perhatikan bahawa sekalipun Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menghormati dan berbuat baik kepada sebahagian kaum Ahli Kitab, baginda tidak sekali-kali memberi ucapan tahniah dan menyertai perayaan keagamaan mereka.

Timbul persoalan seterusnya, bagaimana seharusnya sikap kita kepada majikan, guru, rakan-rakan, jiran-jiran dan ahli keluarga kita yang menyambut Christmas Day? Untuk menjawab persoalan ini, penulis ingin mengajak para pembaca sekalian melakukan satu anjakan paradigma. Sedar atau tidak, kita umat Islam apabila menghadapi sesuatu persoalan seringkali akan cuba mengubahsuai agama Islam supaya selari dengan persoalan tersebut. Kenapa tidak dilakukan yang sebaliknya, iaitu mengubahsuai persoalan supaya selari dengan agama Islam? Sudah sampai masanya Islam dan umatnya menjadi pemimpin, bukan asyik dipimpin.

Dalam kes ini, sikap kita terhadap orang-orang Kristian yang berkaitan ialah menerangkan kepada mereka bahawa kita menghormati kepercayaan yang mereka pilih. Akan tetapi tidaklah bererti kita mengiktiraf dan menyertai perayaan keagamaan mereka kerana ia bertentangan dengan prinsip agama kita sendiri. Melalui penerangan yang berhikmah dan ilmiah, pasti mudah untuk orang-orang Kristian menerimanya. Malah mungkin ia dapat membuka ruang

dakwah untuk kita membetulkan kepercayaan *Trinity* yang mereka pegangi.

Sudah tentu bahawa penjelasan dalam dua perenggan terakhir di atas adalah berdasarkan kemampuan setiap individu. Jika seseorang tersepit dalam suasana yang menekan, maka dibolehkan baginya mengucapkan *Merry Christmas* sebagai pilihan yang terakhir. Allah sebagai tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Pengampun mengetahui apabila seseorang hambanya terpaksa melakukan satu perkara yang tidak diingini.

Perkara lain yang perlu digariskan adalah, tidak mengucapkan *Merry Christmas* tidak bererti akan menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat Malaysia. Ini kerana perpaduan rakyat bukan bererti persatuan agama tetapi saling menghormati ajaran agama masing-masing.<sup>139</sup> Menghormati ajaran agama masing-masing bukanlah bermaksud kita umat Islam perlu mengalah kepada orang Kristian dengan mengucapkan *Merry Christmas* kepada mereka, tetapi dengan orang Kristian sendiri yang mengalah kepada umat Islam dengan menghormati kenapa ajaran Islam melarang umatnya daripada mengucapkan *Merry Christmas*.

---

<sup>139</sup> Perlu dibezakan bahawa “menghormati ajaran agama masing-masing” tidaklah bererti kita boleh menjadikan umat beragama lain sebagai *Wali*. Kedua, ia tidak bererti kita boleh meninggalkan kewajipan untuk berdakwah kepada mereka. Lebih lanjut rujuk risalah penulis: *Kerukunan Antara Agama, Bukan Kesamaan Antara Agama* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah – Buku 2* (Jahabersa, Johor Bahru 2005).

## **Tuhan Islam Kejam?**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

“Tuhan Islam kejam!” komen salah seorang kenalan saya.

“Kenapa anda beranggapan demikian?” saya bertanya, kehairanan.

“Bukankah semua kesalahan kecil atau besar, sedikit atau banyak, akan dihukum dosa dan diazab di dalam neraka?”

“Oooh begitu, teruskan...”

“Setelah itu mereka akan kekal di dalam neraka kerana di dalam al-Qur’an disebut bahawa semua penghuni neraka akan kekal di dalamnya, tidak ada yang keluar daripadanya.”

“Itu hanyalah pada pandangan anda” komen saya secara ringkas, cuba untuk membetulkan salah fahamnya.

“Bukan pandangan saya tetapi pandangan al-Qur’an dan inilah yang diajar kepada saya tentang Islam sejak dari kecil. Pandangan Bible jauh berbeza dengan pandangan al-Qur’an. Di dalam Bible, Tuhan adalah Maha Pengampun dan Pengasih. Siapa sahaja yang percaya kepada Jesus akan memperoleh keselamatan dan kehidupan yang abadi, yakni mereka akan dimasukkan ke dalam syurga sekalipun di dunia pernah melakukan pelbagai kesalahan.”

"Adakah atas sebab ini anda meninggalkan Islam dan memilih agama Kristian?"

"Ada beberapa sebab lain tetapi inilah antara yang utama." Demikian pengakuan kenalan saya yang telah memeluk agama Kristian sejak lebih kurang setahun.

### **Adakah Ini Kes Terpencil?**

Salah faham di atas bukanlah kes terpencil bagi kenalan saya sahaja tetapi boleh dikatakan meluas di kalangan kebanyakan orang Islam. Sememangnya dari kecil kita diperkenalkan kepada Allah sebagai tuhan yang menghukum dan mengazab. Bukan itu sahaja, kita sering digeruni dengan perkataan "dosa" dan "neraka" terhadap apa sahaja perintah larangan agama.

Perkara ini masih berlaku sehingga kini. Anak saya sendiri yang baru di darjah satu tidak mengenal Allah dan Islam melainkan dosa dan neraka. Pernah sekali gurunya mengajar bahawa "Sesiapa yang menghafal nama-nama Allah akan masuk syurga, sesiapa yang tidak akan masuk neraka." Pucat muka anak saya sekembalinya dari sekolah. Bukan sekadar itu sahaja, hampir semua ajaran agama dikaitkan dengan dosa dan neraka... "Siapa tak tahu baca al-Qur'an masuk neraka" , "Siapa malas sembahyang masuk neraka" , "Siapa sembahyang cincai berdosa" , "Siapa tak puasa hari ini masuk neraka" , "Siapa buat jahat masuk neraka" dan begitulah seterusnya.

Guru-guru yang mengajar agama menganggap demikian adalah konsep yang efektif untuk memastikan anak murid mereka mempraktikkan perintah larangan agama. Ini bukanlah salah mereka kerana guru-guru mereka sendiri sebelum itu, generasi demi generasi, telah mengajar agama dengan konsep "menggerunkan anak murid" mereka. Konsep ini pada zahirnya mungkin efektif tetapi pada hakikat ia hanyalah cara mudah untuk memaksa anak murid mempraktikkan agama. Anak-anak murid ini sepanjang hayat akan mempraktikkan perintah larangan agama tanpa apa-apa kefahaman dan penghayatan, kecuali sebahagian daripada mereka yang terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama adalah mereka yang mengambil inisiatif sendiri untuk mengkaji agama sehingga akhirnya mereka dapat memahami dan menghayati agama secara benar. Kedua adalah mereka yang menjadi mangsa kepada strategi dakwah Kristian yang memanfaatkan kelemahan konsep "Tuhan Islam Maha Penghukum dan Pengazab" dengan konsep mereka "Tuhan Kristian Maha Pengampun dan Pengasih."

### **Pengenalan Kepada Tuhan Islam Yang Sebenar.**

Allah, tuhan Islam, bukanlah tuhan yang suka menghukum dan mengazab sewenang-wenangnya. Jika kita meluangkan sedikit masa untuk berkenalan dengan Allah, kita akan sedari bahawa Dia adalah tuhan yang Maha Pemurah (*al-Rahmah*) lagi Maha Mengasihani (*al-Rahim*). Sifat ini bukan sesuatu yang asing bagi umat Islam. Setiap hari paling kurang kita membaca surah al-Fatiha

sebanyak 17 kali. Kita mulakannya dengan:

***Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.***

[al-Fatiha 1:01]

Kemudian kita ulangi semula dalam ayat ketiga:

***Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*** [al-Fatiha 1:03]

Apa yang kita baca ini sebenarnya telah memberi pengenalan kepada dua sifat Tuhan Islam. Allah, tuhan Islam, adalah tuhan yang Maha Pemurah (*al-Rahman*) lagi Maha Mengasihani (*al-Rahim*). Kedua-dua sifat ini Allah tekankan di dalam al-Qur'an dengan firman-Nya:

***Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami itu datang kepadamu maka katakanlah: "Mudah-mudahan kamu beroleh selamat! Tuhan kamu telah menetapkan bagi diri-Nya (sifat) al-Rahman (untuk memberi rahmat yang melimpah-limpah); bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya, kemudian dia bertaubat sesudah itu, dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun (al-Ghaffar) lagi Maha Mengasihani (al-Rahim).*** [al-An'aam 6:54]

***Khabarkanlah kepada hamba-hambaKu bahawa Akulah Yang Maha Pengampun (al-Ghaffar) lagi Maha Mengasihani (al-Rahim).*** [al-Hijr 15:49]

Empat ayat di atas adalah sebahagian kecil daripada puluhan lain yang

menerangkan sifat Maha Pemurah dan Maha Pengasih Allah. Bukan sahaja sekadar itu, dua ayat terakhir juga menerangkan sifat Allah yang Maha Pengampun yang disebut bersama sifat-Nya yang Maha Pengasih. Dalam ertikata lain, dengan sifat-Nya yang Maha Pengasih, Allah sentiasa mengampunkan kesalahan hamba-hamba-Nya.

### **Allah Mengazab Sewenang-wenangnya?**

Terdapat beberapa ayat yang sering disalahfahami, bahawa kononnya Allah menghukum dan mengazab sewenang-wenangnya sehingga memberi gambaran kepada sebahagian kita bahawa tuhan Islam bersikap zalim. Salah satu daripadanya adalah:

***Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Ia mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan dia menyeksa (mengazab) sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*** [‘Ali Imran 3:129] Selain itu rujuk juga al-Baqarah 2:284, al-Maidah 5:18 dan 40, al-Ankabut 29:21 dan al-Fath 48:14.

Ayat di atas dan yang seumpama sebenarnya berperanan menerangkan kekuasaan Allah yang mutlak dalam mengampuni atau mengazab para hamba-Nya. Akan tetapi kekuasaan Allah ini tidaklah bermakna Dia melakukannya secara sewenang-wenangnya tetapi Dia melakukannya berdasarkan sifat-sifat-Nya.

Antara sifat tersebut adalah *al-Rahman*, *al-Rahim* dan *al-Ghaffar* yang telah kita kenali di permulaan tadi. Selain itu Allah juga memiliki sifat Maha Mengetahui dan Maha Adil sehingga Dia tahu hamba mana yang berbuat kebajikan untuk diberi ganjaran yang berlipat ganda dan yang berbuat kesalahan untuk diberi azab. Atas sifat-sifat ini juga Allah tidak akan menganiaya atau menzalimi hamba-Nya dengan memberi ganjaran kepada yang membuat kesalahan dan memberi azab kepada yang membuat kebajikan. Firman Allah:

***Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaulah (amal yang seberat debu) itu amal kebajikan, nescaya Allah akan menggandakannya dan akan memberi dari sisi-Nya pahala yang amat besar.*** [al-Nisaa' 4:40]

***Sesungguhnya Allah tidak menganiaya manusia sedikitpun, akan tetapi manusia jualah yang menganiaya diri mereka sendiri.*** [Yunus 10:44]

Bukanlah satu sifat yang Pengasih dan Adil jika ganjaran pahala dan syurga diberikan kepada semua individu tanpa membezakan antara yang berbuat kebajikan dan kesalahan. Konsep yang cuba ditonjolkan oleh para da'i Kristian sebenarnya memberi pengertian bahawa tuhan mereka memiliki sifat Zalim sehingga menyamakan taraf antara orang yang berbuat kebajikan dan kesalahan. Malah konsep ini juga akan menyebabkan orang jahat dengan sewenang-wenangnya menzalimi orang yang baik. Ini kerana bagi orang yang jahat, berbuat baik atau salah adalah tetap sama di mana mereka tetap akan memiliki kehidupan yang abadi dan dimasukkan ke dalam syurga. Justeru bagaimana



mungkin dikatakan tuhan Kristian adalah Pengasih jika Dia membiarkan orang yang baik terbuka kepada kezaliman orang yang jahat? Semua ini tidak lain adalah helah para da'i Kristian untuk menarik orang ramai ke arah agama mereka.

Yang benar adalah konsep tuhan Islam di mana orang yang berbuat kebajikan akan diberi ganjaran pahala dan syurga manakala orang yang berbuat kesalahan akan diberi azab. Akan tetapi tuhan Islam, yakni Allah, tidak akan mengazab seseorang melainkan diperhatikan-Nya terlebih dahulu beberapa perkara. Perkara-perkara tersebut adalah:

**Allah Tidak Mengazab Hamba Yang Tidak Sampai Kebenaran KepadaNya.**

Berdasarkan sifat-Nya yang *al-Rahman* dan *al-Rahim*, Allah tidak mengazab orang yang tidak sampai kepada mereka pengetahuan tentang kebenaran. Yakni pengetahuan tentang Islam dan perintah larangannya. Firman Allah:

***Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapa pun sebelum Kami memutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).*** [al-Isra' 17:15]

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa Dia tidak akan mengazab sesiapa jua selagi mana Dia tidak mengutus seorang Rasul kepada mereka. Oleh itu mana-mana individu atau kaum yang tidak sampai kepada mereka seorang

Rasul yang menerangkan tentang Islam dan perintah larangannya, maka mereka tidak akan dihukum atau diazab oleh Allah. Demikian juga seterusnya selepas kewafatan Nabi Muhammad, mana-mana individu atau kaum yang tidak sampai kepada mereka pengetahuan yang menerangkan tentang Islam dan perintah larangannya, maka mereka tidak akan dihukum atau diazab oleh Allah.

Sebagai contoh sehingga masa kini masih ada orang yang tinggal di pedalaman benua Afrika, Amerika Selatan, Rusia, kawasan Artik dan lain-lain yang tidak pernah sampai kepada pengetahuan mereka tentang Islam, apatah lagi tentang perintah larangannya. Tidak ketinggalan ialah sebahagian Orang Asli di Malaysia. Kepada orang seperti ini Allah tidak akan mengazab mereka. Termasuk dalam cakupan ayat di atas adalah umat Islam minoriti yang hidup di negara bukan Islam seperti di Amerika Utara, Australia dan Eropah. Telah sampai kepada mereka tentang Islam lalu mereka memeluknya. Akan tetapi terdapat sebahagian daripada ilmu dan perintah larangan Islam yang belum sampai kepada pengetahuan mereka sehingga adakalanya mereka melanggar hukum tersebut. Maka Allah tidak akan mengazab perbuatan mereka kerana belum sampai kepada mereka ilmu tentang hukum yang sebenar.

Oleh itu hukuman atau azab Allah hanyalah kepada orang yang telah sampai kepada mereka pengetahuan tentang kebenaran, lalu mereka menolak dan mendustakannya. Firman Allah:

***Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat***

**kembali. Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka mendengar suara jeritannya meraung-raung, sedang ia menggelegak. Hampir-hampir ia pecah berkecai-kecai kerana kuat marahnya. Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar (dari orang kafir), bertanyalah penjaga-penjaga neraka itu kepada mereka: "Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (di dunia dahulu)?"**

**Mereka menjawab: "Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran, lalu kami dustakan serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatupun, kamu (wahai orang yang mendakwa menjadi Rasul) hanyalah berada dalam kesesatan yang besar!"** [al-Mulk 67:6-9]

#### **Allah Tidak Mengazab Hamba-Nya Yang Keliru.**

Dengan sifat-Nya yang *al-Rahman* dan *al-Rahim*, Allah bukan sahaja tidak mengazab orang yang tidak sampai kepada mereka kebenaran, bahkan Allah juga tidak mengazab orang yang terkeliru atau salah faham dalam menerima kebenaran. Firman Allah:

***Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.*** [Ibrahim 14:04]

***Dan Allah tidak sekali-kali menjadikan sesuatu kaum itu sesat sesudah Dia memberi hidayah petunjuk kepada mereka, sebelum Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka wajib memelihara dan melindungi diri daripadanya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. [al-Taubah 9:115]***

Dalam ayat-ayat di atas jelas bahawa Allah tidak mengazab sesiapa atau menghukumnya sesat sehinggalah sampai kepada dia pengetahuan tentang Islam dan perintah larangannya secara jelas dan terang dalam bahasa yang dia fahami. Daripada ayat-ayat di atas juga dapat kita fahami bahawa Allah tidak akan mengazab orang-orang seperti berikut:

1. Orang yang sampai kepada mereka pengetahuan tentang Islam tetapi dengan cara yang negatif sehingga menyebabkan dia menjauhinya. Penyampaian tentang Islam dengan cara yang negatif lazimnya dilakukan oleh media antarabangsa dan tempatan. Tidak mereka laporkan apa-apa tentang Islam melainkan keganasan, kezaliman dan kemunduran.

2. Orang yang sampai kepada mereka pengetahuan tentang Islam tetapi dengan cara yang menakutkan sehingga dia keberatan menerimanya. Penyampaian tentang Islam dengan cara yang menakutkan lazimnya dilakukan oleh umat Islam sendiri. Mereka mendakwahkan Islam bukan dengan memberi tumpuan ke arah menyembah Allah, Tuhan yang satu (tauhid) tetapi dengan memberi tumpuan kepada perintah larangan semata-mata (hukum hakam) seperti haram minum arak, haram makan daging tidak halal, haram dedah aurat,

wajib potong kemaluan (bersunat), wajib sembahyang lima kali sehari, wajib puasa sebulan dan sebagainya.

Kesemua di atas memang merupakan sebahagian daripada syari'at Islam akan tetapi jika ia disampaikan tanpa bertahap-tahap ataupun tanpa dijelaskan hikmahnya, ia akan menjadi berat bagi orang yang baru hendak berkenalan dengan Islam. Selain itu kita di Malaysia menambah beberapa lagi kesusahan kepada orang yang hendak memeluk Islam seperti wajib tukar nama sendiri dan nama ayah, wajib ucap syahadah dalam bahasa Arab dan wajib mengamalkan semua perintah larangan secara serta merta. Jika tidak dilakukan semua ini, kita pantas menghukum mereka berdosa dan akan masuk neraka. Tidak ketinggalan, kita juga mengikat kesamaan antara Islam dan Melayu, sehingga mana-mana bangsa bukan Melayu yang memeluk Islam perlu menukar kebudayaan mereka kepada budaya Melayu.

Cara kita mendakwahkan Islam sebagaimana di atas menyebabkan orang bukan Islam merasa berat untuk menerimanya. Kita memberi gambaran yang tidak jelas kepada mereka, bahawa kononnya Islam adalah agama yang dipenuhi dengan pensyaratan dan pantang larang. Di sini kesalahannya tidak terletak kepada orang bukan Islam tetapi kepada orang Islam sendiri kerana Allah telah memerintah kepada kita:

***Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.*** [al-Nahl 16:125]

3. Orang yang sudah beragama Islam akan tetapi pengetahuannya tentang Islam bercampur aduk antara kebenaran dan penyelewengan. Penyelewengan ini bersumber sama ada daripada orang bukan Islam seperti para orientalis atau daripada orang Islam sendiri seperti penulis-penulis moden yang beraliran *Islam Liberal*.

Sebagai contoh, sebahagian pelajar Islam daripada Malaysia yang pergi menuntut di negara Barat telah terpengaruh dengan karya-karya orientalis yang melemahkan kedudukan ilmu hadis di dalam Islam. Akhirnya para pelajar ini, yang sememangnya tidak memiliki apa-apa pengetahuan tentang ilmu hadis, terpengaruh dan cenderung kepada aliran Anti Hadis. Dalam kes ini Allah tidak akan mengazab mereka kerana mereka tidak didedahkan kepada ilmu hadis secara jelas dan terang, apatah lagi untuk menjawab penyelewengan-penyelewengan karya para orientalis. Beban kesalahan tidak terletak pada bahu para pelajar ini tetapi pada bahu para ilmuan Islam yang lalai daripada kewajipan menyampaikan ilmu hadis yang sebenar secara jelas kepada mereka.

Contoh kedua ialah hukum menutup aurat bagi para muslimah. Akhir-akhir ini para penulis moden rancak menyebarkan fahaman mereka dalam media tempatan bahawa memakai tudung bagi menutup kepala dan rambut sehinggalah ke dada bukan kewajipan Islam tetapi budaya Arab yang ditiru semata-mata. Natijahnya sebahagian muslimah ada yang menjadi ragu, ada yang terus membuka tudung dan ada yang merancang untuk memakai tudung "satu hari nanti" terus tak jadi pakai. Dalam kes ini juga, Allah tidak akan mengazab

muslimah tersebut kerana sememangnya sejak awal mereka tidak didedahkan secara jelas dan terang dalil-dalil kewajipan bertudung (menutup aurat) dan hikmahnya. Yang ada hanyalah paksaan turun temurun. Beban kesalahan sekali lagi terletak di bahu para ilmuan Islam yang leka daripada kewajipan menyampaikan ilmu yang benar kepada para muslimah ini.

Khas dalam kategori ketiga ini, tercatat di dalam kitab-kitab peninggalan para ilmuan Islam terdahulu, semoga Allah merahmati mereka semua, bahawa orang Islam yang duduk di dalam negara yang majoritinya beragama Islam tidak diberi keuzuran untuk tidak mengetahui atau terkeliru dalam ilmu-ilmu yang melibatkan asas-asas agama Islam. Perkara ini memang benar akan tetapi ia tidak tepat untuk diaplikasi ke atas umat Islam Malaysia pada masa kini. Ini kerana pada masa kini ilmu-ilmu Islam tidak diajar secara benar melainkan sekadar hafalan poin-poin penting semata-mata untuk lulus peperiksaan dan temuduga perkahwinan. Dari sudut pelaksanaan pula, ia tidak lain adalah ikutan turun temurun tanpa diketahui dalil-dalil perintah larangan, jauh sekali daripada hikmah ia disyariatkan. Oleh itu majoriti umat Islam Malaysia masa kini tidak tahu apa itu Islam dan kenapa mereka beragama Islam, kecuali sebahagian yang benar-benar berusaha untuk mengkaji Islam secara sendiri.

Pada waktu yang sama para orientalis dan penulis beraliran moden aktif menyebarkan fahaman yang menyeleweng supaya dapat menarik umat Islam kepada agama yang selari dengan nilai-nilai Barat. Lazimnya para orientalis dan penulis ini menyampaikan mesej mereka dengan cara yang amat baik sehingga

dapat memberi keyakinan kepada orang yang membacanya. Ini diperhebatkan lagi oleh peranan media tempatan, khasnya akhbar-akhbar perdana yang turut menyokong pemikiran mereka.

Atas faktor-faktor ini, apa yang sebenarnya menjadi ilmu yang asas tentang Islam menjadi sesuatu yang asing. Apa yang dahulunya menjadi ilmu yang "sepatutnya diketahui ramai" menjadi sesuatu yang "janggal lagi tidak pernah diketahui". Oleh itu sekalipun umat Islam kini hidup di negara yang majoritinya beragama Islam, mereka tetap diberi keuzuran seandainya mereka jahil atau keliru dalam sesuatu ilmu yang merupakan asas Islam.

Kesimpulannya, azab Allah hanyalah kepada orang yang telah sampai kepada mereka pengetahuan secara jelas tanpa sebarang kekeliruan atau kesamaran di dalamnya, lalu mereka menolaknya. Firman Allah:

***Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*** [al-Nisaa' 4:115]

Dalam penjelasan-penjelasan di atas, kita berbicara tentang orang yang tidak tahu atau terkeliru. Bagaimana pula dengan orang yang sudah tahu dan jelas kepadanya apa yang salah dan betul lalu tetap berbuat salah? Ikutilah



penjelasan seterusnya.

### **Allah Tidak Mengazab Orang Yang Tidak Sengaja Berbuat Salah.**

Allah sebagai Tuhan yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) dan Maha Mengasihani (*al-Rahim*) tidak akan mengazab seseorang yang secara tidak sengaja melanggar perintah larangan-Nya, sekalipun orang tersebut telah mengetahui secara benar lagi jelas hukum-hakam agama. Firman Allah:

***Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu untuk melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* [al-Ahzab 33:05]**

Contoh kesilapan yang tidak disengajakan ialah orang yang tertinggal sembahyang subuh kerana tertidur, orang yang minum air ketika puasa Ramadhan kerana terlupa, orang yang membayar zakat tahunannya kurang daripada kadar sepatutnya kerana tersilap kiraan, orang yang tersebut perkataan yang kasar kerana dipengaruhi perasaan marah pada saat itu dan sebagainya.

### **Allah Tidak Mengazab Orang Yang Tidak Mampu Mengelak Kesalahan.**

Sebagai tuhan yang mencipta manusia, Allah Maha Mengetahui akan kemampuan makhluk ciptaannya yang berbeza-beza. Oleh itu Allah telah

146

berfirman:

**Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.** [al-Baqarah 2:286]

Kerana itu Allah telah berfirman:

**Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.** [al-Taghabun 64:16]

Malah sebahagian daripada doa yang diajar oleh Allah kepada kita adalah:

**"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami."** [al-Baqarah 2:286]

Dalam konteks pengetahuan berkenaan Islam dan ilmu tentang perintah larangannya, kemampuan seseorang diukur dari tiga sudut:

1. Kecerdasan fikirannya, yakni kepandaian dan ketajaman seseorang dalam mengkaji dan menganalisa tentang Islam dan ilmu-ilmunya sehingga apa yang tidak diketahui menjadi diketahui dan apa yang keliru menjadi jelas bagi dirinya. Ada orang yang memiliki kecerdasan yang tinggi sehingga dia mampu

mengkaji dan menganalisa dengan sendiri sementara ada orang yang memiliki kecerdasan yang rendah sehingga sekalipun diajar berulang kali, dia masih tidak dapat menangkapnya.

2. Kemudahan memperoleh sarana-sarana yang membolehkan dia mengkaji dan menganalisa seperti kewujudan guru yang mengajar secara benar dan jelas, lokasi perpustakaan dan sumber kewangan bagi membolehkan dia menyara kos pengajian serta membeli sumber rujukan. Ada orang yang memiliki kemudahan-kemudahan di atas sehingga dapat dia memanfaatkannya sepenuhnya. Manakala ada orang yang tidak memiliki kemudahan di atas. Di tempatnya tidak ada guru yang menyampaikan ilmu agama berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, tidak ada perpustakaan yang memiliki koleksi rujukan ilmiah manakala dia sendiri tidak mampu untuk membeli sumber-sumber ilmiah tersendiri.

3. Kekuatan jatidiri, di mana ada orang yang memiliki jatidiri (keyakinan diri) yang mantap sehingga dia dapat berpegang teguh kepada kebenaran yang jelas baginya sekalipun ia berbeza dengan praktik kebiasaan. Berbeza pula dengan sebahagian lain yang memiliki jatidiri yang rendah sehingga sekalipun telah sampai kebenaran kepadanya dengan jelas, dia merasa serba salah untuk berpegang kepadanya selagi mana ia bukan menjadi praktik orang ramai.

Daripada tiga sudut di atas, jika seseorang itu benar-benar tidak mampu untuk mengetahui kebenaran secara jelas dan berpegang kepadanya, maka Allah,

tuhan yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) lagi Maha Mengasihani (*al-Rahim*) tidak akan mengazabnya. Azab Allah hanyalah kepada orang yang mampu tetapi dia sengaja menzalimi dirinya dengan kesalahan. Sebagai contoh perhatikan ayat berikut:

***Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi."***

***Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.***

***Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah).***

***Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah maafkan mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. [al-Nisaa' 4:97-99]***

Dalam ayat di atas Allah menerangkan tentang sikap segelintir umat Islam yang sengaja enggan berhijrah kerana Islam sehingga membiarkan agama dan diri mereka dianiaya oleh musuh-musuh Islam. Mereka ini akan diazab oleh Allah kecuali sebahagian yang tidak mampu untuk berhijrah kerana kelemahan mereka. Maka "mudah-mudahan" Allah akan memaafkan mereka. Allah menggunakan perkataan "mudah-mudahan" supaya hal ini tidak diambil enteng oleh seseorang itu. Dalam ertikata lain, kemaafan Allah hanya bagi orang yang benar-benar tidak mampu, bukan kepada orang yang malas atau sengaja bersikap remeh.

Sekalipun ayat di atas merujuk kepada peristiwa segelintir umat Islam yang sengaja enggan berhijrah, pengajarannya adalah umum kepada semua suasana. Sebagai contoh, di kalangan umat Islam Malaysia ada yang mendisiplinkan diri dengan puasa sunat sempena bulan Rejab berdasarkan beberapa hadis yang menganjurkannya. Akan tetapi hadis-hadis tersebut tidak ada yang sahih untuk dijadikan rujukan dalam hukum Islam. Justeru yang benar tidak ada puasa sunat sempena bulan Rejab. Maka bagaimanakah hukumnya bagi orang-orang yang berpuasa, adakah mereka dihukum sebagai pengamal bid'ah yang dilarang agama? Untuk menjawab persoalan ini, perlu dibahagikan orang yang berpuasa kepada dua kategori:

1. Orang-orang yang tidak sampai kepada pengetahuan mereka bahawa hadis-hadis tersebut adalah tidak sahih. Di mana sahaja mereka pergi untuk mendengar kuliah agama, para ustaz dan ustazah menganjurkan amalan

puasa sunat sempena bulan Rejab tanpa membezakan sama ada hadis-hadis tersebut adalah sahih atau tidak. Atau dalam kes yang berbeza, orang-orang yang telah sampai kepada mereka tentang kelemahan hadis-hadis tersebut namun mereka tidak dapat memahami apa, kenapa dan bagaimana sesebuah hadis itu dapat dikategorikan sebagai sahih, hasan, dha'if, maudhu' dan sebagainya. Ini kerana ilmu takhrij hadis sememangnya sesuatu yang agak sukar difahami khususnya oleh orang-orang yang sudah lanjut umurnya. Justeru ia menjadi sesuatu yang tidak jelas atau mengelirukan bagi mereka. Dalam kategori ini mereka digolongkan sebagai orang yang tidak mampu mengelak kesalahan. Mereka tidak digelar ahli bid'ah dan tidak akan diazab. Malah kemungkinan besar amalan mereka akan diberi ganjaran oleh Allah selari dengan sifat-Nya yang Maha Adil lagi Maha Mengasihani.

2. Orang-orang yang telah sampai kepada pengetahuan mereka bahawa hadis-hadis tersebut adalah tidak sahih. Mereka memahami kenapa sesebuah hadis itu menjadi sahih atau sebaliknya. Mereka juga sedia mengetahui daripada pelbagai rujukan, sama ada daripada buku atau alam maya (internet) bahawa puasa sunat Rejab tidak memiliki asal usul di dalam agama. Akan tetapi mereka tetap sengaja berdegil untuk mengamalkannya. Dalam kategori ini mereka digolongkan sebagai orang yang mampu mengelak kesalahan namun sengaja ingin bergelombang di dalamnya. Hukuman mereka diserahkan kepada Allah.

Ketidakmampuan seseorang untuk mengetahui dan berpegang kepada

perintah larangan agama tidak terhad kepada contoh di atas sahaja. Individu yang berbeza pasti memiliki kemampuan yang berbeza. Selagi mana seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh, Allah tidak akan mengazab terhadap apa yang tidak mampu dia laksanakan.

### **Allah Tidak Mengazab Orang Yang Terpaksa Membuat Kesalahan.**

Tetap berdasarkan sifat Allah yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) dan Maha Mengasihani (*al-Rahim*), Allah tidak akan mengazab seseorang yang terpaksa melakukan kesalahan. Keterpaksaan yang dimaksudkan di sini ialah dalam suasana darurat. Dalam ilmu usul fiqh, darurat didefinisikan sebagai suasana yang melibatkan keselamatan nyawa atau anggota badan. Dalam suasana darurat, seseorang itu boleh melakukan apa yang pada asalnya dihukum haram. Firman Allah:

***Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*** [al-Baqarah 2:173]

Pengajaran yang dapat diambil dari ayat di atas tidak terhad kepada soal

pemakanan sahaja tetapi umum kepada apa-apa persoalan yang melibatkan keselamatan nyawa dan anggota badan. Contohnya ialah pesakit yang terpaksa mengambil ubat yang diperbuat daripada bahan yang tidak halal. Jika sakit yang dihadapinya benar-benar mengancam nyawa manakala ubat yang diperbuat daripada bahan halal tidak ada, maka atas dasar darurat dia boleh mengambil ubat yang diperbuat daripada bahan yang tidak halal.

Suasana darurat boleh berlaku dalam pelbagai kemungkinan sehinggalah kepada kes yang paling berat, iaitu apabila seseorang itu dipaksa menukar agamanya. Jika hal ini berlaku dalam suasana darurat, maka Allah tidak akan mengazabnya sebagaimana firman-Nya:

***Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman.*** [al-Nahl 16:106]

### **Allah Ampunkan Kesalahan Seseorang Jika Dia Menjauhi Dosa Besar.**

Sehingga kini jelas kepada kita bahawa Allah tidak mengazab orang yang tidak tahu, terkeliru, tidak sengaja, tidak mampu mengelak dan terpaksa melakukan kesalahan. Maka bagaimana jika seseorang itu melakukan kesalahan yang bebas daripada keuzuran di atas?

Kesalahan yang dilakukan oleh seseorang tetap akan dipandang oleh Allah



berdasarkan sifat-sifat-Nya yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) dan Maha Mengasihani (*al-Rahim*). Kerana itu Allah membahagikan kesalahan kepada dua kategori, dosa besar dan dosa kecil. Ini berdalilkan firman Allah:

***Dan 'Kitab-kitab Amal' tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya dan mereka akan berkata: "Aduhai celakanya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang (dosa) kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya!" Dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya); dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorangpun.*** [al-Kahf 18:49]

Dosa besar melibatkan sesuatu yang penting seperti derhaka kepada ibubapa, berzina, menjadi saksi palsu sehingga menzalimi orang lain dan sebagainya. Dosa kecil pula melibatkan hal-hal yang lebih kecil daripada di atas. Atas sifat-Nya yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) dan Maha Mengasihani (*al-Rahim*), Allah mengampunkan dosa-dosa kecil seseorang selagi mana dia berusaha untuk menjauhi dosa-dosa besar. Firman Allah:

***Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).*** [al-Nisa 4:31]

***Dan Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang***

***ada di bumi; (diciptakan semuanya itu) untuk membalas orang-orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan, dan membalas orang-orang yang berbuat baik dengan balasan yang sebaik-baiknya. (Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil (maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya.*** [al-Najm 53:31-32]

Demikian juga, apabila seseorang itu melazimkan dirinya dengan amal-amal kebajikan, ia akan menghapuskan dosa-dosanya yang kecil. Firman Allah:

***Sesungguhnya amal-amal kebajikan menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.*** [Hud 11:114]

Perkara penting yang perlu diperingatkan di sini adalah, sekalipun dosa kecil terampun dengan menjauhi dosa besar, ia tidaklah bererti seseorang itu boleh meremehkan dosa kecil. Bersenang-senang dengan kesalahan yang mengakibatkan dosa kecil akhirnya, secara bertahap-tahap, akan mengarah kepada perbuatan salah yang mengakibatkan dosa besar. Oleh itu kita semua tetap perlu berusaha untuk menjauhi dosa kecil sebagai langkah untuk memelihara diri daripada dosa besar.

### **Allah Ampunkan Dosa Besar Dengan Taubat.**

Sifat Allah yang Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) dan Maha Mengasihani (*al-*

*Rahim*) menyebabkan dia bukan sahaja mengampun dosa-dosa kecil tetapi juga dosa-dosa besar. Semua dosa besar diampunkan oleh Allah asalkan ia bukan syirik. Firman Allah:

***Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar. [al-Nisaa' 4:48]***

Sebesar mana atau sebanyak mana dosa besar seseorang, dia tidak patut berputus asa daripada rahmat dan pengampunan Allah. Firman Allah:

***Katakanlah: "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan dosa besar), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*** [al-Zumar 39:53-54]

Untuk memperoleh keampunan daripada dosa besar, hendaklah seseorang itu bertaubat. Bertaubat bukan sahaja mengampunkan dosa malah ia menukar dosa-dosa tersebut menjadi pahala kebajikan. Ini adalah satu kurniaan agung daripada Allah yang tiada tandingannya. Firman Allah:

***Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan***

***amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*** [al-Fuqran 25:70]

Proses taubat memiliki beberapa langkah yang mudah, iaitu:

**Pertama:** Menyesali Perbuatan Salah.

Langkah pertama untuk bertaubat ialah mengakui bahawa dia telah melanggar perintah larangan Allah. Dengan pengakuan ini dia merasa bersalah dan menyesali pelanggarannya itu. Dalam al-Qur'an Allah menerangkan bagaimana perasaan tiga orang yang ditangguhkan penerimaan taubat mereka sehinggalah mereka merasa bersalah dan menyesali kesalahan mereka. Firman Allah:

***Dan tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepadaNya; kemudian Allah menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.*** [al-Taubah 9:118]

**Kedua:** Memohon Keampunan Kepada Allah.

Taubat bukan sekadar merasa bersalah dan menyesal tetapi segera ingat kepada Allah dan memohon keampunan-Nya. Firman Allah:

***Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).*** [Ali Imran 3:135]

Perbezaan besar antara agama Islam dengan agama lain dalam proses keampunan adalah orang yang bersalah itu memohon ampun secara terus kepada Allah. Dia tidak perlu merasa dirinya amat kotor sehingga tidak layak memohon secara terus kepada Allah melainkan melalui perantara seseorang lain seperti tok wali, tuan syaikh, orang-orang mulia dan sebagainya. Perlu diingat bahawa yang menerima taubat dan yang mengampunkan adalah Allah dan bukan selain-Nya. Firman Allah:

***Dan Dia-lah (Allah) Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan Dia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan.*** [al-Syura 42:25]

Seseorang itu tidak perlu merasa rendah diri, kotor dan hina disebabkan

dosa-dosa yang dilakukannya. Hendaklah dia tetap memohon kepada Allah dan jangan berputus asa daripada rahmat-Nya. Diulangi firman Allah: Katakanlah: "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan dosa besar), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Zumar 39:53-54]

Perhatikan bahawa Allah memanggil orang-orang yang berdosa besar dengan "**Wahai hamba-hamba-Ku...**", menunjukkan betapa rapat dan intim perhatian Allah kepada mereka. Allah tidak memandang mereka kotor atau hina tetapi tetap dengan pandangan yang penuh kasih sayang dan rahmat. Oleh itu janganlah seseorang itu berputus asa daripada rahmat dan pengampunan Allah. Pohonlah ia secara terus kepada Allah, nescaya Allah menerimanya.

**Ketiga:** Berhenti Melakukan Kesalahan.

Orang yang bertaubat juga perlu berhenti daripada melakukan kesalahannya. Perhatikan semula firman Allah dalam ayat 135 surah Ali Imran: ***Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu.....***

Jika orang yang bertaubat kembali melakukan kesalahan, hendaklah dia bertaubat semula. Selepas itu jika dia kembali juga, hendaklah dia bertaubat semula dan begitulah seterusnya sekalipun ia berulang berkali-kali. Yang penting jangan seseorang itu berputus asa daripada bertaubat dan memohon keampunan Allah.

**Keempat:** Beriman dan Beramal Salih.

Seterusnya orang yang bertaubat hendaklah mengukuhkan semula imannya dan melazimkan dirinya dengan amal-amal kebajikan dan bermanfaat, yakni amal soleh. Firman Allah:

***Dan sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian ia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadanya.*** [Ta-Ha 20:82]

Antara hikmah taubat perlu dilengkapi dengan iman dan amal soleh adalah supaya orang yang bertaubat dapat benar-benar menjaga dirinya daripada mengulangi perbuatan salahnya. Tidak diragukan lagi bahawa antara punca seseorang itu cenderung kepada melakukan kesalahan adalah keimanan yang rendah dan lazim membuat perkara yang sia-sia. Semua ini, secara bertahap-tahap, akan menarik seseorang itu kepada melanggar perintah larangan Allah. Maka kerana itu untuk melengkapkan proses taubat, seseorang itu perlu mengukuhkan kembali imannya dan menyibukkan dirinya dengan amal soleh.

**Tuhan Islam Sebenarnya Tidak Kejam.**

Daripada ayat-ayat-Nya di atas, terbukti bahawa Tuhan Islam, yakni Allah adalah tuhan yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, jauh sekali daripada sifat kejam yang disalahfahami oleh sebahagian kita. Daripada ayat-ayat-Nya di atas serta penjelasan yang mengikutinya, dapat kita ringkaskan keampunan dan kasih sayang Allah sebagai:

1. Allah tidak mengazab orang yang tidak sampai kepadanya kebenaran.
2. Allah tidak mengazab orang yang terkeliru dalam menerima kebenaran.
3. Allah tidak mengazab orang yang tidak sengaja berbuat kesalahan.
4. Allah tidak mengazab orang yang tidak mampu mengelak kesalahan.
5. Allah tidak mengazab orang yang terpaksa melakukan kesalahan kerana darurat.
6. Allah tidak mengazab kesalahan orang yang menjauhi dosa-dosa besar.
7. Allah tidak mengazab orang yang bertaubat daripada dosa-dosa besar.

Demikianlah keagungan dan keluasan Keampunan dan Kasih Sayang Allah, Tuhan Islam kepada manusia. Maka timbul soalan seterusnya, siapakah yang akan Allah timpakan azabnya? Mereka yang bakal ditimpa azab terbahagi kepada dua golongan:



**Golongan Pertama:**

Mereka ialah orang-orang kafir, iaitu orang-orang yang telah sampai kepada mereka kebenaran secara jelas untuk mentauhidkan Allah namun mereka tetap menyekutukan-Nya (syirik) kerana sikap zalim dan angkuh. Di sini perlu dibezakan bahawa bukan semua orang bukan Islam adalah orang kafir kerana bukan semua orang bukan Islam terdiri daripada mereka yang telah sampai kepadanya kebenaran secara jelas untuk mentauhidkan Allah. Seseorang itu hanya dinamakan "kafir" apabila telah sampai kebenaran kepadanya secara jelas sehingga dia menyedari kebenaran tersebut, namun dia tetap mengingkarinya. Firman Allah:

***Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan.*** [al-Naml 27:14]

Mereka inilah satu-satunya golongan yang kekal di dalam neraka. Firman Allah:

***Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang angkuh daripada mematuhiNya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk Syurga sehingga unta masuk di lubang jarum dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan.*** [al-A'raaf 7:40]

Bagaimana caranya kita dapat mengenal bahawa seseorang itu telah

menerima kebenaran secara jelas atau tidak, supaya dapat kita membezakannya antara "orang kafir" atau "orang bukan Islam"? Jawabannya adalah, pada asalnya kewajiban kita bukanlah untuk membezakan seseorang itu adalah "orang kafir" atau "orang bukan Islam". Ini kerana kita tidak tahu keadaan sebenar seseorang, sama ada dia telah menerima kebenaran atau tidak, sama ada ia jelas atau keliru, sama ada ia mampu atau sengaja, sama ada dia akan beriman hari ini atau esok. Penentuan iman atau syirik, ganjaran atau azab, syurga atau pahala terpulang kepada Allah semata-mata kerana hanya Allah yang sentiasa Memerhati dan Menyaksi setiap keadaan para hamba-Nya. Allah telah berfirman:

***Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Saabi'en dan orang-orang Nasrani dan orang-orang Majusi serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada Hari Kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.*** [al-Hajj 22:17]

Hanya Allah yang berhak memanggil seseorang kafir, musyrik dan sebagainya sebagaimana yang tercatat di dalam al-Qur'an. Adapun kita umat Islam, kewajiban kita ialah menjadi pendakwah dan bukan penghukum. Al-Qur'an mengajar kita memanggil mereka dengan gelaran "Wahai manusia...." atau "Wahai ahli kitab...." dan bukannya "Wahai orang kafir...." atau "Wahai orang yang dilaknat Allah...." dan sebagainya. Kita bukan sahaja dituntut memanggil mereka dengan gelaran yang baik tetapi juga melayani mereka dengan baik

dalam rangka menyampaikan kebenaran kepada mereka. Perhatikan tunjuk ajar Allah kepada Nabi Musa dan saudaranya Harun cara berdakwah kepada Fir'aun yang sangat dikenali kezalimannya:

***Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, sesungguhnya dia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut.*** [Taha 20: 43-44]

Demikian juga tunjuk ajar Allah kepada Nabi Muhammad terhadap beberapa orang musuh peperangan yang meminta perlindungan kepada umat Islam:

***Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarkan dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).*** [al-Taubah 9:06]

Perhatikan dalam kedua-dua ayat di atas, kita bukan sahaja tidak disuruh melayan mereka dengan buruk tetapi juga tidak disuruh untuk memastikan bahawa orang-orang tersebut menerima Islam serta merta. Yang disuruh adalah supaya mereka mendengar dan beroleh peringatan berkenaan Islam. Di sini dapat kita perolehi satu lagi pengajaran penting bahawa kita tidak boleh memaksa seseorang mentauhidkan Allah dan menerima Islam secara serta

merta. Sekalipun telah disampaikan kepadanya kebenaran secara jelas, kita tetap perlu memberi mereka ruang untuk memikirkannya. Ini kerana manusia lazimnya memiliki sifat keberatan untuk menerima sesuatu yang baru secara serta merta, apatah lagi sesuatu yang baru itu jauh berbeza daripada apa yang mereka fahami sejak awal.

**Golongan Kedua:**

Mereka ialah segelintir orang-orang Islam yang tidak bertaubat daripada dosa-dosa besar sekalipun telah jelas kepada mereka hukum-hakam dan mereka mampu mengelaknya. Allah akan mengazab mereka selari dengan kadar dosa mereka tanpa dizalimi sedikit jua.

Di sini perlu dibetulkan salah faham bahawa kononnya apabila Allah memasukkan seseorang ke dalam neraka, dia akan berada di dalam neraka selama-lamanya. Banyaknya ayat yang menerangkan kekekalan ahli neraka bukanlah bermaksud semua ahli neraka kekal di dalamnya. Akan tetapi ia bermaksud sebagai amaran keras kepada manusia agar berusaha menjauhkan diri daripada azab neraka.

Yang benar-benar kekal di dalam neraka hanyalah satu golongan, iaitu orang yang telah sampai kepadanya kebenaran secara jelas untuk mentauhidkan Allah tetapi dia tetap enggan lalu berterusan menyekutukan-Nya (syirik). Hanya golongan ini yang tetap kekal di dalam neraka. Diulangi ayat 40 surah al-A'raaf:

**Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang angkuh daripada mematuhiNya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk Syurga sehingga unta masuk di lubang jarum dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan.**

Adapun bagi orang-orang Islam, mereka hanya berada di neraka pada kadar dosa-dosa mereka. Setelah itu mereka akan keluar dan di masukkan ke syurga. Dalilnya adalah firman Allah:

**(Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia.**

**Adapun orang-orang yang celaka, maka di dalam nerakalah tempatnya. Bagi mereka di situ, hanyalah suara memekik-mekik dan mendayu-dayu (seperti suara keldai). Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu, Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendakiNya.**

**Adapun orang-orang yang berbahagia, maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu, sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus. [Hud 11:105-108]**

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan berkenaan penghuni neraka dan syurga yang kekal di dalamnya. Akan tetapi bagi kedua-dua penghuni ini ada yang terkecuali daripada sifat kekal tersebut. Mereka itulah orang-orang Islam yang tidak bertaubat daripada dosa-dosa besar mereka, mereka akan memasuki neraka pada kadar dosa mereka lalu kemudian akan dimasukkan ke dalam syurga. Mereka tidak kekal di dalam neraka melainkan sekadar dosa besar mereka dan mereka tidak kekal di dalam syurga melainkan perlu dibersihkan dosa-dosa mereka di dalam neraka terlebih dahulu.

Firman Allah: **"...kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu..."** bukanlah bererti Allah bertindak memasuk dan mengeluarkan seseorang itu daripada syurga dan neraka dengan sewenang-wenangnya, akan tetapi Allah bertindak berdasarkan sifat-sifat-Nya. Berdasarkan sifat-Nya yang Maha Mengetahui, Allah tahu siapa sama ada seseorang itu telah menerima kebenaran atau tidak, sama ada ia jelas atau keliru, sama ada ia mampu atau sengaja dan sebagainya sehingga Dia tidak akan masukkan ke dalam neraka orang yang tidak menerima kebenaran, terkeliru, tidak sengaja, tidak mampu mengelak atau terpaksa melakukan dosa besar. Berdasarkan sifat-Nya yang Maha Adil, Allah tidak akan mengazab melainkan sekadar dosa-dosa besar seseorang. Allah tidak akan menambah atau menggandakannya. Malah berdasarkan sifat-Nya yang Maha Pengampun dan Maha Mengasihani, kemungkinan besar Allah akan memberi syafaat kepada orang yang bersalah tersebut sehingga terampun dosa-dosa besarnya lalu dia terus ke syurga.

Semoga dengan penjelasan di atas, dapat kita kenali siapakah Allah, Tuhan Islam yang sebenar. Kenalilah Allah sebagaimana Dia memperkenalkan Diri-Nya, bukan sebagaimana yang diperkenalkan oleh selain-Nya. Nescaya kita akan dapati Allah adalah tuhan yang Maha Pemurah (*al-Rahman*), Maha Mengasihani (*al-Rahim*), Maha Adil (*al-'Adl*) lagi Maha Pengampun (*al-Ghaffar*) yang tiada tandingannya dengan tuhan-tuhan yang lain.

### **Hukum Kerjaya Yang Memiliki Unsur-Unsur “Tidak Halal”.**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

Antara soalan yang lazim dikemukakan kepada saya daripada para pembaca adalah hukum kerjaya yang memiliki unsur-unsur yang “tidak halal” di dalamnya. Contohnya ialah bekerja di:

1. Syarikat yang menghasilkan barangan-barangan yang tidak halal seperti arak.
2. Syarikat yang tidak membayar zakat perniagaan.
3. Syarikat yang melakukan pelaburan dalam sesuatu yang tidak halal.
4. Syarikat yang berhutang secara riba.
5. Bank atau syarikat insuran konvensional.

Lalu bagaimanakah hukum bekerja di syarikat-syarikat seumpama di atas?

Yang jelas setiap mukmin yang bertaqwa wajib mencari kerjaya yang jelas bersih dan halal sepenuhnya. Akan tetapi realiti masa kini menyukarkan seseorang itu untuk memiliki kerjaya yang bersih 100%. Atas pelbagai faktor yang tidak dapat dielakkan seseorang itu terpaksa mencebur diri dalam sesuatu kerjaya seumpama di atas. Dalam kesempitan seperti ini syari'at Islam ada



memberi jalan keluar, iaitu:

**Pertama:** Hendaklah seseorang itu menjauhkan dirinya daripada melakukan dosa-dosa yang besar. Khas dalam kerjaya yang diceburinya, hendaklah dijauhkan diri daripada terlibat secara langsung dalam unsur yang haram dalam kerjaya tersebut. Contohnya janganlah seseorang itu mengambil pinjaman secara riba jika dia bekerja di bank konvensional dan janganlah minum arak jika dia bekerja sebagai pemandu lori yang mengedarkan arak.

Jika seseorang itu menjauhkan dirinya daripada dosa-dosa besar maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan mengampunkan dosa-dosanya yang lain, khas di sini ialah dosa yang berkaitan dengan kerjaya yang terpaksa diceburinya. Firman Allah:

***Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).***

[al-Nisa 4:31]

**Kedua:** Hendaklah seseorang itu memperbanyakkan amal salih dan kebajikan. Amal salih yang dimaksudkan tidaklah terhad kepada sesuatu yang wajib sahaja tetapi meluas kepada lain-lain amalan sunat yang dianjurkan oleh syari'at. Amal salih itu sendiri ada dua jenis, satu adalah apa yang manfaatnya pulang kepada diri pelakunya sahaja manakala yang kedua adalah apa yang manfaatnya meluas kepada masyarakat dan juga kepada diri pelakunya. Amal salih jenis kedua adalah jauh lebih utama dan lebih besar ganjarannya daripada

amal salih jenis pertama.

Contoh amal salih yang manfaatnya pulang kepada diri pelakunya adalah sembahyang sunat, puasa sunat dan umrah. Contoh amal salih yang manfaatnya meluas kepada masyarakat dan diri pelakunya adalah sedekah untuk rumah anak yatim, gotong royong menjaga kebersihan surau atau rumah orang yang hilang upaya dan menjadi sukarelawan bersama beberapa pertubuhan Islam (*Islamic N.G.O.*).

Apabila seseorang itu memperbanyakkan amal salihnya, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan menghapuskan kesalahan-kesalahan orang tersebut. Allah berfirman:

***Sesungguhnya amal-amal kebajikan menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.*** [Hud 11:114]

Walaupun bagaimanapun perlu diingatkan bahawa sekalipun syari'at Islam ada memberi dua jalan keluar di atas, tidaklah bererti ia merupakan satu-satunya pilihan bagi seseorang mukmin. Yang utama dia tetap patut berikhtiar untuk "berhijrah" mencari satu kerjaya yang paling bersih daripada pencemaran unsur-unsur yang diharamkan. Bumi Allah ini adalah sangat luas lagi dipenuhi dengan pelbagai rezeki kurniaan-Nya bagi sesiapa jua yang mencarinya. Allah berfirman:

***Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang***

***makmur.*** [al-Nisa' 4:100].

Walaupun bagaimanapun, jika seseorang itu memilih kerjaya yang dalamnya memiliki unsur yang tidak halal kerana pada ijtihadnya dalam kerjaya tersebut terdapat beberapa manfaat demi kebaikan umat Islam, maka dibolehkan dia untuk terus berkecimpung dalam kerjaya tersebut. Pada waktu yang sama hendaklah dia tetap menjauhkan diri daripada dosa-dosa besar sama ada yang berkait langsung dengan kerjaya tersebut atau tidak dan memperbanyakkan amal salih sebanyak mungkin. Tidak ketinggalan adalah memohon keampunan dan petunjuk daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seandainya ijtihadnya tersebut adalah tidak tepat.

**Hukum Kenajisan Anjing: Satu Penilaian Semula.**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

Apabila sahaja disebut tentang anjing, pasti ramai yang akan merasa jijik. Apabila sahaja melihat anjing, ramai yang akan cuba menjauhinya. Ini kerana kita sejak awal telah diajar bahawa anjing adalah najis yang berat. Akan tetapi pada masa kini, wujud beberapa suasana di mana kita terpaksa berada "berhampiran" dengan anjing. Sebagai contoh, terdapat beberapa lapangan terbang antarabangsa yang menggunakan anjing untuk mengesan dadah pada penumpang dan bagasi mereka. Ini menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan kita kerana kesukaran untuk menyamak mana-mana bahagian yang telah disentuh oleh anjing tersebut.

Dalam risalah ini, penulis ingin mengajak para pembaca sekalian mengkaji semula, adakah benar anjing adalah najis yang berat? Adakah setiap kali anjing bersentuhan dengan kita, kita perlu menyamaknya? Sebelum dimulakan kajian ini, penulis ingin terlebih dahulu memberi *muqaddimah* tentang pandangan Islam terhadap haiwan secara umum.

### **Pandangan Islam Tentang Haiwan.**

Islam adalah agama yang bukan sahaja menjaga hak-hak manusia tetapi juga hak-hak haiwan. Pada satu ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melintasi seekor unta yang kelihatan kempis perutnya kerana kelaparan. Lalu baginda bersabda:

***Bertaqwalah kepada Allah terhadap haiwan-haiwan yang bisu ini. Tunggangilah ia dengan baik dan berilah ia makan dengan baik.***<sup>140</sup>

Perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk "***...bertaqwa kepada Allah terhadap haiwan-haiwan ...***" menunjukkan bahawa kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada Hari Akhirat nanti dengan bagaimana sikap kita terhadap haiwan. Jika kita menjaga mereka dengan baik, memberi hak-hak mereka seperti makanan, minuman dan tempat berteduh, kita akan memperoleh ganjaran daripada Allah. Sebaliknya jika kita menzalimi mereka, maka kita akan memperoleh azab daripada Allah. Dua hadis berikut perlu menjadi sumber iktibar bagi kita:

***Ketika seekor anjing berpusing mengelilingi sebuah perigi dan hampir mati kerana dahaga, seorang pelacur daripada suku Bani Israil melihatnya. Lalu dia menanggalkan kasutnya dan memberi anjing tersebut minum dengannya. Maka Allah mengampunkan dia kerana***

---

<sup>140</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadith al-Shahihah* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 1995), hadis no: 23.

**perbuatannya itu.**<sup>141</sup>

***Seorang wanita memasuki neraka disebabkan seekor kucing yang diikatnya. Dia tidak memberinya makan mahupun membebaskannya untuk makan serangga di tanah.***<sup>142</sup>

Daripada hadis-hadis di atas, jelas bahawa sikap kita terhadap haiwan memiliki kedudukan yang penting di dalam agama sehingga melibatkan antara syurga dan neraka. Oleh itu hendaklah kita sentiasa memerhatikan sikap kita terhadap haiwan. Jangan dihadkan belai kasih kepada haiwan peliharaan sahaja tetapi hendaklah diluaskan kepada haiwan-haiwan yang lain. Sebagai contoh, jika di persekitaran rumah ada kucing yang menjadi pemeliharaan seseorang dan beberapa kucing lain yang berkeliaran, janganlah makanan disediakan untuk kucing yang dipelihara sahaja. Sediakan juga makanan kepada kucing-kucing yang lain.

Berdasarkan hadis-hadis di atas juga, kita patut bersikap terbuka untuk menilai semula, sejauh manakah pendapat yang mengatakan anjing adalah najis berat. Pendapat ini memang masyhur akan tetapi kemasyhuran sesuatu hukum tidak menjamin kebenarannya. Justeru marilah kita menilai semula hukum kenajisan anjing.

---

<sup>141</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam kitab *Shahihnya*, hadis no: 3467 (*Kitab hadis-hadis al-Anbiya'*).

<sup>142</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam kitab *Shahihnya*, hadis no: 3318 (*Kitab permulaan penciptaan*).

### **Hukum kenajisan anjing.**

Dalam sebuah hadisnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Apabila seekor anjing minum dalam bekas salah seorang daripada kamu, maka basuhlah ia tujuh kali.***<sup>143</sup>

Hadis ini dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Shahih al-Bukhari* – hadis no: 172. Dalam riwayat-riwayat lain diterangkan bahawa salah satu basuhan hendaklah bersama dengan tanah. Sebahagian riwayat menyebut basuhan kali pertama, sebahagian lagi kali terakhir dan sebahagian lagi kali kelapan. Yang *rajih* (kuat) adalah basuhan kali pertama kerana sifat riwayat-riwayatnya.<sup>144</sup>

Berdasarkan hadis ini wujud dua pendapat tentang kenajisan anjing. Pendapat pertama berkata anjing adalah najis keseluruhannya manakala pendapat kedua berkata ianya tidak najis keseluruhannya. Perinciannya adalah seperti berikut:

---

<sup>143</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan lain-lain, lihat *Shahih al-Bukhari* – hadis no: 172 (*Kitab Wudhu, Bab jika anjing minum daripada bekas air.....*)

<sup>144</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalani – *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (*tahqiq* Bin Baz; Dar al-Fikr, Beirut), jld. 1, ms. 369-370 dan al-Albani – *Irwa’ al-Ghalel fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil* (Maktab al-Islami, Beirut 1985), jld 1, ms 62.

**Pendapat pertama dan dalil-dalilnya:**

Pendapat pertama menyatakan bahawa seluruh anjing sama ada kecil atau besar adalah najis. Ini adalah pendapat Mazhab al-Syafi'iy dan Hambali.<sup>145</sup> Terdapat dua dalil yang menjadi hujah bagi pendapat pertama ini.

**Dalil pertama** adalah berdasarkan kaedah qiyas. Suruhan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk membasuh bekas yang diminum oleh anjing adalah dalil bagi menunjukkan najisnya lidah, air liur dan mulut anjing. Memandangkan lidah dan mulut adalah anggota utama haiwan dan ia dikategorikan sebagai najis maka sudah tentu lain-lain anggotanya - yakni seluruh badannya - adalah najis juga. Lebih dari itu air liur anjing terhasil daripada peluhnya sendiri, maka jika peluh yang keluar dari mulut (yakni air liur) adalah najis maka sudah tentu peluh yang keluar daripada seluruh badannya adalah najis juga. Maka dengan itu seluruh badan anjing adalah najis.

**Dalil kedua** adalah berdasarkan sebuah hadis:

***Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam diundang ke rumah satu kaum lalu baginda memenuhi undangan tersebut, kemudian baginda diundang ke rumah satu kaum yang lain namun tidak baginda memenuhinya. Lalu ditanya kepada baginda kenapa? Baginda menjawab: "Sesungguhnya pada rumah si fulan itu ada anjing."*** Lalu dikatakan

---

<sup>145</sup> Wahbah al-Zuhaili – *Fiqh al-Islami wa 'Adilatuhu* (Dar al-Fikr, Damsyik 1994), jld. 1, ms. 305



**kepada baginda: "Dalam rumah si fulan (undangan pertama) ada kucing. Baginda menjawab: "Sesungguhnya kucing bukan najis."**

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan al-Hakim. Berdasarkan hadis ini difahami bahawa anjing adalah najis (berbeza dengan kucing yang bukan najis).

#### **Pendapat kedua dan dalil-dalilnya.**

Pendapat kedua menyatakan bahawa anjing tidak najis seluruhnya, demikian yang masyhur daripada Mazhab Maliki. Mazhab Hanafi berpendapat seumpama kecuali mulut, air liur dan tahi anjing, ketiga-tiga ini mereka kategorikan sebagai najis.<sup>146</sup>

Tokoh-tokoh Mazhab Maliki berpendapat suruhan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk membasuh bekas yang diminum oleh anjing bukanlah disebabkan oleh kenajisan mulut, lidah dan air liur anjing tetapi disebabkan kepada ketaatan kepada Allah semata-mata (*ta'abudi*). Mereka berpendapat sedemikian dengan merujuk kepada lain-lain hadis Rasulullah yang membenarkan penggunaan anjing terlatih untuk berburu dan tiadalah seekor anjing memburu dan membunuh mangsanya melainkan melalui gigitan mulutnya. Haiwan yang ditangkap oleh anjing buruan tersebut adalah tetap suci untuk dimakan seluruhnya berdalilkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

---

<sup>146</sup> Wahbah al-Zuhaili – *Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, jld. 1, ms. 305.

***Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lezat-lazat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya. [al-Maidah 5:04]***

Berdasarkan gabungan dalil-dalil ayat di atas dan hadis-hadis yang membenarkan penggunaan anjing terlatih untuk memburu, mazhab Maliki berpendapat bahawa mulut, lidah dan air liur anjing bukanlah najis.

Sedikit berbeza adalah mazhab Hanafi di mana mereka berpendapat anjing bukan najis kecuali mulut, lidah dan air liurnya adalah najis dengan merujuk secara zahir kepada hadis yang pertama di atas.

#### **Pendapat yang *rajih* (kuat):**

Pendapat yang dianggap *rajih* (terkuat) adalah pendapat yang kedua. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

#### **Pertama:**

Kaedah qiyas yang digunakan untuk menghukum seluruh anjing sebagai

najis adalah qiyas yang lemah.

Ini kerana asal pengusulan kaedah qiyas adalah bagi mencari hukum terhadap kes baru yang tidak wujud pada zaman turunnya wahyu – al-Qur'an dan al-Sunnah. 'Illat atau sebab bagi kes yang baru tersebut dikaitkan secara analogi kepada satu kes yang sudah sedia wujud pada zaman penurunan wahyu.

Menggunakan qiyas untuk menghukum keseluruhan anjing sebagai najis dianggap lemah kerana anjing pada asalnya sudah wujud pada zaman turunnya wahyu. Bererti ia bukanlah kes yang baru. Apabila sesuatu kes itu sudah sedia wujud di zaman penurunan wahyu dan tidak ada wahyu yang menerangkan hukumnya, bererti sememangnya Allah tidak bermaksud untuk menurunkan apa-apa hukum ke atasnya.

Apabila tiada hukum yang diturunkan maka ia kembali kepada kedudukan yang asal, iaitu halal/harus/bersih. Firman Allah:

***Dia-lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.*** [al-Baqarah 2:29]

***Dan Dia (Allah) memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.*** [al-Jatsiyah 45:13]

***Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan***

**untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin?** [Luqman 31:20]

Kesimpulannya, anjing adalah haiwan yang sedia wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apabila tiada ketentuan hukum diturunkan dalam persoalan najis atau tidaknya anjing, bererti hukum anjing kembali kepada yang asal, iaitu ia adalah haiwan yang tidak najis.

#### **Kedua:**

Hadis yang menerangkan keengganan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memenuhi undangan kerana ada anjing di dalam rumah adalah lemah (*dha'if*). Berkata Syaikh 'Adl Ahmad 'Abd al-Mawjud dan Syaikh 'Ali Muhammad Ma'wudh ketika *mentakhrij* hadis tersebut:<sup>147</sup>

Dikeluarkan oleh Ahmad (2/442), al-Hakim (1/183), al-'Uqaili dalam al-Dhu'afa' (3/386) dan al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra (1/151); setiapnya daripada jalan 'Isa bin al-Musayyab, daripada Abi Zur'ah, daripada Abi Hurairah.

Berkata al-Hakim: "Dan 'Isa bin al-Musayyab berseorangan daripada Abi Zur'ah kecuali bahawasanya beliau benar (*shaduq*) dan tidak tidak dicela secara

---

<sup>147</sup> Sunan al-Daruquthni (Dar al-Ma'rafah, Beirut 2001), jld. 1, ms 171.

pasti." Namun ini kemudiannya diikuti dengan komentar al-Zahabi: "Berkata Abu Daud (tentang 'Isa bin al-Musayyab): *Dha'if*. Berkata Abu Hatim: Tidaklah dia kuat."

Diriwayatkan oleh al-'Uqaili daripada Yahya bin Ma'in bahawa dia berkata: "'Isa bin al-Musayyab dha'if." Berkata al-Haitsami di dalam *al-Majma'* (4/48): "Diriwayatkan oleh Ahmad dan di dalam (sanadnya) terdapat 'Isa bin al-Musayyab, dinilai terpercaya (thiqah) oleh Abu Hatim dan dha'if oleh selainnya." (Ini tidak benar) kerana Abu Hatim tidak menilai beliau thiqah, beliau hanya berkata tentangnya dalam *al-Jarh wa al-Ta'dil* (6/288): "Dianggap *shaduq* akan tetapi kuat."

Demikian *takhrij* oleh Syaikh 'Adl Ahmad 'Abd al-Mawjud dan Syaikh 'Ali Muhammad Ma'wudh. Selain itu, al-Daruquthni dan al-Baihaqi menilai 'Isa bin al-Musayyab sebagai "shalih al-Hadis." Akan tetapi dalam ilmu hadis sedia diterangkan bahawa apabila bertembung celaan dan pujian, hendaklah diunggulkan celaan tersebut.

Oleh kerana itu Syaikh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Sunan al-Daruquthni* (Muassasah al-Risalah, Beirut 2004), jld 1, ms 103 telah mengkategorikan hadis ini sebagai: "Hadis Dha'if."

Kesimpulannya, hadis ini dha'if dan tidak boleh dijadikan sumber dalil dalam perkara hukum.

**Ketiga:**

Hadis yang dijadikan dalil dalam Mazhab al-Syafi'iy berakhir dengan lafaz: **"Sesungguhnya kucing bukan najis."** Lafaz ini sebenarnya tidak wujud di dalam mana-mana kitab hadis yang meriwayatkan hadis tersebut. Lafaz yang terdapat dalam *Sunan al-Daruquthni* adalah:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah datang ke rumah satu kaum daripada kalangan orang-orang Anshar namun baginda enggan masuk rumah mereka. Ini menimbulkan kegelisahan ke atas mereka (tuan rumah) lalu mereka bertanya: "Ya Rasulullah, anda datang ke rumah si fulan tetapi anda enggan pergi ke rumah kami." Maka baginda menjawab: "Ini kerana rumah kamu ada anjing." Mereka berkata: "Akan tetapi pada rumah mereka ada kucing." Rasulullah menjawab: "Kucing adalah sejenis binatang buas (yakni tidak tetap penjagaannya, sering merayau-rayau)."***

Oleh itu al-Hafiz al-'Iraqi telah berkata:<sup>148</sup>

Seandainya sabit tambahan ini (yakni **"Sesungguhnya kucing bukan najis."**), ia telah menjadi sumber pendalilan yang masyhur. Akan tetapi ianya tidak

---

<sup>148</sup> *Thahr al-Tastrib bi Syarh al-Taqrif al-Asanid wa Tartib al-Masanid* (Dar al-Fikr, Beirut), jld. 2, ms 123.

dikenali asal usulnya di dalam mana-mana kitab hadis yang sedia ada. Padahal hadis ini diriwayatkan dengan tambahannya oleh Imam Ahmad, dalam *Musnadhya*, al-Daruquthni dalam *Sunannya* dan al-Hakim dalam *al-Mustadraknya* daripada riwayat 'Isa bin al-Musayyab daripada Abi Zur'ah daripada Abi Hurairah, kecuali mereka tidak menyebut dalam (kitab-kitab mereka) lafaz: "***Sesungguhnya kucing bukan najis.***"

Sesungguhnya yang disebut adalah sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: "*Kucing adalah sejenis binatang buas.*" Dan berkata al-Daruquthni sesudah mengeluarkan hadis tersebut: "Isa bin al-Musayyab Shalih al-Hadis." Dan berkata al-Hakim: "Hadis ini sahih isnad dan tidak dikeluarkan (oleh al-Bukhari atau Muslim) dan 'Isa bin al-Musayyab berseorangan daripada Abi Zur'ah, akan tetapi (tak mengapa) kerana dia benar (*shadug*) dan tidak dicela secara pasti."

Saya (al-Hafiz al-Iraqi) berkata: Bahkan yang benar dia telah dicela oleh Ibn Ma'in, Abu Daud, al-Nasa'iy, Ibn Hibban dan al-Daruquthni sendiri di tempat yang lain.

Kesimpulannya, hadis yang dijadikan dalil kenajisan anjing tertolak dari dua sudut: pertama adalah kelemahan sanadnya manakala kedua adalah tambahan lafaz "Sesungguhnya kucing bukan najis" yang sebenarnya tidak wujud dalam mana-mana kitab hadis.

Berdasarkan tiga sebab di atas, maka yang *rajih* (kuat) ialah pendapat kedua, iaitu anjing tidak najis. Hadis yang menyuruh menyucikan bekas yang dijilat oleh anjing tidak semestinya bererti jilatan anjing itu najis, sebagaimana kita manusia juga disuruh berwudhu' dan bertayamum – suruhan ini tidaklah bererti kita najis. Akan tetapi ia adalah ketaatan kita kepada perintah Allah dan Rasul-Nya semata-mata.

Inilah juga merupakan pendapat Yusuf al-Qaradhawi. Setelah mengkaji dalil masing-masing mazhab, beliau merumuskan:<sup>149</sup>

Di antara yang najis ialah air liur anjing. Disebut dalam *Shahih al-Bukhari* dan *Muslim* daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ***Apabila seekor anjing minum dalam bekas salah seorang daripada kamu, maka basuhlah ia tujuh kali.***

Ini juga sebagaimana telah ditetapkan menurut hadis keduanya (al-Bukhari dan Muslim) dan selain keduanya daripada hadis 'Abd Allah bin Mughaffal tentang kenajisannya. Dengan demikian, jelaslah tentang najisnya air liur anjing itu.

Bahkan, di sana ada beberapa fuqaha yang menyebut tentang kenajisan semua anggota tubuh anjing. Padahal tidak ada dalil yang menunjukkan hal ini baik

---

<sup>149</sup> *Fiqh al-Thaharah* (edisi Indonesia atas judul yang sama; al-Kautsar, Jakarta 2004), ms. 21-22.



dari Al-Quran maupun sunnah Rasulullah. Sedangkan pengambilan dalil tentang dijilat atau minumannya anjing dari tempat air, maka itu khusus untuk sesuatu yang dijilat saja. Tidak ada yang menunjukkan pada kenajisan anjing secara keseluruhan: daging, tulang, darah, bulu, dan keringat. Sedangkan mengqiyaskan ini dengan jilatan anjing, adalah bentuk qiyas yang sangat jauh sekali, sebagaimana disebut oleh Imam al-Syaukani. Khususnya jika dikaitkan dengan hadits 'Abd Allah ibn 'Umar (yang menerangkan) ***"Anjing masuk dan keluar di masjid pada masa Rasulullah dan para sahabat tidak memercikkan air apa pun."*** (Hadis riwayat al-Bukhari dan Abu Daud).

Ada juga sebagian yang lain yang mengatakan tentang kesucian semua anggota tubuh anjing dan mengatakan, sesungguhnya dicucinya tempat yang dijilat anjing adalah masalah yang bersifat ibadah (*ta'abbud*), yang hikmahnya hanya Allah yang tahu. Sedangkan yang wajib kita lakukan adalah mengamalkan apa yang ada di dalam nash walaupun kita tidak mengetahui hikmahnya. Ini adalah madzhab Imam Malik.

Imam Malik berhujah bahwa Allah membolehkan makan dari hasil buruan anjing tanpa memerintahkan kita untuk mencucinya. Sebagaimana yang Allah *Ta'ala* firmankan: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): ***"Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?"*** Bagi menjawabnya katakanlah:

***"Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lezat-lezat serta baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya. [al-Maidah 5:04]***

Sedangkan saya sendiri (al-Qaradhawi) cenderung pada pendapat Imam Malik bahwa semua yang hidup adalah suci. Demikianlah juga dengan anjing. Dalam zatnya dia suci. Oleh sebab itulah dibolehkan bagi kita untuk memakan hasil buruannya. Dan perintah Nabi untuk mencuci apa yang dijilat anjing adalah sesuatu yang bersifat *ta'abbudi*. Sedangkan penemuan ilmu moden tentang sesuatu yang menyangkut air liur anjing bahwa di dalamnya ada penyakit-penyakit, kemungkinan penemuan selanjutnya akan lebih mengejutkan.

Sekian al-Qaradhawi. Di atas merupakan pendapatnya yang terbaru, membatalkan pendapat beliau yang lama dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*.

Seterusnya terdapat tiga persoalan lanjut yang perlu dijelaskan:

**Persoalan pertama:**

Jika anjing tidak najis, haruskah kita mencuci jilatannya jika ia menjilat kita atau perkakas kita?

**Penjelasan kepada persoalan pertama:**

Jawapannya ya, berdasarkan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyuruh kita mencuci jilatan anjing. Kita mencucinya bukan kerana ia najis tetapi kerana taat kepada perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

**Persoalan kedua:**

Apabila tersentuh jilatan atau air liur anjing, adakah cara menyucinya wajib dengan tujuh kali basuhan diawali dengan campuran tanah atau boleh dicuci dengan apa sahaja yang bersifat menyucikan?

**Penjelasan kepada persoalan kedua:**

Di sini para fuqaha berbeza pendapat sama ada boleh menggunakan sabun bagi menggantikan tanah. al-Qaradhawi dalam bukunya *Fiqh al-Thaharah*, ms 61-63 menerangkan bahawa sebahagian fuqaha Syafi'iyah dan Hanabilah kontemporer membolehkan penggunaan sabun. Bahkan Mazhab Maliki mengatakan penggunaan tanah/debu adalah tidak wajib, ia sunnah sahaja.

Pendapat yang dipertengahan lagi mendekati hadis-hadis Rasulullah

*shallallahu 'alaihi wasallam* ialah mencuci jilatan anjing dengan tujuh kali basuhan diawali dengan campuran tanah. Akan tetapi jika tidak ditemui tanah atau pada saat itu tidak sesuai untuk menggunakan tanah maka dibolehkan menggunakan sabun atau apa jua yang sifatnya menyucikan. Ini kerana mencuci jilatan anjing ialah duduk dalam bab ketaatan kepada perintah syari'at dan ketaatan ini adalah berdasarkan kemampuan setiap individu berdasarkan kesenangan dan kesukaran yang dihadapinya. Jika menghadapi kesukaran untuk mentaatinya maka syari'at memberi kelonggaran sekadar mana yang perlu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.*** [al-Taghabun 64:16]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Apa sahaja yang aku larang kamu daripadanya maka tinggalkanlah ia dan apa sahaja yang aku perintahkan kamu dengannya maka lakukanlah ia sedaya upaya kamu.***<sup>150</sup>

#### **Persoalan ketiga:**

Bolehkah memelihara anjing sebagai haiwan kesayangan (*pet*)?

#### **Penjelasan bagi soalan kedua:**

---

<sup>150</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 1337. Rujuk juga *Hadis 40 al-Imam al-Nawawi* – hadis no: 9.

Jawapan kepada soalan kedua boleh diperolehi dengan merujuk kepada hadis berikut:

***Sesiapa mengambil anjing (sebagai peliharaan) kecuali anjing menjaga tanaman atau anjing menjaga ternakan atau anjing berburu maka setiap hari pahalanya berkurang satu qiraat.***<sup>151</sup> [Shahih Muslim – no: 1574]

Terhadap hadis di atas para fuqaha berbeza pendapat adakah haram atau makruh untuk memelihara anjing atas sebab-sebab selain menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Pendapat yang *rajih* (kuat) adalah makruh hukumnya, sebagaimana ulas al-Syaukani:<sup>152</sup>

Ini menjadi dalil atas kebolehan memelihara anjing atas sebab-sebab selain daripada apa yang disebut (dalam hadis di atas). Sesungguhnya ia tidak haram kerana sesuatu yang jika penggunaannya adalah haram ia tidak boleh digunakan dalam semua keadaan tak kira sama ada ia mengakibatkan pengurangan pahala atau tidak. Maka ini menunjukkan bahawa penggunaannya (memelihara anjing selain daripada tujuan menjaga tanaman, ternakan dan berburu) adalah makruh dan bukan haram.

---

<sup>151</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 1574 (*Kitab al-Masaqah, Bab perintah membunuh anjing.....*)

<sup>152</sup> *Nail al-Authar min Asrar Muntaqa al-Abrar* (Dar al-Kitab al-‘Arabi, Beirut 2000), jld. 5, ms. 204.

Kesimpulannya, makruh hukumnya untuk memelihara anjing kecuali jika memiliki sebab-sebab yang tertentu demi menjaga kemaslahatan dan menolak kemudharatan. Adapun hikmah hukum makruh ini antara lain adalah kerana memelihara anjing akan menyebabkan malaikat rahmat menjauhi rumah kita, menimbulkan rasa takut kepada tetamu dan salakannya mengganggu ketenteraman jiran.

## **Tsunami!**

oleh:

Hafiz Firdaus Abdullah

"All aircraft this is Medan Control. We just had an earthquake. All systems seems to be normal and Medan airport is still open." Demikianlah kata-kata pengawal lalulintas udara pada lebih kurang pukul lapan setengah pagi pada 26 Disember 2004. Pada ketika itu penulis sedang berada pada ketinggian 36,000 kaki di ruang udara kawalan *Medan Control* dalam penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Istanbul.

Menganggap ia hanyalah gempa bumi yang kecil, perkara tersebut terlepas daripada ingatan penulis sehingga esok hari ketika menonton *BBC World News* di bilik hotel di Istanbul. Jelas bahawa anggapan penulis adalah salah. Gempa bumi tersebut yang sebenarnya berpusat di dasar lautan di sebelah Barat kepulauan Sumatra sebenarnya telah melahirkan ombak besar "*Tsunami*" yang menghempas tebing hampir semua negara di sekeliling Lautan India. Malah ombak besar ini juga mencecah ke tebing negara Somalia di pantai Timur benua Afrika.

**Pesanan ringkas (SMS) dari Malaysia**

Jumlah kehilangan nyawa amatlah besar sehingga mencapai lebih 100,000. Dalam suasana memikirkan kedahsyatan malapetaka tersebut, tiba-tiba talifon bimbit penulis berbunyi, menandakan ada sebuah pesanan ringkas (SMS):

Al-Qur'an, surah Mayram, ayat 88-91: "Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya! Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan yang demikian dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah (Tsunami 26 Disember), serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak (Hari Natal 25 Disember)." Sila sebarkan kepada orang ramai.

Penulis tersentak seketika. Dalam suasana manusia seluruh dunia sedang bertungkus lumus menyelamatkan mangsa ombak besar, ada umat Islam yang sibuk mencari ayat sebagai "dalil" bagi peristiwa tersebut. Dalam suasana manusia seluruh dunia bergegas mendedahkan harta membantu mangsa, ada umat Islam yang bergegas mencari ayat untuk menjustifikasikan peristiwa tersebut.

Penulis menjawab balik pesanan ringkas tersebut:

Tuhan menunggu lebih 1400 tahun untuk melaksanakan ayat-Nya. Namun apabila dilaksanakan, Tuhan terlepas satu hari! Sila sebarkan kepada orang ramai agar kita sama-sama ketawa.

Maksud penulis dalam pesanan ringkas di atas, seandainya benar Allah



*Subhanahu wa Ta'ala* ingin menurunkan azab-Nya kepada orang-orang yang menyambut Hari Natal pada 25 Disember, nescaya Allah akan melakukannya lama dahulu, tidak pada tahun 2004. Lebih dari itu Allah dengan segala kekuasaan-Nya akan menurunkan azab tersebut tepat pada harinya dan tepat pada sasaran. Maha Suci Allah daripada terlepas satu hari dan tersalah sasaran! Dikatakan terlepas satu hari kerana Hari Natal disambut pada 25 Disember dan bukannya 26 Disember. Dikatakan tersalah sasaran kerana majoriti manusia yang terkesan dengan bencana Tsunami tidak menyambut Hari Natal.

Sebenarnya pesanan ringkas yang penulis terima di atas bukanlah perkara yang terpencil. Terdapat sebahagian umat Islam yang memiliki sifat angkuh di dalam diri mereka di mana dengan keangkuhan tersebut mereka berkata "padan muka" kepada mana-mana kaum yang ditimpa musibah, sekalipun kaum tersebut seagama dengan mereka. Tidak sekadar itu, mereka juga dengan sendirinya melantik diri mereka menjadi "Jurucakap Tuhan" untuk menerangkan kenapa Allah menurunkan azab tersebut.

### **Menjadi "Jurucakap Tuhan"**

Sebagai seorang yang angkuh dan "Jurucakap Tuhan", mereka mencipta pelbagai alasan untuk menjustifikasikan sesuatu azab yang berlaku ke atas sesuatu kaum. Sebagai contoh, sebelum ini apabila berlaku banjir besar di Bangladesh, penulis pernah mendengar di antara umat Islam ada yang berkata:

*"Itulah azab Allah yang melanda. Orang Bangla tu banyak yang tak betul Islam mereka!"*  
 Apabila berlaku gempa bumi di bandar Bam di Iran yang mengorbankan puluhan ribu nyawa, ada di antara umat Islam yang berkata: *"Azab Allah turun kerana mereka itu orang Syi'ah yang sesat!"*

**Seandainya** sesuatu musibah berlaku pada zaman para sahabat *radhiallahu 'anhum*, mereka akan menanggung diri daripada sebarang komentar sehinggalah berkesempatan untuk bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: "Kenapakah ia berlaku?" Rasulullah sendiri tidak akan memberi apa-apa jawapan sehingga memperoleh wahyu daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini kerana sekalipun kita beriman bahawa setiap yang berlaku adalah dengan kehendak Allah, **menjadi satu kesalahan yang besar** apabila kita membuat andaian sendiri kenapa Allah melakukannya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi amaran keras tentang hal ini:

***Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan:***

- 1. Perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi;***
- 2. Dan perbuatan dosa;***
- 3. Dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar;***
- 4. Dan kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya);***

**5. Dan kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya. [al-A'raaf 7:33]**

Diingatkan bahawa faktor "kenapa" Allah melakukan sesuatu perkara tidak sama dengan "kenapa" yang diandaikan oleh akal manusia. Malah adakalanya ketidaksamaan tersebut benar-benar bertolak belakang. Firman Allah:

***Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.*** [al-Baqarah 2:216]<sup>153</sup>

**Sikap yang sebenar**

Sebagai umat Islam, sikap kita yang benar bukanlah menjadi jurucakap Allah, tetapi menjadi hamba yang bersyukur kepada Allah kerana terselamat daripada apa-apa bencana. Kesyukuran tersebut hendaklah dibuktikan dengan membantu sedaya mungkin orang-orang yang terkesan dengan musibah.

Marilah kita membanding diri kita dengan umat-umat daripada agama selain Islam. Dalam suasana kita berkata: "Itulah kaum yang diturunkan azab Allah",

---

<sup>153</sup> Lebih dari itu Allah tidak sewenang-wenangnya menghukum dan menjatuhkan azab ke atas sesuatu kaum, sekalipun mereka itu orang bukan Islam. Rujuk semula risalah *Tuhan Islam Kejam?* dalam buku ini.

umat-umat agama lain berkata: "Itulah kaum yang sangat-sangat memerlukan pertolongan". Dalam suasana kita berkata: "Demikianlah kesalahan yang dilakukan oleh satu kaum sehingga layak ditimpa musibah", umat-umat agama lain berkata: "Demikianlah musibah yang menimpa satu kaum sehingga mereka layak menerima bantuan kita". Dalam suasana kita sibuk mencari ayat untuk menjustifikasikan musibah yang menimpa satu kaum, umat-umat agama lain sibuk mencari peralatan *Search and Rescue* untuk dibawa bersama dalam misi penyelamat. Dalam suasana kita merasa selesa mengingati diri yang terselamat daripada musibah, umat-umat agama lain merasa berat mengingati mereka yang ditimpa musibah. Sungguh, sangat berbeza sikap umat Islam berbanding umat-umat agama lain.

Marilah dari saat ini kita berubah sikap. Berubah bukan sahaja ke tahap yang menyamai umat-umat lain tetapi melebihi mereka sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*** [al-Baqarah 2:148]

***Dan kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu.***

***Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya. [al-Maidah 5:48]***

**Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu  
(Sebagaimana yang Diajar dan Dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.)**  
Jahabersa 1999 & 2002 & 2004

**Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah (s.a.w.)  
(Suatu Jemputan Ke Arah Berselawat Dengan Sebenar-benar Selawat dan  
Huraian Tentang Beberapa Salah Faham Dalam Bab Berselawat)**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Mendirikan Sembahyang**  
Jahabersa 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam**  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan**  
Jahabersa 2000, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Solat Tarawikh:  
Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**  
Jahabersa 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya**  
Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**  
Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil**  
Jahabersa 2003, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah:  
73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari**  
Jahabersa 2003

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**  
**Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad**  
Jahabersa 2003

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**  
**Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya**  
Jahabersa 2004

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi'ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.**  
**Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**  
Jahabersa 2004

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada *Syi'ah al-Rafidhah* dalam Persoalan Khalifah.**  
**Siri Kedua: Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.**  
Jahabersa 2004

**Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah**  
**Buku 1: Hadis Ahad, Azab Kubur, Aurat Wanita, Penurunan Nabi Isa, Modernisme dan Islam Liberal**  
Jahabersa 2004

**Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah**  
**Buku 2: Operasi Berani Mati, Mandi Bunga, Isra' dan Mi'raj, Wanita Bekerjaya, dan Fiqh Lintas Agama.**

**Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa**  
**(Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)**  
Jahabersa 2005

**Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an**  
Jahabersa 2005

**Buku-buku yang disunting oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars**

**Part One: The History of Christianity, The Concept of Salvation, The Doctrine of the Trinity and Incarnation (al-Hulul wa al-Ittihad)**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004), juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars**

**Part Two: The Doctrine Of The Original Sin And The Atonement, The Crucifixion And The Resurrection Of Jesus Christ, Jesus Was Sent Only To The Israelites, The Authenticity Of The Bible, Contradictions And Errors In The Biblical Text.**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004)

**Koleksi Kertas Kerja Seminar "Ahli Sunnah Wal Jamaah Golongan Tauladan"**

(Jahabersa 2004)

**Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli.**

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Leo Africanos: Pengembara Muslim Yang Belum Dikenali Ramai.**

Oleh Dr. Pekka Masonen & Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.**

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Azzahari bin Murad. (Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com))

**Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu *Ushul al-Fiqh***

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2004)

**Kaedah Memahami Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah**

Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005)

**Keadilan Para Sahabat Di Sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2005)

**Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami**

Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin (Jahabersa 2005)



Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Berpegang kepada konsep "*Bukan siapa yang berkata tetapi apa yang dikatakan*", Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

*Alhamdulillah* sambutan yang baik daripada para pembaca menjadi pendorong kepada beliau untuk terus menulis topik-topik yang lebih penting dan besar. Sehingga kini Hafiz Firdaus telah menulis belasan buah buku bersama Penerbitan Jahabersa dengan sambutan yang luas di Malaysia dan negara-negara jiran.